



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KEDUA

SHAH ALAM, 01 JULAI 2013 [ISNIN]

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Halimah binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)
(Timbalan Speaker Dewan Negeri)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)
Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)
Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman (Meru)
Y.B. Tuan Dr. Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)
Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)
Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)
Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)
Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)
Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Haji Shafiei (Sri Muda)
Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (Batu Caves)
Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)
Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)
Y.B. Tuan Hasbullah bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)
Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)
Y.B. Puan Noor Hanim binti Ismail (Seri Serdang)
Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)
Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)
Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)
Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)
Y.B. Tuan Razaly bin Hassan (Dusun Tua)
Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)
Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib (Taman Templer)
Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)
Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah (Bangi)

Y.B. Tuan Lee Chin Cheh (Kajang)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Haji Idrus
K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak
S.M.S., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimatun Saadiyah binti Bohan
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrudin bin Mohd Sharif (Dengkil)

TIDAK HADIR

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)
(menunaikan Umrah)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Suliman bin Abd Rahman, A.M.S., PPT
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Puan Noor Asdiana binti Abd Kadir
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Mazian binti Manan
Penolong Setiausaha

Puan Noor Diana binti Razali
Penolong Setiausaha

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha

Puan Siti Salbiah binti Masri
Penolong Pegawai Tadbir

Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Encik Ismail bin Habib
Encik Ahmad Hafizan bin Yusof
Bentara

Puan Noor Syazwani binti Abd Hamid
Puan Hajah Noridah binti Abdullah
Pelapor Perbahasan

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN : *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Kedua Persidangan Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA.

TUAN SPEAKER : Salam Sejahtera dan selamat datang pada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli Majlis Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri, pegawai-pegawai kerajaan dan para pemerhati sekalian. Bertemu kembali dalam Mesyuarat Kedua Dewan yang mulia ini bagi penggal pertama Dewan Negeri Selangor yang Ketiga Belas. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian harapan saya agar Persidangan Dewan Negeri Selangor kali ini dijadikan medan kepada semua Yang Berhormat untuk membahaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan negeri, perkembangan ekonomi serta kebajikan rakyat selaras dengan matlamat untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan negeri Selangor. Di sini saya juga ingin memaklumkan bahawa Yang Berhormat Dato' Haji Johan bin Abdul Aziz, Ahli Dewan Negeri kawasan Semenyih tidak dapat menghadiri mesyuarat pada kali ini kerana menunaikan umrah. Permohonan cuti telah dikemukakan kepada saya dan saya telah meluluskan permohonan beliau. Tanpa melengahkan masa saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk meneruskan aturan urusan mesyuarat pada pagi ini.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat kedua. Kertas-kertas mesyuarat yang dibentangkan di Dewan Negeri:

- i. Kertas Mesyuarat Bilangan 1 Tahun 2013
 - Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan Tambahan 2013.
- ii. Kertas Mesyuarat Bilangan 2 Tahun 2013
 - Anggaran Perbelanjaan Perbekalan Tambahan Pertama 2013 dan Memorandum Perbendaharaan mengenai Anggaran Perbelanjaan Perbekalan Tambahan Pertama 2013 bagi Kerajaan Negeri Selangor.
- iii. Kertas Mesyuarat Bilangan 3 Tahun 2013 Laporan Tahunan 2010 Perbadanan -
 - Perpustakaan Awam Selangor.

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya, Pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sebelum saya memulakan sesi pertanyaan sukacita saya mengingatkan perintah Tuan Speaker Bilangan 1 Tahun 2012 yang telah mengehadkan masa untuk menjawab selama 3 minit dan apabila lampu kuning menyala bererti Yang Berhormat hanya tinggal 30 saat untuk menjawab. Manakala bagi soalan tambahan Yang Berhormat dihadkan masa 30 saat sahaja. Saya mempersilakan Yang Berhormat Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker. Selamat pagi. Soalan saya yang pertama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : KAMPUNG BAGAN NAKHODA OMAR (BNO)

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status terkini permohonan untuk membatalkan kawasan tanah kerajaan di Bagan Simping Empat BNO, Pekan bagan Nakhoda Omar, Daerah Sabak Bernam seluas lebih kurang 56.5 ekar daripada rizab Melayu Sungai Lang GN 925-28 dan digantikan dengan kawasan berstatus tanah kerajaan dengan keluasan yang sama di kawasan KM 50.5 Sungai Panjang, Mukim Sungai Panjang, Daerah Sabak Bernam?.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : *Bismillahir rahmanir rahim.* Tuan Speaker, soalan mengenai Kampung Bagan Nakhoda Omar di mana atas permintaan masyarakat di sana tanah yang diduduki oleh masyarakat di Bagan Simping Nakhoda Omar itu ialah tanah rizab Melayu. Walau bagaimanapun penduduk sana telah menduduki kawasan tersebut lebih daripada 40 tahun dan oleh sebab itu kerajaan berpandangan supaya tanah tersebut dibebaskan daripada kawasan rizab Melayu. Tetapi masalah utama ialah sebelum membebaskan/membatalkan kawasan tersebut kita juga kena menggantikan tanah tersebut dengan kawasan tanah yang sama iaitu jumlahnya ialah 56.5 ekar. Pegawai Daerah diminta untuk mencarikan tanah yang sama oleh sebab sukar sedikit untuk mencari sebab tanah Bagan Nakhoda Omar itu dianggap sebagai tanah pekan. Jadi kami akan membuat satu cadangan kepada Yang Dipertua Sabak Bernam untuk membuat susun kawasan supaya kita tambah kawasan tanah pekan di Sabak Bernam supaya dapat kita gantikan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker. Masalah ini sebenarnya sudah terlalu lama dan saya khuatir ia akan mengambil masa yang lebih panjang untuk menyelesaikan masalah ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar adakah mungkin kalau kerajaan negeri menggunakan atauewartakan

tanah rizab Melayu di daerah yang lain yang ada tanah pekan untuk menggantikan balik tanah yang sama ini dan menjadikan perkara ini dipercepatkan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker perkara itu juga kita sudah timbangkan sama ada membawa tanah pekan itu ke daerah yang lain. Ini akan menimbulkan soalan-soalan yang disoal oleh masyarakat tempatan. Jadi oleh sebab itu cara yang paling senang ialah membesarkan kawasan di sana sebagai kawasan pekan dan memberikan kawasan tersebut sebagai rizab Melayu. Itu lebih senang.

TUAN SPEAKER : Soalan tambahan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar soalan tambahan saya berkenaan dengan Bagan Nakhoda Omar ini. Status tanah pekan ini saya selalu ada di situ dan saya pantau keadaan di situ. Tanah di situ kalau dikategorikan sebagai tanah pekan ini satu masalah dan saya nak minta Yang Amat Berhormat jelaskan kenapa di situ dikategorikan sebagai tanah pekan sedangkan itu perkampungan nelayan di luar daripada Sabak Bernam. Yang kedua, untuk menyelesaikan masalah ini perlu ada *time frame*, dua tahun, tiga tahun. Kena set satu *time frame* supaya lebih efisien kerja kita. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Tuan Speaker Yang Berhormat daripada Sekinchan sudah faham tentang keputusan untuk kawasan ini ialah kawasan pekan bukan dibuat dalam masa 2008. Bukan, bukan dibuat pada masa itu. Kedua, penempatan itu pun sudah berlaku lebih daripada berapa dekad. Maknanya berpuluh tahun dan tujuan kerajaan sekarang memang jelas, kita kena selesaikan tapi penyelesaian itu mesti teratur supaya tidak timbul masalah. Saya tahu masalah itu sebab kalau kita nak tukar kawasan pekan jadi balik kawasan pertanian kita kena ada perbincangan ataupun dipanggil *public hearing* supaya perkara ini berlaku. Jadi saya mencadangkan supaya *public hearing* itu dibuat secara lebih luas lagi supaya semua orang tahu. Jadi kalau masyarakat tak nak tanah pekan kita boleh tapi kita gantikan dengan tanah bukan pekan. Jadi semuanya ini saya rasa kita perlu lakukan dalam masa yang singkat tapi *public hearing* mesti diselesaikan tidak boleh kurang daripada enam bulan atau setahun. Itu dia punya jadual.

TUAN SPEAKER : Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN Ir. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN : Tuan Speaker saya ingin menanyakan soalan tentang sukan perahu layar.

TUAN SPEAKER : Tanjung Sepat, sila nyatakan no. soalan tersebut sahaja.

Y.B. TUAN Ir. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN : Soalan no. 2.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN Ir. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN
(TANJONG SEPAT)**

TAJUK : SUKAN PERAHU LAYAR

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah usaha yang telah dan yang akan dilaksanakan oleh kerajaan Selangor dalam memberi sokongan kepada aktiviti sukan perahu layar?
- b) Adakah pantai Batu Laut yang merupakan salah satu lokasi sukan perahu layar yang aktif diberi perhatian peruntukan bagi menaik taraf kemudahan prasarana?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tanjung Sepat. Tanjung Sepat bertanya berkaitan dengan Sukan Perahu Layar. Pelbagai usaha telah dan sedang dilakukan oleh kerajaan negeri Selangor melalui Majlis Sukan Negeri Selangor dalam memberi sokongan kepada aktiviti Sukan Perahu Layar yang juga merupakan persatuan sukan negeri yang bergabung dengan Majlis Sukan Negeri Selangor. Antara program yang dilaksanakan untuk sukan ini adalah program pembangunan atlet-atlet pelapis negeri di bawah Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri (USPTN) dari Majlis Sukan Negara, program pembangunan tahunan dari Majlis Sukan Negeri Selangor untuk menyertai kejohanan, program binaan seperti bengkel, klinik dan juga kem. Selain itu juga, pihak Majlis Sukan Negeri Selangor juga memperuntukkan bantuan kewangan khusus untuk program SUKMA yang meliputi penyertaan ke kejohanan yang lebih banyak, latihan intensif dan juga program-program binaan yang khusus kepada sukan ini. Program SUKMA adalah program latihan berterusan untuk peningkatan prestasi punggutan pingat di kejohanan SUKMA.

Bagi menjawab soalan yang kedua buat masa ini kerajaan negeri Selangor tidak memberi tumpuan untuk meningkatkan kemudahan prasarana kerana penumpuan pihak Majlis Sukan Negeri Selangor adalah kepada program pembangunan dan mencari bakat pelayar negeri untuk kesinambungan program pembangunan dan SUKMA yang sedia ada. Walau bagaimanapun, kemudahan asas telah diperuntukkan oleh kerajaan Selangor bagi memudahkan atlet-atlet perahu layar berlatih. Antara kemudahan yang telah dibina untuk sukan ini adalah membina asrama atlet, bilik jurulatih dan sebuah tanjakan (*ramp*) untuk memudahkan atlet berlatih. Buat masa ini, kemudahan ini masih berada dalam keadaan yang baik. Kerajaan negeri juga akan menilai semula kemudahan dan keperluan prasarana di pusat pelayaran Batu Laut mengikut keperluan dan berperingkat-peringkat sekiranya perlu dipertingkatkan atau dibaiki.

Pada asasnya dasar kerajaan negeri pada hari ini di dalam pembangunan kemudahan sukan ini kita menyerahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan sebagai contoh perahu layar ini kita serahkan kepada Majlis Daerah Kuala Langat untuk melihat keperluan atau pembangunan di situ dan kita sedia maklum terutamanya kepada PBT-PBT yang mungkin mempunyai masalah dengan kewangan kerajaan negeri sudah memutuskan sekiranya perlu mereka boleh membuat pinjaman daripada kerajaan negeri untuk membangunkan kemudahan ini. Walau bagaimanapun ini mungkin boleh dikaji semula

demi untuk mempertingkatkan sukan khususnya dalam sukan perahu layar. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sekinchan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Puan Speaker soalan no. 3

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : KEDUDUKAN KEWANGAN NEGERI SELANGOR

3. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan secara terperinci bagaimanakah kedudukan kewangan terkini negeri Selangor ?
- b) Sila nyatakan apakah faktor utama yang mempengaruhi prestasi kewangan negeri Selangor ?
- c) Sila nyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang diambil oleh kerajaan negeri bagi memperkasakan kedudukan kewangan negeri Selangor ?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker, Sekinchan meminta penjelasan tentang kedudukan kewangan negeri Selangor. Secara keseluruhannya kedudukan kewangan negeri Selangor adalah memuaskan yang mana pada akhir tahun 2012 jumlah Kumpulan Wang yang Disatukan atau pun rizab negeri berjumlah RM2,619.44 juta dan pada akhir 31 Mei 2013 rizab ini telah meningkat menjadi RM2,824.14 juta. Perincian tentang kedudukan kewangan ini saya akan hantar secara bertulis kepada Yang Berhormat Sekinchan. Tapi dua perkara yang utama yang menyebabkan prestasi kita itu meningkat satu ialah bagaimana kita meningkatkan kumpulan wang hasil negeri iaitu kita mengadakan operasi bersepadu untuk mengutip hasil tanah. Jadi kita ada koperasi bersepadu di mana daripada rekod yang kita dapati pembayaran cukai hasil tanah oleh masyarakat telah meningkat lebih daripada 100%. Maksudnya kalau bayaran itu RM200 juta kita sudah mengutip RM400 juta. Jadi maksudnya kutipan hasil negeri bertambah antaranya ialah polisi *knock door* atau pun pergi ke rumah-rumah untuk meminta pembayaran cukai tersebut dan kita juga ada mengadakan berapa usaha untuk mengenal pasti pemilik-pemilik tanah yang tidak membayar cukai tersebut.

Kedua kita juga menentukan jumlah wang yang kita ada itu digunakan dengan baik. Jadi antara perkara yang diberi komen oleh Audit Negara ialah pengurusan wang tunai negeri Selangor. Pengurusan wang tunai negeri Selangor adalah lebih cekap diurus selepas tahun 2008 di mana pendapatan negeri untuk penjagaan dana tersebut melebihi RM40 juta berbanding dengan RM10 juta sebelum 2008. Dan kedua kita juga menggalakkan dan mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor untuk garis panduan perbelanjaan berhemah bagi memperkhemaskan dan membuat

penambahbaikan terhadap garis panduan perbelanjaan dan supaya kita dapat apa yang menerima konsep *value for money*. Hasil daripada kedua-dua tersebut kita membanyakkan pendapatan dan juga berjaya untuk menggunakan perbelanjaan dengan baik.

TUAN SPEAKER : Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Terima kasih Tuan Speaker soalan saya No. 4.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : MANIFESTO KEDIAMAN SENDIRI

4. Manifesto Pakatan di PRU ke-12 meliputi antaranya membantu setiap rakyat Selangor untuk mendapatkan kediaman sendiri.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Nyatakan bilangan rakyat yang telah dibantu untuk memiliki rumah sendiri dari 2008 hingga 2013?
- b) Nyatakan skim-skim perumahan untuk membantu mereka?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Terima kasih kepada Sungai Panjang dan terima kasih kepada Tuan Speaker. Untuk makluman Yang Berhormat secara keseluruhannya seramai 15,150 orang pemohon telah dibantu oleh kerajaan negeri untuk memiliki rumah kos rendah dari tempoh tahun 2008 hingga 2013. Manakala seramai 1,568 orang pemohon telah dibantu oleh kerajaan negeri untuk memiliki rumah mampu milik semenjak mula ditawarkan atau diperkenalkan pada tahun 2011 hingga 30 Mei 2013. Pecahan tawaran mengikut jenis rumah menurut tahun adalah seperti berikut iaitu bagi rumah kos rendah pada 2008 1,396, 2009 994, 2010 2,111, 2011 5,218, 2012 4,145 dan 2013 sebanyak 1,241 dengan keseluruhannya 15,105. Sementara rumah mampu milik daripada 2011 hingga 2013 adalah pada 2011,, 134 dan 2012 sebanyak 1,434 dengan itu jumlahnya adalah 1,568. Tentang skim-skim yang diperkenalkan di antaranya ialah skim rumah kos rendah di bawah iaitu harga di antara RM85 ribu sehingga RM120 ribu seunit dan untuk makluman dewan dan juga Yang Berhormat daripada 2008 hingga 2013 sebanyak 4087 unit rumah kos rendah telah diluluskan untuk dibina oleh kerajaan negeri Selangor. Selain daripada itu usaha kerajaan negeri untuk membantu mereka mendapatkan rumah bahawa kerajaan negeri sedang mengusahakan atau sedang berbincang dengan bank di peringkat akhir skim pinjaman yang akan diusahakan oleh kerajaan negeri. Lebih daripada 400 pembeli rumah di Rimba Jaya, di Sungai Sering dan Pandan Jaya akan diusahakan untuk mendapatkan pinjaman tersebut dan rundingan adalah di peringkat terakhir dengan pihak bank, terima kasih.

TUAN SPEAKER. : Ya Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Ada perincian mengikut daerah?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Perincian mengikut daerah adalah di Klang 4,595 untuk rumah kos rendah. Petaling 6,347 di Gombak 1,127 dan di Hulu Langat 1,679, di Sepang 66, di Kuala Langat 38, di Kuala Selangor 1,153 di Hulu Selangor dan di Sabak Bernam belum lagi ada. Walau bagaimanapun telah dilancarkan satu projek iaitu di Sabak Bernam pada bulan Mac yang lepas iaitu Rumah Mampu Milik yang keseluruhannya melibatkan lebih kurang 150 unit, terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER. : Ya Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Adakah skim pinjaman yang disebutkan oleh EXCO sebentar tadi Skim Perumahan Rakyat yang dinyatakan dalam Manifesto Selangor.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Walau pun ia dinyatakan dalam manifesto iaitu dalam manifesto kita lihat bahawa kita telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta setahun jadi bermakna dalam 5 tahun sebanyak RM250 tetapi kita telah mengusahakan program ini sebelum pilihan raya iaitu sejak tiga empat tahun semenjak empat tahun yang lepas kita telah berusaha untuk menyelesaikan masalah beberapa atau pun beberapa pemilik rumah atau pun pembeli rumah iaitu bekas peneroka bandar iaitu di Sungai Sering, di Lembah Jaya ada juga beberapa di Pandan Jaya. Di mana kita telah berbincang dengan pihak bank dan kita dalam peringkat yang terakhir perbincangan tersebut. Jadi bermakna selepas kita menyelesaikan ketiga-tiga peneroka bandar ini kita akan terus kepada program pinjaman yang telah kita gariskan di dalam manifesto pilihan raya umum 2013.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Boleh ada tambahan tak?

TUAN SPEAKER. : Satu kali lagi.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Terima kasih Speaker. Saya melihat bila daerah Sabak Bernam langsung tidak ada rumah untuk kos rendah ini dan hanya ada beberapa saat ketika sebelum pilihan raya jadi polisi bagaimana yang dipraktikkan sebenarnya.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Sekarang ini polisi bagi sama ada di desa dan di luar desa, kita akan, portfolio saya akan bekerjasama dengan EXCO yang bertanggungjawab tentang pembangunan desa iaitu bermakna satu portfolio yang baru, jadi bermakna kita akan bekerjasama dengan EXCO pembangunan desa untuk kita sama-sama memastikan bahawa terdapat rumah yang secukupnya di kawasan Sabak Bernam, terima kasih.

TUAN SPEAKER. : Soalan seterusnya Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih Tuan Speaker soalan No. 5.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : TANAH PERKUBURAN ORANG ISLAM

5. Tapak bagi tanah perkuburan orang Islam telah diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri 2008.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Bilakah tanah perkuburan tersebut akan siap dan boleh digunakan?
- b) Siapakah yang akan menguruskannya?

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI : Tuan Speaker, terima kasih kepada Taman Medan. Soalan berkaitan dengan tanah perkuburan. Namun soalan yang pertama tentang tanah perkuburan ini tidak fokus kepada mana-mana tanah perkuburan Islam cuma sebagai jawapan secara umum bahawa sebarang keperluan terhadap penyelenggaraan tapak perkuburan orang Islam bolehlah dipohon terus kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri melalui Pejabat Tanah dan Daerah dengan menggunakan peruntukan Caruman Tabung Perkuburan. Untuk menjawab soalan yang kedua iaitu siapakah yang akan menguruskannya maka tapak perkuburan Islam adalah di bawah warta JAIS iaitu Jabatan Agama Islam Selangor atau pun wakaf irsod Majlis Agama Islam Selangor dan dikawal selia oleh pihak Jabatan Agama Islam Selangor. Namun pengurusan tapak tersebut dibuat oleh ahli kariah atau masjid berdekatan mengikut pecahan kariah. Jadi mana-mana Ahli Yang Berhormat beragama Islam yang mohon yang ingin mohon tempahan awal bolehlah berhubung dengan pihak kariah masjid.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER. : Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Hanya ada satu sahaja tanah perkuburan yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri jadi saya mohon pihak EXCO untuk menyemak semula keputusan yang telah dibuat oleh Mesyuarat Kerajaan Negeri tentang rizab kubur yang telah diluluskan dan saya mohon dinyatakan bilakah tempoh tanah perkuburan ini boleh disiapkan kerana keputusan yang dibuat adalah pada tahun 2008, terima kasih.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI : Tuan Speaker. memang berdasarkan kepada mesyuarat MMKN bagi kali yang ke-24 dalam semakan saya pada tahun 2011, bahawa keperluan terhadap perkuburan telah dirangka sehingga tahun 2060. Dan

sebagai perancangan dengan kubur yang hampir penuh sebab itu saya Insya-Allah akan buat semakan untuk keperluan cuma jangka masa itu boleh jadi dalam tempoh sebulan dua ini kita akan pantau dan kita akan lihat keperluan dan rundingan Insya-Allah kita akan buat dengan pihak Jabatan Agama Islam Selangor.

TUAN SPEAKER : Ya Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Saya nak minta tanya ini ialah tanah-tanah kuburan untuk Islam yang bukan Islam ini siapa yang akan jaga tanah-tanah kuburan dan ke manakah katakan persatuan-persatuan yang nak mohon untuk tanah-tanah kuburan selain dari Islam di dalam kawasan negeri Selangor.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI : Mungkin soalan ini bukan di dalam bidang sayalah. Ini mungkin boleh di bincang bersama dengan Kerajaan Prihatin atau pun terus kepada pihak Menteri Besar terus.

TUAN SPEAKER. : Baiklah soalan seterusnya Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Terima kasih Tuan Speaker soalan ke-6.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

TAJUK : PeBT

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sejauh manakah Dasar PeBT telah dilaksanakan?
- b) Setinggi manakah prestasi pelaksanaan dasar PeBT?
- c) Sila kemukakan dokumen perancangan PeBT dalam aspek ekonomi, modal insan dan pendidikan dalam tempoh tahun 2013-2018?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Teratai, untuk menjawab soalan Teratai buat masa ini tidak ada dasar khusus untuk Penggerak Belia Tempatan, walau bagaimanapun kerajaan negeri sedang membuat membangunkan dasar belia negeri Selangor dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia. Hasil daripada kajian ini nanti akan digunakan Dasar Belia Negeri Selangor.

Pelaksanaan program-program Penggerak Belia Tempatan adalah berdasarkan kepada 6 bidang iaitu kepimpinan, sukan, ekonomi, kesukarelaan atau pun kemasyarakatan, kebudayaan dan juga pendidikan. Prestasi program berdasarkan pecahan bidang tersebut adalah seperti berikut kod adalah dalam bentuk peratus Sukan 60%, Kepimpinan 15%, Ekonomi 10%, Kesukarelaan atau pun kemasyarakatan 10%, Kebudayaan 5%, Pendidikan 5%. Kerajaan negeri Selangor masih lagi dalam proses merancang dan mengenal pasti pendekatan yang lebih strategik dalam meningkatkan

penglibatan serta pencapaian Penggerak Belia Tempatan dalam aspek ekonomi, modal insan dan pendidikan bagi tempoh 2013-2018. Kita akan mengadakan *brainstorming* dengan izin di dalam masa yang terdekat untuk melihat apakah perkara-perkara yang lebih strategik yang kita boleh gunakan dan kita bangunkan untuk tujuan tersebut pada sesi yang lepas, saya kira kita telah membangunkan sebuah inkubator dengan konsep mentor mentee dan ini masih lagi di dalam pemerhatian kita sama ada konsep ini akan kita teruskan atau pun kita lihat bagaimana untuk memperkasakan lagi belia-belia kita dalam bidang ekonomi dan juga modal insan dan pendidikan, terima kasih.

TUAN SPEAKER. : Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tuan Speaker. soalan No. 7.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : WIFI PERCUMA

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah prestasi pelaksanaan program WiFi percuma di seluruh Negeri Selangor?
- b) Berapakah kos keseluruhan yang telah dibelanjakan?
- c) Bilakah peluasan program WiFi percuma akan dilaksanakan?

Y.B. PUAN DR. DORAYAH BINTI ALWI : Tuan Speaker, terima kasih Hulu Kelang, Hulu Kelang bertanya tentang pelaksanaan program WIFI percuma di seluruh negeri Selangor sejak kerajaan negeri Selangor melaksanakan program WiFi percuma di seluruh negeri Selangor pada tahun 2010. Penggunaannya amat menggalakkan ia bertambah dari masa ke semasa. Penambahan pengguna ini meningkat dengan mendadak apabila kerajaan negeri memperluaskan lagi sebanyak 112 lokasi WiFi di seluruh negeri Selangor dengan menggunakan peruntukkan Geran Selangorku. Bilangan pertambahan pengguna WiFi dari tahun 2010 hingga 2013 yang mana 2010 seramai 5,287, 2011 seramai 3,307, 2012 seramai 7,324, dan 2013 sehingga kini mendadak dengan begitu tinggi iaitu sebanyak 51,336 orang pengguna. Untuk Soalan kedua, kerajaan negeri telah menyediakan perkhidmatan WiFi percuma ini bermula pada tahun 2010 secara berperingkat, jumlah keseluruhan yang telah dibelanjakan sehingga 2012 adalah sebanyak RM572,741.67. Untuk menjawab soalan ketiga, berikutan penambahan pengguna perkhidmatan WiFi percuma ditawarkan oleh kerajaan negeri yang telah bermula sejak tahun 2010. Kerajaan negeri Selangor telah mengambil inisiatif dengan memperluaskan lagi perkhidmatan WiFi percuma ini ke seluruh negeri Selangor dengan penambahan sebanyak 112 lokasi di setiap DUN di mana setiap DUN mendapat 2 lokasi tambahan dan bagi mengenal pasti kawasan-kawasan terpilih, setiap DUN diminta untuk mengemukakan cadangan kepada STANDCO Sains, Teknologi dan Inovasi bagi memastikan semuanya mendapat

kemudahan ini. Soalan ini adalah bersekali dengan soalan 38 daripada Rawang 105 daripada Damansara Utama, 137 daripada Sungai Pelek, soalan 214 daripada Sungai Pelek juga dan soalan 71 daripada Dusun Tua. Terima Kasih

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Soalan tambahan

TUAN SPEAKER : Ya, Hulu Kelang

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Y.B. EXCO, isu yang ditimbulkan bilakah tempoh ADUN di kawasan untuk mengemukakan 2 lokasi dan Hulu Kelang difahamkan bahawa penyeliaan dan penyelenggaraan WiFi percuma ini akan diserahkan selepas tempoh satu tahun kepada PBT masing-masing. Apakah ini benar dan apakah persediaan yang telah dibuat oleh pihak kerajaan untuk menyelaraskan dengan pihak PBT.

Y.B. PUAN DR. DORAYAH BINTI ALWI : Tuan Speaker, terima kasih Hulu Kelang, penyediaan dua *hotspot* di setiap DUN telah pun diminta daripada sebelum pilihanraya yang lepas dan sebanyak 83 *hotspot* telah pun selesai dilaksanakan dan ada 29 lagi masih di dalam *progress* dengan izin, jadi di mana DUN yang belum lagi mendapat perkhidmatan *hotspot* ini bermakna sedang di dalam proses. Terima Kasih

TUAN SPEAKER : Bukit Gasing

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih, Tuan Speaker soalan tambahan saya ialah kepada golongan miskin yang tidak dapat menikmati perkhidmatan WiFi kerana tidak mempunyai alat komputer ataupun *smartphone* dengan izin apakah rancangan kerajaan negeri untuk membolehkan mereka mengakses internet adakah kerajaan negeri akan membekalkan komputer-komputer kepada kawasan-kawasan ini. Terima Kasih

Y.B. PUAN DR. DORAYAH BINTI ALWI : Kita belum lagi membuat perancangan ke arah itu, dan insya-Allah kita akan bincangkan kemudian. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Seri Muda

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI : Terima Kasih, Y.B. Tuan Speaker. Soalan tambahan saya ialah adalah Y.B. tahu bahawa tadi dijelaskan sebanyak 80 kawasan tetapi kawasan yang dipasang itu sebenarnya sebahagian besarnya tidak dapat berfungsi dengan baik ia berlaku kerosakan di mana mereka yang berada di kawasan sekitar itu tidak boleh akses melalui WiFi yang dipasang. Jadi adakah Y.B. perasan dan mohon penjelasan lanjut tentang perkara ini. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DORAYAH BINTI ALWI : Terima kasih, Seri Muda. Perkhidmatan ini akan dipertingkatkan diperbaiki dan dari semasa ke semasa.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Y.B. Tuan Speaker Soalan No.8

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(BATANG KALI)**

TAJUK: PELABURAN NEGERI

8. Kerajaan Pakatan Selangor mendakwa hampir RM50 bilion pelaburan dan 123,000 peluang pekerjaan berjaya dihasilkan sepanjang lima tahun pentadbirannya

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan pecahan jumlah pelaburan, nama pelabur mengikut daerah dan bidang dari 2008-2012?
- b) Nyatakan pecahan jumlah pekerjaan dan nama kilangnya mengikut daerah?
- c) Berapakah jumlah potensi pelaburan untuk 2013?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Speaker. Terima kasih kepada Y.B. Batang Kali, mengikut statistik daripada MIDA atau Lembaga Pembangunan Malaysia projek perkilangan yang telah diluluskan di negeri Selangor bagi tahun 2008 sehingga 2012 adalah sebanyak 1420 projek, jumlah modal pelaburan adalah hampir RM50 bilion iaitu RM49 bilion, 749,153,911 selain itu 125,067 peluang pekerjaan telah di wujud melalui pelaburan tersebut. Pecahan projek dan potensi peluang pekerjaan yang telah diwujudkan mengikut daerah iaitu daerah Petaling 153 projek dan 51291 peluang pekerjaan, daerah Klang 360 projek dan 28965 peluang pekerjaan, daerah Kuala Langat 60 projek dan 5997 peluang pekerjaan, daerah Hulu Langat 170 projek, dan 10,036 peluang pekerjaan, daerah Gombak 118 dan 10,979 peluang pekerjaan, daerah Kuala Langat 70 projek dan 4869 peluang pekerjaan, daerah Hulu Selangor 24 projek dan 3407 peluang pekerjaan, daerah Sepang 20 projek dan 3200 peluang pekerjaan, daerah Sabak Bernam 3 projek dan 202 peluang pekerjaan. Bagi tempoh Januari hingga Mac 2013 sebanyak 43 projek telah diluluskan oleh MIDA di negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM 618,723,695. Daripada jumlah ini sebanyak RM 312,461,057 adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak RM 306,262,638 adalah daripada pelaburan asing. Sebanyak 2542 potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan.

Berdasarkan perkembangan dan keadaan ekonomi dunia, kerajaan negeri mensasarkan jumlah pelaburan dalam sektor perkilangan adalah sebanyak RM8 bilion. Tuan Speaker oleh kerana jawapan banyak melibatkan banyak angka dan carta dan saya memberi maklumat yang lebih terperinci melalui jawapan bertulis kepada Y.B. Batang Kali nanti. Sekian.

TUAN SPEAKER : Bukit Gasing

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih, Tuan Speaker soalan No.9

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : PILIHANRAYA KERAJAAN TEMPATAN

9. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan pilihanraya Kerajaan Tempatan seperti mana yang dijanjikan di dalam manifesto Pakatan Rakyat Selangor?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Terima kasih, Bukit Gasing. Tuan Speaker kerajaan negeri sedang merangka langkah-langkah bagi melaksanakan pemilihan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan, untuk tujuan tersebut satu Rang Undang-Undang pemilihan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan sedang disediakan dan dijangka akan dibentangkan di dalam Dewan Negeri ini pada tahun 2014.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Soalan tambahan

TUAN SPEAKER : Bukit Gasing

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih, Tuan Speaker soalan tambahan saya adakah kerajaan negeri Selangor akan bekerjasama dengan pihak SPR dan kerajaan persekutuan dalam pelaksanaan Pilihanraya Kerajaan Tempatan ini ataupun kerajaan negeri Selangor akan membuatnya dengan tersendiri dan adakah Pilihan raya Kerajaan Tempatan akan dilaksanakan di semua PBT ataupun sebahagian PBT sahaja.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker untuk jawab soalan ini, saya menarik perhatian daripada Bukit Gasing iaitu pemilihan Ahli Majlis Tempatan ini adalah sedikit berlainan daripada pilihanraya ini adalah satu proses pemilihan iaitu Rang Undang-Undang akan dicadangkan tersebut tidak akan bercanggah dengan peruntukan perlembagaan persekutuan dan juga Akta Kerajaan Tempatan. Sementara itu mekanismanya akan dikaji kemudian bila Rang Undang-Undang tersebut dibubarkan dan disempurnakan sebagai permulaan ia hanya akan dilaksanakan di mungkin satu atau dua Majlis Perbandaran ataupun Majlis Bandaraya ia akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Terima kasih.

TUAN SPEAKER. : Ya, Sungai Burong

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker., soalan tambahan. Apakah asas-asas rasional bagi penubuhan pemilihan di peringkat kerajaan tempatan ini dilaksanakan?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, sebenarnya Pilihanraya Kerajaan Tempatan bukan satu perkara yang baru apabila kita mencapai kemerdekaan pada 1957 kita sudah ada sebenarnya dan sebelum sebenarnya sebelum kita mencapai merdeka pilihanraya pertama di tanah Melayu adalah pada 1955 di Kuala Lumpur sebelum kita menuju ke arah kemerdekaan dan ini adalah satu proses demokrasi di seluruh dunia. Di mana kerajaan sememangnya terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan Kerajaan Tempatan jadi sebenarnya kita dalam proses ini kita adalah untuk mengembalikan hak demokrasi kepada rakyat jadi saya harap ini dapat dihayati oleh semua pihak.

TUAN SPEAKER : Rawang

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Tuan Speaker soalan no.10

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y. B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : PERPUSTAKAAN

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan jumlah peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan persekutuan kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor bagi tahun 2007-2013.
- b) Senaraikan jumlah peruntukan yang telah digunakan untuk membina perpustakaan cawangan/bandar/desa mengikut pecahan daerah bagi tahun 2007-2013 dan sasaran pembinaan perpustakaan baru untuk 2013-2018.
- c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi menggalakkan budaya membaca dan mempelbagaikan penyampaian ilmu untuk melahirkan warga negeri yang minat menuntut ilmu?

Y.B. PUAN DR. HALIMAH ALI : Terima kasih Tuan Speaker. dan kepada Rawang. Bagi tahun 2007 hingga 2013 terimaan peruntukan kerajaan persekutuan kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor bagi perbelanjaan adalah sebagai berikut (2007) RM5.4juta, RM5,498,815.00, (2008) RM5,498.815 sama juga, (2009) RM4.6juta, (2010) RM2.4juta (2011) RM2.6juta, (2012) RM7.4juta, (2013) RM7.3juta. Kedua Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor semenjak penubuhannya pada 1971 telah mempunyai 98 buah perpustakaan di seluruh Selangor dan bermula dengan proses Penjenamaan Semula (*Rebranding*) dengan izin yang telah dijalankan pada Mei 2009, PPAS atau Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah menggabungkan berbagai konsep baru untuk menggabungkan ilmu spiritual santai, selesa, moden dan kreatif dan mengguna pakaikan idea-idea moden supaya kita boleh menarik seramai mungkin rakyat di negeri Selangor ini kepada perpustakaan yang selama ini dipinggirkan. Jadi taburan perpustakaan, di mengikut jenisnya di Selangor, ialah mengikut taburan yang

dibina bermula tahun 2007 sehingga sekarang ini, ialah Petaling ada 1, Klang 2, Hulu Langat 5, Hulu Selangor 1, Kuala Selangor 2, Gombak 1, Sepang 3. Maknanya ada 15 perpustakaan baru yang telah dibina semenjak 2007 hingga 2013, dan peruntukan mengikut daerah yang telah disalurkan, peruntukan untuk Kuala Selangor sebanyak RM317,195.98, Sepang RM444,500.00, Hulu Selangor RM40,000.00, Hulu Langat RM2,425,000.00, Petaling RM110,000.00, Klang RM330,000.00, Gombak RM195,000.00. Jumlah semuanya adalah RM3,861,695.98. Cadangan pembinaan dan menaik taraf perpustakaan baru 2013 hingga 2018, untuk Daerah Klang 2, Kuala Selangor 2, Sabak Bernam 1, Hulu Langat 1, Kuala Langat 2, Hulu Selangor 1, Sepang 2. Namun begitu pihak perpustakaan akan menyediakan cadangan-cadangan lain projek pembinaan, insya-Allah diperincikan dalam RMK-11. Ketiga perpustakaan juga telah mengambil langkah untuk membudayakan ilmu di negeri Selangor ini dengan mewujudkan perkara-perkara baru termasuk hari ilmu negeri Selangor, *45 minute reading break*, pesta buku negeri Selangor, program galakan membaca dan menuntut ilmu seperti Program Jom Baca yang telah melibatkan seluruh daerah, gerakan menulis perdana, bicara buku, kuiz eksplorasi minda, kuiz roda minda, pertandingan bercerita, membaca pantas dan tulisan jawi, pidato, sajak dan puisi, seminar sejarah lisan, sambutan hari buku kanak-kanak antarabangsa, sambutan hari buku dan hak cipta sedunia dan sebagainya dan juga penjenamaan semula perpustakaan supaya ia menaikkan daya tarikan sebagai institusi penting memberi akses kepada rakyat jelata sesuai sebagai misi mengilmukan rakyat, insya-Allah. Dan saya nak tekankan di sini, bukan saja perpustakaan yang perlu memainkan peranan penting tetapi semua jabatan dan agensi kerajaan dan juga pihak swasta harus memainkan peranan ini.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Puan Speaker, soalan tambahan.

PUAN SPEAKER : Seri Setia.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Saya ingin bertanya kepada Y.B. EXCO, kalau ikut rancangan yang tentang perpustakaan-perpustakaan yang hendak dibina, penekanan nampaknya kepada kawasan luar bandar dan saya menerima hakikat tersebut cuma jangan kita lupa bahawa wujud komuniti miskin bandar, contohnya di Desa Mentari, kawasan Seri Setia yang memerlukan kemudahan ini. Jadi saya meminta agar kalau boleh kerajaan negeri mempertimbangkan permohonan yang sudah dibuat, saya ingat sudah dua tahun berturut-turut untuk pembinaan perpustakaan komuniti di kawasan tersebut.

Y.B. DR. PUAN HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih kepada Seri Setia. Sebenarnya kerajaan negeri juga prihatin tentang masalah miskin bandar dan cuba mengilmukan rakyat di kawasan miskin bandar ini. Untuk makluman Seri Setia, Desa Mentari juga telah ada satu perpustakaan, kira bukannya desa lah sebab dia dalam bandar, komuniti, dipanggil perpustakaan komuniti begitu juga kita merancang, untuk pelbagai tempat yang kos, rendah, pangsapuri kos rendah ini, kita juga merancang di antara cara kita mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan ialah dengan memberikan perpustakaan dan saya harap majlis perbandaran dan majlis bandar raya yang mempunyai wang yang lebih, insya-Allah boleh membantu kerajaan negeri Selangor dalam proses mengilmukan rakyat ini.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Soalan tambahan Puan Speaker.

PUAN SPEAKER : Seri Setia.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Saya minta Y.B. EXCO kalau boleh nanti kenal pasti perpustakaan yang disebut tadi sebab dalam pengetahuan saya belum lagi ada kemudahan tersebut dalam kawasan Desa Mentari, di bawah DUN Seri Setia.

Y.B. DR. PUAN HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih Seri Setia. Sebenarnya Desa Mentari ni ada dua DUN. Satunya Taman Medan, yang keduanya Seri Setia. Jadi yang telah dibina itu adalah di Taman Medan.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Puan Speaker. Soalan tambahan.

PUAN SPEAKER : Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Saya ingin bertanya kepada Y.B. Selat Klang, sebab menambahkan tidak cukupnya permintaan untuk pembinaan perpustakaan, adakah perpustakaan *mobile* diwujudkan dan berapa unit yang ada setakat ini di Selangor untuk kita gerakkan lebih banyak perpustakaan seperti ini ke kawasan-kawasan yang tiada bangunan perpustakaan.

Y.B. DR. PUAN HALIMAH BINTI ALI : Untuk makluman Rawang, kita ada *mobile library* (dengan izin) ataupun van-van yang digunakan untuk membawa buku-buku dan juga pegawai-pegawai perpustakaan ke tempat yang luar bandar, tetapi dia punya kenderaan agak uzur, jadi kita memerlukan sedikit dana untuk memperbaiki ataupun kalau kita mahu memperbanyakkan lagi khususnya mungkin tempat-tempat orang asli, tempat kampung baru, kawasan-kawasan jauh di dalam, luar bandar.

PUAN SPEAKER : Soalan seterusnya Lembah Jaya.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Terima kasih Puan Speaker. Soalan no. 11.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : MENARA TINJAU

11. Taman Rimba Ampang dan Menara Tinjau *Look Out Point*

Bertanya Kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar :

- a) Siapakah yang bertanggungjawab terhadap (penjagaan) Taman Rimba Ampang yang tidak diselenggarakan dengan baik?
- b) Adakah kerajaan bercadang untuk menaik taraf taman tersebut?

- c) Bilakah Menara Tinjau akan dibuka semula dan apakah langkah-langkah keselamatan yang diambil terhadap bangunan yang di kategorikan tidak selamat

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Puan Speaker, penyerahan secara rasmi Taman Rimba Ampang kepada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah dibuat pada 1 Mei 2013. Selepas penyerahan tersebut, jabatan Perhutanan Negeri Selangor bertanggungjawab atas penyelenggaraan dan pengurusan Taman Rimba Ampang. Ia bukan seperti yang disebut dalam soalan oleh Lembah Jaya tidak diselenggarakan dengan baik tetapi terdapat kerosakan kemudahan yang disebabkan *incident* banjir lumpur akibat daripada kejadian hujan yang luar biasa dan tanah runtuh pada tahun 2012. Jabatan...

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Puan Speaker, soalan saya Menara Tinjau ye.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Eh...dengan izin Puan Speaker, ada dua bahagian. Satu adalah Taman Rimba Ampang, keduanya Menara Tinjau, so saya harap Lembah Jaya boleh sabar sikit. (ketawa). Jadi sekarang saya jawab tentang Taman Rimba Ampang dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor memang ada rancangan untuk membaiki kerosakan kemudahan dan telah membuat permohonan kepada Ibu pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia untuk mendapatkan peruntukan daripada kementerian pelancongan sebanyak RM1.075 juta bagi tahun 2014 dan 2015 untuk membaikinya. Pada masa yang sama kerajaan negeri Selangor akan memberi peruntukan sebanyak RM200 ribu kepada JPNS untuk memulakan pembaikan pada tahun ini. Soalan yang dinanti-nantikan oleh Lembah Jaya, Menara Tinjau. Kerajaan negeri tidak ada rancangan untuk membuka semula Menara Tinjau Ampang buat sementara ini. Ini kerana selepas menjalankan kajian cerun, yang dibuat oleh pihak Kumpulan Ikram Sdn Bhd, mereka mendapati bahawa hampir keseluruhan kawasan Menara Tinjau adalah tidak selamat untuk sebarang aktiviti dijalankan kerana struktur tanah yang tidak selamat. Kajian pihak Ikram mendapati bahawa terdapat pergerakan tanah di hampir seluruh kawasan tersebut termasuk Menara Tinjau. Jadi buat masa ini, semua aktiviti perniagaan telah ditutup dan pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) telah diarahkan untuk menjaga kawalan keselamatan di kawasan tersebut.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Soalan tambahan ya..

PUAN SPEAKER : Ya Lembah Jaya.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Saya difahamkan *structure* yang bangunan asal tu ok, cumanya yang bangunan tambahan yang dibuat tu yang tak kuatnya. Jadi apa tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan terhadap pihak yang membuat bangunan tu tanpa mengikut prosedur.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Memang ada dua bahagian, di mana pihak IKRAM telah menjalankan kajian. Satu adalah yang melibatkan kawasan jalan

JKR, dua adalah di dalam kawasan yang termasuk Menara Tinjau dan juga beberapa bangunan yang boleh dikatakan hampir keseluruhannya dikategorikan sebagai tidak selamat. Jadi buat sementara ini, kita telah bincang dalam mesyuarat bersama MPKj, IKRAM dan juga MTES, di mana ada kita perlu gunakan satu peruntukan yang amat besar untuk membaikinya. Jadi untuk sementara ni kita masih dalam siasatan di mana boleh di, sebagai contohnya di roboh ataupun di mana boleh diselamatkan. Tapi pada masa ini keutamaan kita adalah untuk membaiki bahagian cerun yang menyebabkan satu kesesakan jalan.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Soalan tambahan Puan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Berapa peruntukan kerajaan negeri telah diagihkan untuk kerja-kerja pemantauan dan kerja-kerja membaiki cerun tersebut. Terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Untuk pengetahuan Y.B. Teratai, untuk pemantauan cerun di bahagian, diambil ataupun dipertanggungjawabkan kepada pihak PBT sebagai contohnya kalau di MPAJ, Ampang Jaya, mereka ada satu unit khas di mana mereka memantau cerun dan juga memberi syor ataupun cadangan di mana kawasan boleh dimajukan ataupun kawasan boleh dibaiki.

TUAN SPEAKER : Soalan seterusnya. Bukit Malawati.

Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH : Terima kasih Y.B. Puan Speaker. Soalan no. 12.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : KERAJAAN PRIHATIN

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah konsep pelaksanaan program Kerajaan Prihatin?
- b) Nyatakan manfaat hasil program yang dilaksanakan?
- c) Beri statistik rakyat yang terlibat dalam program ini?

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Terima kasih Bukit Melawati, terima kasih Puan Speaker. Soalan ni berhubung kerajaan prihatin, ada 3 soalnya. Pertama konsep berkenaan kerajaan prihatin. Konsep pelaksanaan program Kerajaan Prihatin adalah merupakan satu program yang bertujuan untuk membantu mereka yang kurang berkemampuan untuk memiliki rumah yang selesa sebagai tempat berteduh dan secara tidak langsung dapat membantu golongan sasaran untuk keluar dari garis kemiskinan.

Proses pemberian bantuan program kerajaan prihatin adalah melalui permohonan daripada, pemohon daripada pemohon kepada pejabat daerah dan dipanjangkan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri, Seksyen Sektor. Kajian atau siasatan akan dilaksanakan melalui proses turun padang dan akan dibentangkan dalam mesyuarat pemilihan yang akan diadakan secara berkala. Setelah keputusan diputuskan dalam mesyuarat pemilihan, keputusan mesyuarat tersebut akan dibawa untuk pengesahan Ketua Jabatan dan Pegawai Daerah untuk makluman dan lantikan kontraktor untuk proses berikutnya. Proses pemilihan kontraktor adalah bergantung kepada tender yang dibuat oleh Pejabat Daerah yang terlibat. Pembinaan rumah Kerajaan Prihatin akan dilaksanakan apabila lantikan kontraktor dibuat dan penerima bersetuju untuk merobohkan rumah asal yang mendapat bantuan bina baru. Proses pembinaan akan mengambil masa selama 3 hingga 5 bulan bergantung pada kelulusan dan lantikan kontraktor. Untuk soalan kedua, hasil, manfaat. Hasil program yang dilaksanakan. Manfaat yang diperolehi daripada program Kerajaan Prihatin selain dapat memberi keselesaan kepada mereka yang kurang berkemampuan, program ini juga dapat meningkatkan taraf kehidupan dan secara tidak langsung dapat mengurangkan statistik kemiskinan di negeri Selangor serta mewujudkan kehidupan yang sihat, selesa dan sistem kekeluargaan yang lebih baik dengan menyediakan keperluan asas seperti tandas, bilik tidur, dapur, ruang tamu, litar elektrik dan paip air. Berkenaan dengan soalan ketiga, statistik yang terlibat dengan program ini. Dari tahun ke 2008 hingga 2012, kesemua rakan yang terlibat adalah seramai 931 orang. Jika mengikut daerah di Klang seramai 126 orang, di Petaling 46 orang, di Kuala Langat 126 orang, Sabak Bernam 185, Kuala Selangor 165, Gombak 86, Hulu Selangor 63, Sepang 67. Terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Saya ingin bertanya kepada Y.B. EXCO apakah kaedah penambahbaikan bagi proses pemberian bantuan ataupun pertolongan kepada pemohon-pemohon kerana didapati, saya bagi contoh, program *blueprint* mengambil masa sekurang-kurangnya 6 bulan jadi ini tidak boleh membantu sebenarnya pihak yang memohon.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Dengan izin, terima kasih Y.B. Medan. Dengan izin Puan Speaker, soalan berkenaan *blueprint* adalah kemiskinan, di sini berhubung tentang kerajaan prihatin. Bagaimanapun dalam menyediakan diberi bantuan selain daripada rumah-rumah yang dibina ataupun dibaiki, adalah, ada juga rancangan yang akan datang untuk diberi kajian balik untuk menambahbaikkan, apa tu, kebaikan-kebaikan untuk pemohon-pemohon yang akan datang.

TUAN SPEAKER : Teluk Datuk.

Y.B. TUAN LOH CHEE HENG : Puan Speaker dengan izin soalan 13.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(TELUK DATUK)**

TAJUK : PEMUTIHAN KILANG

13. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan jumlah kilang yang telah mohon dalam proses pemutihan, yang telah diluluskan dan kilang yang masih ingkar berbuat demikian sejak tahun 2008 sehingga akhir bulan April, 2013 mengikut jenis perniagaan, di kawasan DUN Teluk Datuk, Sijangkang dan Morib?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Puan Speaker, terima kasih kepada Y.B. Teluk Datuk. Laporan mengenai permohonan pemutihan kilang bagi kawasan DUN Teluk Datuk Sijangkang dan Morib Daerah Kuala Langat adalah seperti berikut. Jumlah lot yang terlibat adalah sebanyak 209 lot. Jumlah permohonan 63, jumlah lulus 60. Jumlah yang telah dibayar 51 permohonan. Jumlah yang belum dibayar 9. Jumlah lot yang tidak membuat permohonan adalah sebanyak 146. Sekian.

TUAN SPEAKER : Seri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE : Puan Speaker soalan no. 14.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : PROGRAM PEMBANGUNAN DESA

14. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah program Pembangunan Desa yang akan dimulakan pada tahun ini?
- b) Huraikan pelan pembangunan yang bagaimanakah yang ingin dilaksanakan?
- c) Kampung kategori manakah yang akan diberi keutamaan untuk memulakan program ini?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker soalan yang dibangkitkan oleh Seri Muda adalah mengenai pembangunan desa. Program Pembangunan Desa mula diilhamkan dan dibincangkan selepas Pilihan Raya yang ke-13 dan oleh itu program ini masih dalam perancangan. Tujuannya adalah kita akan meminta penglibatan semua ketua kampung, kampung tradisi, juga masyarakat kaum cina dan juga India untuk bersama-sama menggubal satu usaha supaya pembangunan desa dapat dilakukan secara keseluruhannya. Jadi untuk maklumat dewan, penggunaan dana untuk

pembangunan desa ini akan kita bentangkan untuk tahun ini dalam belanjawan yang kita akan kemukakan pada November untuk penggunaan pada tahun 2014. Dan ia dilaksanakan secara kumpulan, dengan cara kampung-kampung tersebut akan diminta untuk membuat perancangan dan hasil perancangan mereka akan diadakan satu program untuk setiap kampung atau pun setiap desa yang kita rancang. Kampung manakah yang diberi keutamaan masih belum kita tahu sebab pada peringkat pertama adalah untuk menemukan ketua-ketua masyarakat untuk diadakan perbincangan dan hasil perbincangan tersebut keutamaan yang akan diberi kepada kampung-kampung yang kita anggap boleh membuat pilot projek yang kita jangka berjaya sebab kita nak tentukan kejayaan awal yang membawa satu perancangan yang menyeluruh bagi tahun 2014.

Y.B. TUAN DR YAAKOB B. SAPARI : Soalan tambahan

TUAN SPEAKER : Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR YAAKOB B. SAPARI : Apakah fokus utama dalam program pembangunan desa ini?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Program pembangunan desa ini berasaskan satu konsep yang kita lihat bahawa salah satu daripada kejayaan jika ia berlaku adalah peningkatan pendapatan per kapita masyarakat desa dalam program tersebut. Jadi jawapan kita salah satu daripada masalah yang kita hadapi sekarang terdapat perbezaan pendapatan di antara masyarakat di negeri Selangor walaupun negeri Selangor ini membangun dengan begitu luas tetapi jurang pendapatan masyarakat yang berjaya dengan masyarakat desa agak luas. Oleh sebab itu salah satu daripada caranya adalah mencari jalan agar usaha meningkatkan pendapatan masyarakat desa ini diperhebatkan supaya pendapatan per kapita masyarakat di desa juga meningkat tinggi. Sebagai contoh, pendapatan per kapita masyarakat di negeri Selangor ini adalah pendapatan yang tertinggi di Malaysia. Tetapi apabila kita buat kajian tentang pendapatan per kapita masyarakat desa di Selangor kita dapati pendapatan per kapita masyarakat desa di Selangor sama tingkatnya dengan pendapatan masyarakat desa di seluruh negara ini. Jadi, hal yang jelas pendapatan masyarakat yang berjaya di Selangor adalah tinggi. Tinggi bererti dalam kajian lebih daripada 30 dalam kiraan itu dibandingkan adalah USD10 ribu pendapatan per kapita yang berjaya tetapi untuk desa, ia hanya kurang 2 ribu US Dolar. Ia mengikut kajian yang dibuat oleh World Bank. Jadi menunjukkan jurang pendapatan masyarakat di desa walaupun di Selangor adalah sangat jauh. Jadi daripada 10 ke 2 jadi maknanya dan rancangan yang kita akan lakukan adalah supaya membangunkan masyarakat supaya jurang mereka tidak terlalu jauh.

TUAN SPEAKER : Gombak Setia.

Y.B. TUAN HASBULLAH B. MOHD RIDZWAN : Tuan Speaker soalan nombor 15.

TUAN SPEAKER : Gombak Setia, soalan nombor?

Y.B. TUAN HASBULLAH B. MOHD RIDZWAN : Nombor 15.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(GOMBAK SETIA)**

TAJUK : PROGRAM MERAKYAT EKONOMI SELANGOR (MES)

15. Kerajaan Selangor telah melaksanakan Program Rakyat Ekonomi Selangor (MES) sebagai satu usaha perkongsian hasil negeri bersama seluruh rakyat tetapi masih terhad pada kelompok tertentu.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah pihak kerajaan negeri mengenal pasti dan mengambil langkah-langkah menambah baik perjalanan MES seperti syarat-syarat dan meliputi semua golongan?
- b) Apakah langkah-langkah utama yang akan diambil oleh kerajaan negeri dalam usaha meningkatkan promosi program MES di kalangan rakyat?

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker; Gombak Setia membangkitkan tentang program merakyatkan ekonomi Selangor. Kita telah melaksanakan program merakyatkan ekonomi sejak 2008. Dan kita mula belajar daripada hasil pelaksanaan program tersebut dan antara yang kita pelajari adalah bagaimana hasil negeri untuk rakyat itu dapat kita laksanakan melalui program merakyatkan ekonomi Selangor. Jadi terdapat banyak program yang kita laksanakan; daripada program air percuma, program tabung warisan anak Selangor kepada program sekarang yang saya baru lancarkan semalam, iaitu Program pemberian hadiah perkahwinan untuk belia yang 35 tahun ke bawah, dan sampai program usia emas. Tetapi program-program ini ada kalanya kita dapati tidak sampai kepada mereka yang kita sasarkan. Oleh sebab itu kita mula merencana bagaimana program-program yang kita lakukan ini dapat sampai ke sasaran kita. Antaranya, kita menyediakan satu sistem komunikasi yang disebut portal rasmi merakyatkan ekonomi supaya mereka dapat mengetahui tentang perkembangan dan program-program yang kita lakukan.

Kedua, kita juga akan memperhebatkan pusat khidmat Dewan Negeri dengan memberi *target* kepada setiap pusat khidmat itu tentang perkembangan program merakyatkan ekonomi yang ada hubungan dengan pusat khidmat itu. Dan kita juga ingin merancang supaya sistem bonus diberi kepada warga kerja pusat khidmat apabila mereka mencapai *target-target* yang kita jangkakan. Jadi dengan cara itu kita dapat mempertingkatkan lagi penglibatan masyarakat dalam program merakyatkan ekonomi.

Yang akhir kita juga mesti mengadakan risalah-risalah yang perlu kita edarkan dari semasa ke semasa untuk menentukan bahawa masyarakat mengetahui perkembangan terkini mengenai program merakyatkan ekonomi Selangor.

tentang perkembangan terkini mengenai program merakyatkan ekonomi Selangor.

TUAN SPEAKER : Kuang.

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR B. IDRIS : Tuan Speaker Soalan nombor 16.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : PENGGUNAAN GERAN SELANGORKU

16. RM300 juta diperuntukkan untuk Geran Selangorku bagi pelaksanaan pelbagai program.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah prestasi penggunaan geran RM300 juta tersebut?
- b) Nyatakan projek, program dan kos yang telah dibelanjakan?
- c) Apakah impak dan manfaatnya kepada rakyat?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Tuan Speaker, Yang Berhormat Kuang ingin mengetahui tentang penggunaan geran RM300 juta yang kita bincangkan pada tahun lepas dan penggunaannya. Saya akan hantar kepada Kuang tentang analisis DUN, iaitu statistik projek infrastruktur sukan dan penggunaan geran Selangor, supaya Kuang dapat melihat penggunaan-penggunaan dana tersebut dan progres-progres dari segi penggunaan tersebut. Melalui geran Selangorku, kita dapat belajar tentang cara penggunaan dana dan hasil projek supaya kita dapat pantau hasil projek itu secara fizikal. Kalau tidak, kita tidak tahu mana dana dilakukan dan ia tentang penggunaannya dan kita membahagikan, umpamanya kepada 56 DUN dan jumlah penggunaan dan ada juga projek-projek yang tidak digunakan dengan secara efisien. Oleh sebab itu kita akan buat satu kajian semula tentang penggunaan geran Selangorku ini. Kita mungkin memasukkan dana tersebut ke dalam belanjawan negeri secara terus kerana pemantauan itu dapat dilakukan dengan lebih efisien lagi.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Hulu Klang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tuan Speaker, soalan tambahan saya adalah berapakah baki daripada 300 juta yang masih belum digunakan dari Geran Selangorku dan apakah rancangan kerajaan?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Jumlah komitmen yang telah dimasukkan dalam Geran 300 juta ini akan menggunakan lebih 200 juta. Jadi ada 100 juta masih dalam

perancangan, dan saya, oleh sebab untuk menjimatkan usaha penggunaan dana, saya bercadang untuk memasukkan 100 juta tersebut ke dalam belanjawan kita untuk Tahun 2014 dapat dipantau secara terus. Jika tidak, kita ada dua operasi: Operasi Geran Selangorku dan Operasi Perbelanjaan Belanjawan biasa. Jadi kita nak cantumkan supaya tidak ada terlalu birokrasi yang berterusan dalam pelaksanaan tersebut.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, siapakah yang menganggotai Jawatankuasa Geran Selangorku ini, yang pertama. Yang kedua, apakah terlalu banyak birokrasi yang dikenakan sehingga kita melihat Geran Selangorku ini sangat sukar untuk turun ke projek-projek di DUN di bawah.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Geran Selangorku ini di bawah tajaan Menteri Besar Incorporated (MBI). Oleh sebab MBI akan diaudit oleh Audit Negara jadi pelaksanaan itu dibuat melalui Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh MBI. Saya dapati MBI juga menjalankan usaha penggunaan dana itu seperti yang dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi. Jadi kita dapati kerja yang sama telah dilakukan. Adalah lebih baik kita lakukan supaya Unit Perancang Ekonomi lebih efisien lagi dalam segi penggunaan dana. Bagaimanapun, ada beberapa dana yang tidak dapat dilakukan secara aktif oleh Unit Perancang Ekonomi. Antaranya, program pejabat kepada rakyat. Ia tak termasuk dalam program perancangan ekonomi. Jadi kita akan asingkan program-program dalam Geran Selangorku yang tidak termasuk dalam perancangan Unit Perancang Ekonomi, dan mana-mana program yang ada hubungan dengan Unit Perancang Ekonomi kita masukkan sebagai satu program negeri.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Soalan tambahan.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Ada soalan yang...

TUAN SPEAKER : Tunggu ya Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Soalan saya tadi ialah siapa yang nak menganggotai jawatankuasa tersebut, saya ingat itu *explanation* yang kita nak.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Yang menganggotai MBI, iaitu satu perbadanan yang negeri adakan, adalah saya sebagai Pengerusi, manakala Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri adalah ahli MBI dan MBI juga kita minta supaya menubuhkan jawatankuasanya sendiri untuk mengendalikan pengagihan dana tersebut.

TUAN SPEAKER : Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Tuan Speaker, soalan nombor 17.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT 2010

17. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -

- a) Apakah status pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat?
- b) Adakah pegawai-pegawai maklumat telah dilantik dan dilatih?
- c) Adakah lembaga rayuan telah ditubuhkan?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker, Enakmen kebebasan maklumat Negeri Selangor 2011 telah dikuatkuasakan mulai 5 Mac 2013 melalui pemberitahuan dalam Warta Selangor PU23 bertarikh 5 Mac 2013. Bersekali dengan penguatkuasaan Enakmen ini dua undang-undang subsidiari di bawah ini iaitu Peraturan-peraturan Kebebasan Maklumat Negeri Selangor (akses kepada maklumat 2012) dan kaedah-kaedah badan maklumat negeri (Negeri Selangor 2012) turut berkuat kuasa pada tarikh berkenaan. Seramai 41 orang pegawai dari Jabatan-jabatan Negeri, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan Negeri, Badan-badan Berkanun Negeri telah dilantik menjadi Pegawai Maklumat bagi jabatan masing-masing. Pelantikan ini telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke-11/2013 dan telah di warta dengan tarikh kuat kuasa pelantikan mulai 5 Mac 2013 iaitu tarikh kuat kuasa Enakmen. Pegawai-pegawai ini telah diberi pendedahan dan latihan berhubung tugas-tugas Pegawai Maklumat dan peruntukan-peruntukan Enakmen melalui 2 siri latihan yang telah diadakan pada bulan Disember 2012 dan bulan Mac 2013 yang lalu. Lembaga Rayuan juga telah ditubuhkan dan dikenali sebagai Badan Maklumat Negeri sebagaimana keperluan Seksyen 17 Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor 2011) MMKN ke-11/2013 telah meluluskan nama-nama Ahli-ahli Lembaga Rayuan seperti berikut :-

- 1) Yang Bahagia Dato' Kamaruddin bin Mat Desa – Pengerusi
- 2) Encik Kupusamy A/I Renggasamy
- 3) Tuan Haji Nordin bin Saidin
- 4) Tuan Abu Bakar bin Munir
- 5) Puan Siew Liu Eaun

Saya akan jawab soalan 74 juga kerana ianya boleh dikatakan hampir sama. Program-program yang akan dijalankan oleh kerajaan negeri Selangor untuk menggalakkan orang awam menggunakan Enakmen ini adalah termasuk poster, pamflet maklumat mengenai Enakmen akan ditampal dan di edar di semua jabatan negeri sebagai promosi dan panduan kepada orang awam. Edaran pamflet dan pembukaan *booth* bagi menyebarkan maklumat mengenai Enakmen ini semasa pelaksanaan program-program anjuran kerajaan negeri dan kita akan memberi maklumat kepada pihak media pada masa ke semasa.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Terima kasih Tuan Speaker, soalan tambahan. Walaupun terdapat Enakmen Kebebasan Maklumat tapi masih dapat sekatan-sekatan kesukaran untuk mendapatkan maklumat daripada aduan yang saya terima. Saya difahamkan kalau hendak mendapatkan maklumat ini kena ada kebenaran Yang Amat Berhormat Menteri Besar, jika ini tidak benar saya inginkan jaminan daripada kerajaan negeri supaya arahan dibuat kepada pegawai-pegawai berkenaan supaya kemudahan akses mestilah diberikan sebagaimana ia asalnya ditubuhkan.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong, ini soalan ke cadangan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Soalan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Sungai Burong. Untuk makluman Yang Berhormat Sungai Burong dan juga Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini, memang tidak benar bahawa kebenaran perlu didapati daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Kalau Yang Berhormat Sungai Burong dan saya juga syorkan kepada semua Ahli-ahli Dewan yang mulia untuk baca semula Enakmen kerana di sana disenaraikan apa yang boleh, maklumat yang boleh didapati dari siapa, bagaimana kaedah-kaedah tersebut yang boleh dilakukan dan kalau Yang Berhormat dan juga sama dengan orang awam kalau mereka ada masalah tidak perlu di bawa kepada Kerajaan negeri atau Dato' Menteri Besar tetapi terus kepada Lembaga Rayuan yang saya telah sebut tadi iaitu Badan Maklumat Negeri. Badan Maklumat Negeri ialah satu badan yang bebas. Kita tak kenal siapa orang-orang ini. Tapi mereka ada pengalaman, mereka adalah dengan izin *juries* mereka adalah peguam, mereka telah berkhidmat di kerajaan pada satu ketika ataupun dalam sektor swasta dan mereka akan mengenal pasti apa masalahnya dan adakah maklumat tersebut boleh diberi sebagai contohnya Yang Berhormat Sungai Burong kecuali ada satu pengecualian. Kalau maklumat tersebut adalah di bawah Akta Rahsia Negara (OSA) *Official Secret Act* jadi kebenaran harus di bawa ke MMKN dan kita tidak ada tidak pernah menolak apa jua permintaan untuk mendapat maklumat daripada sesiapa yang memintanya.

TUAN SPEKAER : Bukit Antarabangsa.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Soalan nombor 18.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : KAWASAN CERUN DI NEGERI SELANGOR

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah-langkah drastik kerajaan negeri melalui PBT untuk memastikan kesemua kawasan-kawasan cerun di negeri Selangor sentiasa berada pada tahap selamat ?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Terima kasih Bukit Antarabangsa. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri telah pun mengarahkan setiap Pihak Berkuasa Tempatan Selangor untuk menubuhkan Unit Cerun bagi tujuan menyediakan inventori seterusnya melaksanakan kerja pemantauan cerun di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing. Pihak Berkuasa Tempatan perlu melaporkan kepada pihak Kerajaan Negeri sekiranya didapati cerun berisiko yang perlu dilaksanakan penstabilan untuk tujuan pertimbangan bantuan peruntukan.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Ringkas dan padat dan tepat. Kerajaan negeri telah mengarahkan PBT untuk membentuk Unit Cerun di setiap PBT tetapi kita sedia maklum di peringkat Kerajaan Persekutuan, Jabatan Kerja Raya juga mempunyai Unit Cerun yang memberikan pandangan dan kepakaran dalam usaha menangani masalah tanah runtuh. Maka apakah jalinan kerjasama yang dicadangkan oleh kerajaan negeri di antara PBT dan juga pihak kerajaan persekutuan kerana mereka mempunyai kepakaran dan kemahiran serta peruntukan yang besar. Yang keduanya lanjutan peristiwa tanah runtuh di beberapa tahun yang lalu saya telah mendesak supaya kerajaan negeri menuntut satu laporan yang telah dijalankan oleh IKRAM bersama JKR tentang kestabilan banjaran gunung dan bukit di kawasan Ampang dan Bukit Antarabangsa, apakah hasil daripada permintaan tersebut.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Sesungguhnya Tuan Speaker Pihak Berkuasa Tempatan adalah digalakkan untuk mengadakan mesyuarat ataupun perjumpaan dengan jabatan-jabatan daripada pihak kerajaan persekutuan untuk memperoleh maklumat yang terkini dan juga nasihat daripada jabatan berkenaan bagi memastikan cerun-cerun itu dipantau dan di selenggara dengan cara yang terbaik. Sebenarnya dalam lawatan saya ke Majlis Perbandaran Ampang Jaya tempoh hari, saya telah pun dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Ampang Jaya di mana di dalam kawasan tersebut mempunyai bilangan cerun yang banyak di dalam negeri, dalam Malaysia ini. Mereka telah pun menjalankan pemantauan seratus peratus mengikut kala. Ini adalah satu persembahan yang baik sementara itu bagi laporan berkenaan saya akan meminta pegawai berkenaan untuk melaporkan kepada saya kerana saya perlukan notis dalam perkara ini. Sekian terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Rawang

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Rawang ingin bertanya sama ada sejumlah peruntukan yang diberikan secara berkala kepada setiap PBT untuk menjaga dan juga *maintain* dengan izin cerun-cerun seperti di MPS banyak kawasan sensitif alam dan cerun yang

dikenal pasti dan baru-baru ini juga berlaku keruntuhan cerun di Rawang dan difahamkan 6 bulan sebab tiada peruntukan daripada PBT. Jadi adakah pihak kerajaan negeri akan salurkan peruntukan kalau ada kes kecemasan seperti ini.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Sesungguhnya peruntukan telah pun diturunkan kepada Majlis Perbandaran yang memerlukan peruntukan tersebut tapi untuk kes-kes di Rawang tersebut saya perlukan notis untuk mendapati maklumat selanjutnya jadi bagi kerajaan negeri peruntukan memang siap sentiasa kita bersiap sedia untuk menyalurkan peruntukan untuk membantu Majlis Perbandaran mengatasi masalah tersebut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa pertanyaan telah pun tamat dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul menyembah ucapan terima kasih yakni menjunjung kasih ke atas titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

TUAN SPEAKER : Bukit Antarabangsa.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih, Y.B. Tuan Speaker. *Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mohon izin untuk membawa suatu Usul yang berbunyi seperti berikut:-

“Ampun Tuanku, patik-patik sekalian iaitu Speaker dan Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor yang berhimpun memohon sembah terima kasih serta menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bagi membuka dengan rasminya Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Pertama Persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas.”

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menjunjung kasih atas Titah Tuanku Sultan Selangor tatkala istiadat pembukaan Penggal Pertama Persidangan Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas pada 28 Jun 2013 yang lalu. Hari ini saya tampil untuk membawa Usul dan mengambil bahagian dalam perbahasan demi mengangkat suara rakyat dalam Dewan yang mulia ini. Bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Speaker yang telah terpilih sebagai Speaker wanita yang pertama di negara. Saya juga merakamkan penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Speaker yang dipilih di kalangan tokoh profesional dan anak muda. Beliau baru berusia 31 tahun. Saya tidak pasti usia yang terhormat Tuan Speaker. Namun, kalau saya lihat daripada sudut ini. Nampaknya sekitar 25 tahun.

Suasana ini akan hanya berlaku dalam sebuah kerajaan yang mempertahankan reformasi dan suara rakyat. Tidak berlaku dalam kerajaan UMNO dan Barisan Nasional. Kita lihat Speaker yang dilantik adalah di kalangan orang-orang yang senja atau pun pencen dalam karier politiknya. Di Perak, baru-baru ini Speaker dilantik di kalangan pemimpin MIC yang tewas dalam pertandingan. Di Johor, seorang Speaker

dilantik kerana digugurkan daripada menjadi calon Ahli Parlimen Seri Gading. Usianya sudah lebih 70 tahun. Apabila dilantik menjadi Speaker, isterinya adalah salah seorang daripada Ahli Dewan Undangan Negeri Johor. Maka sekali lagi, saya dan pimpinan mengharapkan dan yakin bahawa Yang Berhormat Tuan Speaker dan Timbalan Speaker dapat memimpin Dewan yang mulia ini ke arah memartabatkan demokrasi berparlimen dan Raja berperlembagaan di negeri Selangor.

Sebagai permulaan, saya ingin mencadangkan supaya Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, perenggan 22 (2) yang mewajibkan setiap pertanyaan hendaklah dikeluarkan pemberitahunya oleh seseorang Ahli Dewan Negeri dengan bertulis tidak kurang daripada 21 hari daripada hari yang dikehendaki jawabnya di pinda kepada satu tempoh yang lebih munasabah. Pertanyaan-pertanyaan mulut dan bertulis yang perlu dihantar begitu awal menyebabkan Ahli Dewan Negeri tidak dapat menggarap isu-isu semasa yang muncul sejurus sebelum sidang Dewan bermula. Sebagai contoh, Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor tidak dapat mengemukakan soalan mengenai darurat jerebu yang turut melanda negeri Selangor baru-baru ini. Amalan negara-negara demokrasi yang maju seperti New Zealand dan juga Australia memperuntukkan tempoh masa kurang daripada 3 hari bagi mengemukakan soalan lisan kepada Parlimen. Amalan ini dapat memastikan kepentingan rakyat dan negara yang berbangkit dapat di bincang dan dibahaskan dengan menyeluruh di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, alhamdulillah. Rakyat negeri Selangor terus memberikan mandat yang cukup besar kepada Pakatan Rakyat untuk mentadbir kerajaan negeri Selangor. Mandat ini adalah manifestasi rakyat yang menuntut dasar pentadbiran yang berteraskan prinsip tata kelola yang baik atau *Good Governance*, kepimpinan yang berintegriti dan prinsip kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam membuat keputusan. Pakatan Rakyat di negeri Selangor telah berjaya meraih 1.04 juta undi dari 1.7 juta undi di peringkat Dewan Negeri. Sementara itu 298,000 rakyat negeri Selangor telah memberikan sokongan dengan memilih parti DAP, 367,000 memilih parti PAS dan sejumlah 373,000 rakyat telah memilih Keadilan bagi menerajui pentadbiran kerajaan negeri Selangor dan meneruskan kecemerlangan yang dikecapi sebelum ini. Muafakat utuh di antara komponen Pakatan Rakyat di negeri Selangor telah berjaya mencatatkan 60% undi popular berbanding Barisan Nasional yang hanya menerima 40%. Peratusan ini memperlihatkan bahawa dukungan rakyat di negeri Selangor terhadap Pakatan Rakyat meningkat sebanyak 4% berbanding Pilihan Raya Umum 2008. Walaupun, jentera UMNO dan Barisan Nasional di negeri Selangor dipimpin sendiri oleh Presiden UMNO, rakyat negeri Selangor menolak UMNO dan Barisan Nasional dan menyokong Pakatan Rakyat.

Sementara itu, Pakatan Rakyat di peringkat Persekutuan mendapat 51% undi popular. Sementara sokongan kepada Barisan Nasional terus merudum kepada 47% sehingga Barisan Nasional terpaksa membentuk sebuah kerajaan minoriti di Putrajaya. Keadilan dan Pakatan Rakyat mendapat 51% undi popular di sebalik kecurangan dan penipuan dalam proses Pilihan Raya yang ditaja oleh SPR. Isu dakwat kekal yang tidak kekal, orang asing diberikan kelayakan mengundi, lebih 60,000 orang pemilih berstatus *dubious votes*, wujudnya pengundi yang mengundi dua (2) kali, media yang tidak bebas dan sogokan wang tunai untuk membeli undi. Ini semuanya telah mencemarkan proses

Pilihan Raya di Malaysia dan Dewan ini menuntut Pengerusi dan Timbalan Pengerusi SPR segera meletakkan jawatan masing-masing.

Artikel 114, Perlembagaan Persekutuan berkenaan keanggotaan SPR dalam Fasal 2 menegaskan peri mustahaknya suatu Suruhanjaya Pilihan Raya yang mendapat kepercayaan awam. Fasal tersebut menyatakan, "Pada melantik anggota Suruhanjaya Pilihan Raya, Yang Dipertuan Agung hendaklah mengambil perhatian tentang peri mustahaknya suatu Suruhanjaya Pilihan Raya yang mendapat kepercayaan awam. Oleh kerana keyakinan rakyat sudah terhakis ekoran kecurangan dalam PRU yang ke – 13. Maka, Pengerusi dan Timbalan Pengerusi SPR harus mengambil tanggungjawab moral untuk meletakkan jawatan masing-masing. Saya ingin menarik perhatian kerajaan negeri berhubung Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 yang memberikan kuasa perundangan yang sama kepada kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja atau *Royal Commission of Inquiry*. Saya mendesak supaya kerajaan negeri segera menggunakan peruntukan ini bagi maksud menyiasat kecurangan dan penipuan dalam proses Pilihan Raya Umum ke -13 yang turut berlaku di negeri Selangor. Ini kerana penyelewengan Pilihan Raya adalah hal yang melibatkan kepentingan awam dan perkara ini termaktub di bawah Akta berkenaan selaras dengan Seksyen 2 (1) (D), Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 yang memberi kuasa kepada sebuah Suruhanjaya Siasatan menjalankan siasatan yang berfaedah bagi kebajikan awam.

Seksyen 21 Akta Suruhanjaya Siasatan ini memberikan perlindungan kepada saksi-saksi yang bersedia untuk memberikan keterangan termasuk di kalangan pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam dan juga SPR. Suruhanjaya ini juga diberikan kuasa undang-undang untuk mengeluarkan sepina terhadap mana-mana individu yang difikirkan dapat membantu siasatan termasuk Pengerusi dan Timbalan Pengerusi SPR. Sekiranya ingkar, maka waran tangkap boleh dikeluarkan. Suruhanjaya ini boleh mengeluarkan sepina.....

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Yang Berhormat, ada celahan. Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin menarik perhatian Bukit Antarabangsa kerana sebentar tadi disebutkan yang Pengerusi dan juga Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya wajar meletakkan jawatan dan semalam kita mendengar bahawa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan masuk dan melihat apakah wujud kecurangan di dalam Suruhanjaya Pilihan Raya. Jadi, soalan saya ialah apakah Yang Berhormat Bukit Antarabangsa melihat dengan kemasukan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ke dalam Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia ini boleh membantu mengurangkan syak wasangka rakyat. Terima kasih.

Y.B TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Terima kasih, Yang Berhormat Seri Muda, saya tidak berhasrat untuk memberikan sebarang ulasan dalam tempoh siasatan yang sedang dijalankan oleh SPRM. Namun apa yang jelas ialah apabila SPRM membuka kertas siasatan sudah tentulah ianya diasaskan kepada Merit dan juga aduan yang telah dikumpulkan oleh pihak yang berkenaan bagi membolehkan kertas siasatan dibuka. Pada peringkat awal memang SPR menafikan bahawa wujudnya kecurangan

dan penyelewengan termasuk dalam isu dakwat kekal. Saya masih ingat dengan segar kenyataan balas Pengerusi SPR dalam konteks dakwat kekal dengan mudah menyatakan bahawa ianya akan menjadi kekal kalau botol itu digoncang. Ini jawapan yang amat memuakan daripada seorang tokoh yang diberikan amanah untuk menjalankan Pilihan raya dengan adil dan bebas.

Hanya beberapa hari yang lalu apabila Dewan Rakyat mula bersidang dan pelbagai bukti dikemukakan SPR telah mengemukakan jawapan kepada Dewan Rakyat bahawa memang benar dakwat kekal telah diperolehi melalui proses perbekalan daripada sebuah syarikat yang nilai kosnya mencecah RM7 juta tetapi apabila Parlimen bertanya siapa syarikat berkenaan, SPR menjawab kami tidak boleh memberitahu nama syarikat kerana ianya boleh mengugut keselamatan negara. (ketawa)

Ini tokoh-tokoh yang diberi amanah tetapi watak dan sifat dan perangainya tidak lebih daripada Ketua UMNO Cawangan. Maka sebab itu, saya dan rakan-rakan berpendirian untuk menjamin satu pilihan raya bersih dan adil kerana ianya merupakan asas kepada sebuah negara yang demokratik. Pimpinan SPR yang ada sekarang wajib hukumnya meletakkan jawatan serta-merta. Maka

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Tuan Timbalan Speaker, saya ingin mohon sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Bukit Antarabangsa, sebab saya difahamkan bahawa kerajaan negeri Selangor juga bersetuju untuk menubuhkan satu Suruhanjaya bagi menyasat dakwaan berlakunya penipuan dan pelanggaran peraturan Pilihan raya dalam Pilihan raya Umum kali ini. Adakah ini juga sama dengan apa yang disyorkan oleh Yang Berhormat Bukit Antarabangsa tentang Suruhanjaya Siasatan tentang Pilihan raya Umum.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Terima kasih, Yang Berhormat Rawang, memang benar apa yang dicadangkan oleh kerajaan negeri selaras dengan apa yang saya kemukakan dalam perbahasan pada pagi ini. Cuma kebimbangan saya ialah ada pandangan yang sedikit berbeza daripada beberapa pihak bahawa kerajaan negeri tidak ada kuasa untuk membentuk satu Suruhanjaya Siasatan Diraja. Maka saya bertanggungjawab untuk tampil pada pagi ini dengan memberikan beberapa fakta setelah saya rujuk kepada rakan-rakan peguam yang jelas menunjukkan bahawa kerajaan negeri juga mempunyai bidang kuasa yang sama dengan kerajaan persekutuan, bagi membentuk sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja, maka sebab itu saya nyatakan tadi saya mendesak supaya kerajaan negeri menggunakan peruntukan ini kerana ada satu artikel di bawah peruntukan tersebut iaitu artikel seksyen 2(1)(d) yang menyatakan di bawah Suruhanjaya Siasatan 1950 yang memberi kuasa kepada Suruhanjaya Siasatan menjalankan siasatan yang berfaedah bagi kebajikan awam. Maka penipuan dan kecurangan yang berlaku hari ini sudah tentu memberikan dampak dan kesan kepada proses demokrasi dalam negara dan ini juga merupakan kepentingan dan kebajikan awam, maka kerajaan negeri harus tidak teragak-agak untuk memulakan prosiding ini sebab ianya terlalu penting bagi kita mengemukakan hujah dan keterangan dalam Suruhanjaya yang akan dibentuk. Sebab itu saya juga mencerakinkan beberapa fungsi Suruhanjaya ini, supaya rakyat memahami fungsi Suruhanjaya ini cukup penting, sebab kadang-kadang ada pegawai yang mempunyai

bukti tetapi takut untuk tampil ke depan kerana budaya ugut dan budaya menekan yang diamalkan oleh UMNO dan Barisan Nasional, sebagai contoh seorang Pegawai Tentera di Pulau Pinang pada hari pertama bila dia mendapati dakwat kekal yang dicalit di jarinya tidak kekal kerana Pengerusi SPR menjanjikan ianya kekal 7 hari tetapi akhirnya kekal hanya 7 minit. Maka pegawai Tentera ini membuat laporan Polis dengan cara *innocent* bukan kerana politik bukan kerana tujuan yang lain. Pegawai ini terus diugut dan tukar dalam tempoh 24 jam dan telah di *cold stroge* kan oleh pimpinan kerajaan persekutuan. Sebab itu saya mahu Dewan ini memahami fungsi Suruhanjaya ini cukup penting kerana dia memberi jaminan perundangan dan melindungi saksi-saksi yang bersedia untuk tampil memberi keterangan. Maka pegawai kerajaan, anggota perkhidmatan awam, pegawai SPR tidak perlu takut kerana mereka akan dilindungi mengikut Akta ini untuk memberikan keterangan di dalam Suruhanjaya berkenaan. Malahan

Y.B TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Boleh beri penjelasan.

Y.B TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Ya, Permatang

Y.B TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker, Bukit Antarabangsa saya dah dapat dengar ucapan mengenai beberapa perkara mengenai ketidakadilan yang didakwa oleh Yang Berhormat mengenai sistem Pilihan raya termasuk empat 40 ribu warga asing dan sebagainya. Tetapi saya nak mintak pendapat Yang Berhormat lah mengenai negara kita juga ada undang-undang dalam Pilihan raya, siapa yang tidak berpuas hati punya maklumat punya fakta dan bukti, yang kalah boleh petisyen pilihan raya, itu dibenarkan dalam Perlembagaan kita dan saya dimaklumkan ada lebih kurang kalau tak silap ada 32 petisyen dikemukakan oleh pihak Pakatan Rakyat. Jadi segala bukti Yang Berhormat sebut tadi boleh dibawa di dalam petisyen dalam Mahkamah yang akan ditentukan. Dan yang Kedua, saya nak bertanya kepada Yang Berhormat dan pendapat Yang Berhormat kalau dikatakan Pilihan raya Negara kita tak adil kenapa Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk kita dalam Dewan pun angkat sumpah. Kenapa apabila Pakatan Rakyat menang itu adil, apabila tidak menang tak dapat bentuk tak dapat jadi kerajaan di peringkat persekutuan, Yang Berhormat kata itu pilihan raya yang tidak adil sedangkan Yang Berhormat duduk dalam Jawatankuasa Penambahbaikan Pilihan raya di Parlimen. Jadi saya nak minta lah ini sebenarnya hanya satu gimik politik untuk menutup kegagalan. Sebab sistem pilihan raya dalam negara kita menunjukkan parti mana paling banyak dapat kerusi dia akan jadi Kerajaan dan bukan soal isu undi popular.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Permatang nak berucap ke nak bincang..

Y.B TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya nak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Bukit Antarabangsa. Terima kasih.

Y.B TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Terima Yang Berhormat Permatang, di atas pencelahan sebentar tadi. Ada 3 perkara dibangkit, pertama, mengapa kita tidak hanya tumpukan kepada bantahan melalui petisyen Pilihan raya. Sebelum saya menjawab persoalan tersebut, ingin saya tegaskan Pakatan Rakyat telah pun

mengemukakan petisyen dan kita sedang menunggu tarikh bagi perbicaraan di Mahkamah bagi maksud tersebut. Tetapi jangan kita lupa UMNO juga mengemukakan petisyen (ketuk meja). Maknanya UMNO juga menerima hakikat berlaku kecurangan dan penipuan oleh SPR dalam Pilihan raya, itu yang pertama.

Yang Kedua, Yang Berhormat Permatang, mungkin arif dalam prosiding di Mahkamah melalui proses petisyen ini, ianya harus menjurus kepada isu-isu yang spesifik. Tetapi dalam konteks kecurangan dan penipuan Pilihan raya ini kita membahaskan isu yang cukup luas yang telah saya nyatakan tadi. Selain daripada dakwat kekal yang tidak kekal, warga asing yang diberikan kad pengenalan, Media yang tidak bebas, itu juga sebahagian daripada proses demokrasi dalam negara. Membeli undi dengan menyogok wang tunai, maka isu yang nak kita bincangkan ini terlalu luas, skop maka sudah tentulah saluran petisyen itu akan kita gunakan tetapi kita juga menggunakan saluran-saluran lain yang juga dijamin oleh perlembagaan negara, termasuk Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor bagi membentuk sebuah Suruhanjaya bagi maksud menyiasat dakwaan berlaku kecurangan dan penipuan dalam proses Pilihan raya.

Yang Ketiga, Yang Berhormat Permatang, menyinggung saya bahawa saya juga adalah Ahli PAC (*Parliament Act Community*) dalam membicarakan soal penambahbaikan proses pilihan raya, ia memang benar saya Ahli PAC, namun Yang Berhormat Permatang jugak sedia maklum apa yang berlaku di dalam Dewan Rakyat pada tahun yang lalu, apabila Speaker enggan menerima *minority report* yang dikemukakan jugakoleh Ahli-ahli PAC yang dikemukakan ialah repot PAC yang tidak memuatkan *minority report* yang menjadi amalan negara-negara Demokrasi di negara-negara maju yang membenarkan *minority report* untuk dimasukkan. Ahli Jawatankuasa PAC majoritinya adalah UMNO dan Barisan Nasional, sudah tentulah laporan yang dimuatkan itu tidak seimbang, maka berlaku satu perbahasan yang agak sengit sehingga saya diarahkan keluar daripada Dewan Rakyat dan inilah yang telah berlaku.

Baik saya ingin menegaskan tentang fungsi Pilihan raya ini, yang boleh mengeluarkan "Sepina" terhadap Media, ini kadang-kadang kita terlepas pandang Suruhanjaya ini ada kuasa untuk mengeluarkan sepina terhadap Media, seperti Utusan Malaysia dan TV3, pastinya RTM yang telah digunakan sepenuhnya oleh pihak UMNO untuk memaparkan fitnah dan pembohongan terhadap pentadbiran kerajaan negeri Selangor seperti Isu sampah, isu air bersih dan program-program merakyatkan ekonomi Selangor.

Saya pernah dimaklumkan kerana saya tidak pernah menonton TV3, sebab harga televisyen ni mahal kalau murah tiap-tiap malam saya pecahkan televisyen. Pernah dipaparkan dan dikumpulkan, ini sahabat baik Kuang dulu lah ya, Timbalan Pengerusi UMNO Negeri Selangor, dia nak *jack* Perdana Menteri sampai tersungkur tak dapat jadi Menteri. Dia kumpulkannya beberapa wanita warga emas buat demo kononnya kerajaan negeri tidak menunaikan janji Skim Mesra Usia Emas, tak dapat, riuh berhari-hari, akhirnya kerajaan negeri jawab, memanglah tak dapat sebab dia belum meninggal lagi. Skim Mesra Usia Emas ini hanya diberikan kepada orang yang dah meninggal, jadi kalau nak meninggalah dulu, kalau meninggal pagi ini petang ni kami hantar Skim Mesra Usia Emas tetapi ini pembohongan yang dibawa oleh TV3. Begitu juga

dikumpulkan beberapa rakyat Selangor, Ketua-ketua UMNO Cawangan, kami dah tak mandi 2 minggu, tak ada air di Selangor. Sekinchan mandi 5 kali satu hari tiada masalah. Meru, Kalau hari Khamis malam Jumaat 7 kali dia mandi, apa masalah, jangan fitnah, jangan bohong. Isu perbalahan di antara Kerajaan Negeri dengan SYABAS kita akan tangani dengan fakta dan keterangan untuk memastikan hak rakyat Selangor ini dipelihara. Tetapi jangan menggunakan Media semasa berkempen untuk mendapatkan undi dengan melemparkan fitnah maka saya mintak kerajaan negeri tubuhkan Suruhanjaya ini segera supaya *Editor* Utusan Malaysia akan diheret dalam Suruhanjaya ini untuk memberi keterangan di atas fitnah yang dilemparkan.

Selain itu, fungsi Suruhanjaya Siasatan Diraja ini, dapat juga mencari jawapan melalui keterangan bersumpah daripada saksi-saksi yang boleh membantu siasatan yang menyeluruh terhadap isu kecurangan dan penipuan dalam Pilihan raya bagi melindungi kepentingan awam dan kedaulatan negeri.

dalam proses pilihan raya bagi melindungi kepentingan awam dan kedaulatan negeri. Justeru itu saya menyeru rakyat negeri Selangor khususnya para pengundi untuk bersedia dalam masa yang terdekat tampil sebagai saksi dalam prosiding Suruhanjaya Diraja Siasatan ini dengan mengemukakan keterangan dan bukti yang kukuh kerana mereka akan diberikan jaminan perlindungan mengikut undang-undang Negeri Selangor dan saya mengesyorkan supaya negeri Selangor memimpin usaha untuk membersihkan sistem pilihan raya di Malaysia.

Sebagai sebuah negara yang demokratik, pilihan raya yang bersih, adil dan telus adalah tunjang kepada pengukuhan demokrasi. Ketempangan sistem pilihan raya yang berlaku wajar diperbetulkan melalui agenda reformasi sistem pilihan raya. Pakatan Rakyat sebagai sebuah kerajaan negeri yang menjunjung prinsip dan lunas-lunas demokrasi berperlembagaan tuntas mendukung reformasi sistem pilihan raya. Ketempangan sistem pilihan raya di Malaysia juga berpunca daripada *general meandering* persempadanan bahagian pilihan raya yang dibuat secara tidak adil dan tidak memenuhi prinsip sistem demokrasi berperwakilan. Sebagai contoh; DUN Permatang dan DUN Seri Serdang mempunyai jumlah pengundi yang begitu besar perbezaannya. DUN Seri Serdang mempunyai jumlah pengundi seramai 72,769 orang sementara DUN Permatang mempunyai hanya 19,636 orang pengundi, kecil, mudah dimenangi, ye, jadi jagalah rakyat Permatang elok-elok, tak berapa ramai sangat tu.

TUAN SPEAKER : Ini mungkin Seri Serdang kena ucap terima kasih kepada Bukit Antarabangsa kerana bangkitkan.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL : Ya, terima kasih yang mulia.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Ok, terima kasih Seri Serdang, kita bantu-membantulah, dahlah DUNnya besar. Saya dimaklumkan DUN Seri Serdang ni DUN yang terbesar di dunia (Dewan ketawa) ya, dan seorang tokoh wanita berjaya diangkat mewakili bandar tersebut, banyak saya sokong wanita hari ini ye dan ini berlaku apabila urusan persempadanan semula yang dilakukan yang selama ini tidak bersandarkan kriteria yang sejajar dengan lunas demokrasi. Saya ingin menegaskan di Dewan ini ye,

mungkin boleh kita bahas dalam suruhanjaya yang bakal dibentuk, peranan SPR sewajarnya lebih tertumpu kepada urusan pengendalian pilihan raya dan tidak dibebankan dengan tanggungjawab untuk mengemukakan syor persempadanan baru, bahagian pilihan raya kerana ianya menggasir kredibiliti dan kebebasan SPR. Baru-baru ini saya berkesempatan untuk meninjau perkembangan dan mendapatkan taklimat daripada *Boundary Commission for England* di London. Saya bawa laporan yang diserahkan kepada saya, ini adalah yang terkini *review* 2013 yang dikeluarkan oleh *Boundary Commission for England*. Yang saya nak tegaskan di sini ialah *Boundary Commission for England* diwujudkan khusus untuk mengemukakan syor persempadanan yang baru bagi kawasan pilihan raya dalam tempoh setiap 5 tahun. Maka di England ada dua suruhanjaya yang dibentuk. Satu Suruhanjaya Pilihan Raya yang bebas, yang mengendalikan proses pilihan raya, tetapi pada masa yang sama ada satu lagi suruhanjaya persempadanan ataupun *boundary commission* yang juga bebas, yang mengemukakan syor tentang sempadan baru bagi kawasan pilihan raya dalam tempoh setiap lima tahun dan oleh kerana mereka *independent of each other*, tidak dapat bersama maka sudah tentulah syor-syor yang dikemukakan itu syor-syor yang bertanggungjawab dan diasaskan kepada kriteria yang menjadi pertimbangan antaranya: *Electrical Quota and 5% rule, Geographical Since, Special Geographical Consideration, Local Government Boundaries, Boundaries of Existing and Constituencies and Local Ties*. Dan garis panduan ini terkandung dalam laporan *Boundary Commission for England 2013* yang baru saya sebutkan tadi.

Maka saya berharap dan mencadangkan supaya kerajaan negeri menerajui usaha untuk melantik dan menubuhkan satu Jawatankuasa yang profesional dan berkredibiliti untuk meneliti dan memberikan syor berkenaan urusan persempadanan bahagian pilihan raya dalam negeri Selangor.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Bukit Antarabangsa. Saya tertarik apabila Bukit Antarabangsa bangkitkan tentang *general meandering* yang melibatkan contoh-contoh Permatang dan Seri Serdang tadi. Namun saya dapat melihat secara keseluruhannya, *general mandring* ini adalah satu penipuan yang paling besar yang dibuat secara tersusun dengan di dalam batas undang-undang yang mengakibatkan kalau penipuan yang dibuat oleh seorang peguam bernama Endry Khoo, mencatatkan bahawa 112 kerusi Parlimen Barisan Nasional yang boleh menyebabkan mereka membentuk kerajaan di Putrajaya hanya mewakili 20% daripada undi yang ada pada pilihan raya yang lepas. Jikalau kita terbalikkan maknanya 80% kalau Pakatan Rakyat dapat majoriti rakyat bukan 51% masih belum membentuk kerajaan di Putrajaya, jadi apa pandangan daripada Bukit Antarabangsa, terima kasih.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Yang Berhormat Batu Caves dan ia ada kaitan dengan yang dibangkitkan dan dilontarkan oleh Yang Berhormat Permatang tadi. Apabila beliau mendakwa Malaysia mengamalkan sistem *first past the post* jadi jangan bincang soal undi popular dan ini dijawab oleh Yang Berhormat Batu Caves. Memang benar UMNO dan Barisan Nasional yang memperolehi 47% undi popular mendapat 133 kerusi manakala Pakatan Rakyat yang mendapat 51% undi popular hanya memperolehi 89 kerusi. Tetapi hakikat yang tidak boleh dinafikan oleh Permatang ialah sokongan rakyat semakin hari semakin merudum terhadap UMNO dan Barisan Nasional. Maka

tanggungjawab kita hari ini untuk melihat soal reformasi pilihan raya. Kalau kita tahu sistem itu tempang, benar ianya memberikan manfaat kepada parti pemerintah khususnya UMNO dan Barisan Nasional tetapi kalau dianya dia tidak mewakili aspirasi rakyat, tak malu ke kita duduk sebagai Perdana Menteri tetapi hanya 47% rakyat sokong kamu, tak malu ke kamu membentuk satu kerajaan sedangkan kerajaan kamu adalah kerajaan minoriti. Kalau saya, saya rasa malu dan saya patut meletakkan jawatan.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Dewan mohon beri penjelasan

TUAN SPEAKER : Ok, sila

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih Timbalan Tuan Speaker. Yang Berhormat, sebenarnya undi popular yang Yang Berhormat dok war-warkan tadi itu sebenarnya lebihnya ada dua negeri sahaja, Selangor, Pulau Pinang sedikit di Perak, yang lainnya tak ada jelas sangat dari segi ketaranya dan kita kena tengok bahawa undi popular di Selangor dan sedikit di Pulau Pinang di dua negeri. Kita terima hakikat ini, Pakatan Rakyat memang menang di negeri Selangor dengan majoriti yang besar, lebih daripada dua pertiga, kita memang terima hakikat itu sebagai parti yang bertrampil rakyat kita boleh terima kekalahan, tetapi saya tengok Pakatan Rakyat yang tak boleh terima kekalahan. Itu sebenarnya yang menjadi permasalahan populariti ataupun undi popular bukan menyeluruh di seluruh negara Yang Berhormat hanya dua negeri yang utama sahaja.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Terima kasih Yang Berhormat Permatang. Pertama nak dakwa bahawa hanya Selangor dan Pulau Pinang memperlihatkan lonjakan, tidak benar. Kalau sebelum ini UMNO mendakwa Keadilan dan Pakatan Rakyat hanya mendapat dukungan pengundi bandar, di luar bandar masih kuat lagi UMNO dan Barisan Nasional tidak lagi benar di Batu Pahat, UMNO kalah, Timbalan Menteri Pendidikan, di Temerloh UMNO kalah Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Keadilan yang diserang bertubi-tubi berjaya mengebumikan 6 Menteri Kabinet. Atas nama Keadilan dan Pakatan Rakyat, di Alor Setar Menteri Perumahan kalah, di Lumut Menteri Pengangkutan kalah, di Lembah Pantai Menteri Wilayah kalah, di Panampang, Menteri di Jabatan Perdana Menteri kalah, di Melaka, Ketua Menteri kalah, di Batu Pahat, Timbalan Menteri kalah, itu atas nama Keadilan ye, Batu Pahat, Johor. Gelang Patah, UMNO patah, Gelang Patah ni hanya 43% undi Cina dan Pakatan meletakkan tokoh cina, dahlah cina, DAP pemimpin besar, UMNO nak lawan letak bekas Menteri Besar pastinya orang UMNO Johor yang kononnya kuat UMNO akan mempertahankan bekas Menteri Besarnya. Yang Berhormat Lim Kit Siang tak boleh menang tanpa sokongan Melayu. Ini membuktikan Melayu hari ini sudah mula menolak UMNO dan menyokong Pakatan Rakyat, itu yang pertama.

Yang kedua, nak katakan kami ini tak terima kekalahan tak betul, memang benar. Sebagai Islam kita terima, reda yang ditentukan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Kami boleh terima kekalahan, kalau pilihan raya itu bersih dan adil tetapi Pakatan Rakyat tidak boleh menerima kekalahan kalau ianya berpunca daripada kecurangan dan penipuan dalam proses pilihan raya yang ditaja oleh UMNO dan Barisan Nasional.

Saya ingin beralih kepada satu topik yang saya kira penting bagi kerajaan negeri iaitu *Trans Pacific Partnership Agreement* (TPPA). Saya percaya rakyat negeri Selangor mengikuti perbincangan mengenai hasrat kerajaan persekutuan untuk menandatangani TPPA ataupun *Trans Pacific Partnership Agreement* ini. Sehingga hari ini sudah 17 pusingan rundingan telah dijalankan dengan negara-negara anggota yang lain dan dalam masa yang terdekat rundingan pusingan ke 18 akan dijalankan di negeri Sabah pada 14 Julai 2013 ini.

Saya ingin bertanya, adakah kerajaan negeri sedar bahawa TPPA ini mempunyai kesan langsung yang boleh menjejaskan pelaksanaan dasar kerajaan negeri. Persoalan saya ialah, apakah langkah-langkah pro-aktif yang telah dan akan diambil oleh kerajaan negeri untuk terlibat secara langsung di meja perundingan.

Untuk makluman Dewan, TPPA ini adalah salah satu daripada perjanjian perdagangan bebas ataupun FTA (*Free Trade Agreement*) yang bersifat *plurilateral* ataupun *multi lateral*, namun lebih mencabar kerana ianya bukan saja melibatkan isu-isu pelaburan dan perdagangan tetapi juga instrumen baru ekonomi seperti *intellectual property rights* *procumbent*, buruh dan juga kedaulatan negara. Daripada 29 bab dalam perjanjian, hanya 5 bab sahaja yang berhubung secara langsung dengan isu perdagangan dan pelaburan. Manakala selebihnya isu-isu baru yang sangat mencabar keupayaan dan kekuatan delegasi negara dalam mempertahankan kedaulatan negara dan kepentingan pengusaha-pengusaha tempatan khususnya dalam industri IKS di negeri Selangor. Salah satu daripada 29 bab yang terkandung dalam TPPA adalah berhubung dengan bab perkhidmatan (*service chapter*). Di bawah tajuk bab perkhidmatan, terdapat satu klausa yang bertajuk *domestic regulation discipline* dan klausa ini boleh memberi impak kepada dasar dan polisi kerajaan negeri yang sedia ada.

Antara lain isu pelesenan yang biasanya dikeluarkan oleh PBT akan terjejas dan dasar industri dan perkhidmatan air yang terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri di bawah Akta WSIA juga akan terjejas dan ini boleh menjejaskan pentadbiran kerajaan negeri atas alasan hujah yang di manipulasi oleh pemain-pemain besar dalam TPPA ini khususnya Amerika Syarikat yang sering menggunakan alasan *non trip discriminatory* yang dicadangkan oleh TPPA. Maka kalau kerajaan negeri tidak berhati-hati dalam meneliti perjanjian ini, saya bimbang ianya akan menjejaskan prestasi dan juga pelaksanaan dasar kerajaan negeri.

Sebab itu, saya menuntut supaya kerajaan negeri segera menyemak sama ada kerajaan negeri melalui Penasihat Undang-Undang telah menerima panggilan untuk proses perbincangan dan konsultasi bagi mendapatkan persetujuan negeri khususnya dalam hal yang berkait dengan bidang kuasa negeri sebelum kerajaan persekutuan menandatangani TPPA. Adalah sangat penting untuk konsep *federalisme* serta hubungan persekutuan negeri dibangkitkan dalam membahaskan isu TPPA ini. Ini penting kerana setiap negeri di Malaysia akan menerima kesan langsung hasil daripada rundingan TPPA yang dipimpin oleh kerajaan persekutuan.

Saya ingin merujuk kepada jawapan lisan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri MITI di Dewan Rakyat pada 27 Jun 2013 yang lalu di mana Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa proses konsultasi telah berlangsung antara MITI bersama 19 buah organisasi NGO's dan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Namun, saya amat kesal kerana tidak ada dinyatakan langsung tentang konsultasi dan perbincangan dengan mana-mana kerajaan negeri termasuk kerajaan negeri Selangor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sama tali leher dia dengan saya ini hari, jadi beri lebih masa sedikit ya. Antara perihal penting dalam Rundingan Perdagangan Bebas Antarabangsa seperti TPPA ini ialah elemen *non confirming measures* (NCM) yang mana kerajaan yang mewakili negara perlu menyenaraikan perkara yang dipersetujui oleh kerajaan dan perkara yang tidak dipersetujui oleh kerajaan. Maka dari prinsip keadilannya MITI dan kerajaan pusat mesti mengemukakan senarai perkara yang dipersetujui oleh kerajaan termasuk kerajaan negeri dan perkara yang tidak dipersetujui oleh kerajaan termasuk kerajaan negeri.

Biarpun keputusan muktamad di tangan kerajaan persekutuan, namun adalah menjadi tanggungjawab kerajaan persekutuan untuk mengadakan konsultasi dengan kerajaan negeri dan konsultasi ini penting kerana ianya termasuklah hal-hal yang berkaitan dengan klausa-klausa perlindungan seperti *affirmative action* dan hak negeri untuk menerima atau menawarkan pelaburan asing ke negeri tersebut. Maka kerajaan persekutuan perlu menghormati semangat *federalisme* dan pengasingan kuasa di antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri sebagaimana termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan khususnya Jadual 9, Perlembagaan Persekutuan. Kerajaan persekutuan harus sedar bahawa persetujuan kerajaan negeri penting memandangkan setiap pelaburan asing atau domestik yang masuk ke Malaysia pastinya akan diurus dan diekomodasikan oleh negeri. Maka negeri berhak untuk menentukan apa yang *state exclude* dan *state include*.

Justeru, saya pada petang ini dalam sesi perbahasan di Parlimen. Saya ada dua perbahasan (satu di negeri, satu di pusat). Yang membezakan ialah di sini saya kerajaan, di sana saya pembangkang. Jadi, dalam pagi ini kalau saya terbawa-bawa nada pembangkang jangan marah kerana saya *confuse* sikit, saya pembangkang atau saya kerajaan. Tapi setakat ini nampak saya konsisten. Sekinchan kacau, saya pun dah hilang.

Baik, maka saya menggesa kerajaan persekutuan pada petang ini di Dewan Rakyat supaya mengadakan proses konsultasi dengan kerajaan negeri termasuk Selangor dan diberikan keutamaan. Malahan, wakil negeri perlu terlibat dalam proses rundingan TPPA ini kerana ia melibatkan hal-hal negeri seperti *domestic regulation discipline* yang terkandung dalam sektor perkhidmatan. Perlu diingatkan bahawa dalam Jadual 9, Perlembagaan Persekutuan telah dinyatakan senarai persekutuan, senarai negeri dan senarai bersama. Ini menuntut perbincangan dan konsultasi.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Mencelah sedikit ya, Yang Berhormat terima kasih Timbalan Speaker. Saya nak bawa isu tentang TPPA yang dibangkitkan oleh Bukit Antarabangsa. Setakat ini kita dimaklumkan bahawa semua Perjanjian

Perdagangan Antarabangsa merupakan dalam bidang eksekutif di peringkat pusat iaitu kabinet tetapi impaknya sangat besar kali ini. TPPA membawa dampak yang sangat luas dan menyeluruh dan melibatkan negeri Selangor secara langsung. Adakah langkah-langkah bagi mengangkat perkara ini agar diluluskan di Parlimen, bukan hanya diluluskan di peringkat kabinet?

Y.B. TUAN MOHAMED AZIM BIN ALI : Terima kasih Y.B. Hulu Kelang. Satu cadangan yang cukup baik yang juga menjadi pendirian ahli-ahli Parlimen Pakatan Rakyat dalam sesi yang baru ini (yang sedang berlangsung sekarang) di mana kita menuntut supaya Dewan Rakyat dijadikan tempat yang tertinggi untuk memutuskan sama ada kerajaan persekutuan akan meneruskan rundingan ini ataupun sebaliknya. Amat malang sekali, saya bawa jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri MITI baru-baru ini di mana beliau menyatakan bahawa kerajaan persekutuan tidak bersedia untuk membincangkan perkara ini secara terbuka di dalam Parlimen dan apabila diminta butiran-butiran rundingan juga dijadikan rahsia oleh kerajaan persekutuan dan ini memang amalan mereka dari dulu. Nak tahu syarikat yang keluaran dan bekalkan *ink* pun rahsia, nak tahu butiran rundingan yang memberikan dampak yang cukup besar bukan saja kepada kerajaan persekutuan tetapi juga kepada semua negeri juga menjadi satu kerahsiaan. Jadi, bagaimana kita sebagai ahli dewan sama ada di peringkat negeri mahupun di peringkat pusat dapat membantu menyemak dan mempertahankan kedaulatan negara dan rakyat dalam keadaan kita sebenarnya juga dipilih dalam sistem demokrasi untuk membawa suara rakyat dalam Dewan Negeri dan Dewan Rakyat.

Yang keduanya Y.B. Hulu Kelang, saya juga bersetuju bahawa TPPA ini seperti yang saya tegaskan tadi bukan Perjanjian Perdagangan Bebas yang biasa yang pernah kita tandatangani dengan negara-negara membangun yang disebut sebagai *free trade agreement*. Tetapi TPPA ini ianya lebih rumit kerana daripada 29 *chapters* yang dibahaskan dalam *agreement* ini, hanya 5 sahaja yang melibatkan perdagangan dan pelaburan. Yang lainnya melibatkan instrumen-instrumen baru yang saya nyatakan tadi sebagai contoh *intellectual property rights*, soal *pattern*, soal *labour*, soal kedaulatan dan ini sebenarnya bukan isu ekonomi secara langsung tetapi amat penting bagi negeri dan persekutuan menjalin satu hubungan kerja yang baik supaya hak rakyat di negeri berkenaan dapat diberikan jaminan. Beberapa peristiwa berlaku (sekejap Batu Caves) baru-baru ini seperti di South Africa di mana mereka juga mempunyai *affirmative action policy* yang telah diterjemahkan untuk membantu rakyat miskin di Afrika. Namun, oleh kerana mereka telah menandatangani TPPA ini, ianya memberikan kesan yang cukup parah kepada kerajaan South Africa dan rakyat South Africa. Maka sekarang kita dimaklumkan kerajaan South Africa sedang meneliti semula untuk keluar daripada TPPA ini kerana ianya tidak menjamin pelaburan. Sebenarnya orang asing yang dapat menguasai ekonomi kita tetapi pemain-pemain tempatan gagal menembusi pasaran di peringkat antarabangsa kerana kapasiti dan keupayaan pemain-pemain kita tidak dilindungi dan terdedah kepada persaingan yang begitu hebat di peringkat antarabangsa.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Bukit Antarabangsa. Soalan pertama, kenapa kita dapat lihat seolah-olah rundingan TPPA ini seolah-olah

dirahsiakan daripada pengetahuan umum walaupun impak dan nampaknya begitu besar kepada masyarakat termasuk kepada mereka yang tidak mengikuti perbincangan. Apakah sebab bagi pada pandangan Y.B. Bukit Antarabangsa sikap pentadbiran eksekutif kerajaan pusat yang enggan mendedahkan butiran perbincangan walaupun mereka seolah-olah telah bersetuju dan mengikuti banyak lapis rundingan yang telah diadakan sebelum ini.

Soalan kedua, adakah Y.B. Bukit Antarabangsa yakin bahawa pihak Barisan Nasional akan menghormati konsep *federalisme* yang selama ini banyak dicabuli oleh mereka terutama dalam isu-isu kecil pelantikan ketua kampung pun kelihatan peringkat Barisan Nasional pusat tidak menghormati kemenangan-kemenangan yang diberikan Pakatan dengan pelantikan JKKP. Apakah ini akan menambah rumit dan menyebabkan hak rakyat akan tergugat, terganggu ataupun yang paling ekstremnya menyebabkan kedaulatan negara sebagaimana yang dihuraikan oleh Bukit Antarabangsa akan tercemar ataupun terceroboh dengan kesilapan dalam perundingan TPPA. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Terima kasih Y.B. Batu Caves. Saya tidak dapat menjawab bagi pihak kerajaan persekutuan mengapa mereka enggan memberikan butiran-butiran yang berkenaan. Ini sedang lagi dibahaskan dan ramai lagi ahli-ahli Dewan Rakyat akan mengambil bahagian pada pagi ini dan juga petang ini sehingga hari Khamis khusus untuk mendesak kerajaan berkongsi maklumat supaya kita dapat bersama-sama membincangkan persoalan yang begitu besar demi menjaga kedaulatan negara.

Sebagai contoh Y.B. Batu Caves, isu CBA (*Cost Benefit Analysis*) ini pun yang telah pun dilakukan oleh kerajaan melalui UNDP bagi melihat kos (implikasi kos kewangan) dalam meneruskan perjanjian ini pun tidak mahu dikongsi dengan ahli Parlimen. Walaupun pada peringkat awal Yang Berhormat Menteri pernah berjanji bahawa CBA mungkin boleh diserahkan laporannya kepada ahli-ahli Parlimen tetapi dalam sesi soal jawab beberapa hari yang lalu, beliau tampil semula ke dalam Dewan Rakyat menyatakan kerajaan belum bersedia untuk menyerahkan laporan CBA kerana ingin mendapatkan pandangan daripada peguam-peguam. Jadi, perkara-perkara seperti ini amat meletihkan kita dan saya tidak tahu punca sebenarnya tetapi apa yang dapat saya garap ialah oleh kerana impaknya amat besar kepada pemain-pemain yang kecil khususnya yang saya nyatakan dalam perbahasan tadi Industri IKS yang majoritinya adalah golongan bumiputera Melayu yang akan terpinggir dan tersisih dalam persaingan ekonomi, maka kerajaan takut mendedahkan butiran ini kerana pada hujung tahun ini ada pemilihan UMNO. Mungkin mereka takut kalau mereka dedahkan butiran perjanjian TPPA ini, orang Melayu pastinya akan menolak kepimpinan Dato' Seri Najib Tun Razak dalam pemilihan parti UMNO pada tahun ini. Walaupun saya tidak berminat untuk membincangkan soal pemilihan UMNO kerana itu zaman jahiliah dulu tetapi bagi saya yang penting ialah butiran perjanjian TPPA ini adalah hak rakyat untuk mengetahuinya kerana kami juga sayang kepada negara dan mahu mempertahankan kedaulatan negara dan rakyat negeri ini.

Y.B. Tuan Speaker, saya telah menyatakan tadi bahawa perbincangan dan konsultasi ini penting kerana sebahagian besar

Y.B. TUAN ABD RANI BIN OSMAN : Pertanyaan.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : kerana sebahagian besar.

Y.B. TUAN ABD RANI BIN OSMAN : Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak tanya kepada ini Bukit Antarabangsa. Apa yang dimaksudkan zaman jahiliah dulu. *Capter* Jahiliah tak ada dalam TPPA ya, namun kalau boleh saya rumuskan Jahiliah ini maksudnya satu zaman pemikiran yang jumud, yang zalim, yang rakus, yang sentiasa dalam ketakutan kerana tidak ada ilmu untuk berdepan dengan kenyataan. Jadi kalau kita rumuskan semua ini ciri-ciri ini ada dalam sebuah parti. Nak tahu parti dia, Nanti kita bincang kemudian ya. Maka saya menuntut supaya perbincangan dan konsultasi berlangsung kerana yang saya nyatakan tadi sebahagian besar hal perdagangan dan pelaburan ini melibatkan perkara yang tercatat dalam senarai negeri dan TPPA ini pelabur-pelabur asing boleh masuk terus ke negeri-negeri yang berkenaan dan mengambil alih pemilikan tanah tersebut dan kalau di bantah oleh kerajaan dia ada satu klausa yang lain syarikat-syarikat antarabangsa ini boleh menyaman kerajaan yang berkenaan dan ini telah pun berlaku kerajaan Kanada hari ini telah menerima 25 saman daripada pemain-pemain industri gergasi di dunia. Kalau Kanada pun boleh mereka saman saya bimbang kalau kita tidak berhati-hati kerajaan Malaysia dan kerajaan negeri juga boleh di saman oleh pemain-pemain antarabangsa dan ini sekali lagi akan menghakiskan kedaulatan negeri dan negara dan menyerahkan kepada orang asing. Jadi sebenarnya agen asing ini bukanlah Pakatan Rakyat. Agen asing ini sebenarnya ialah UMNO dan Barisan Nasional. Di Amerika Syarikat saya beri contoh, Kerajaan Persekutuan Amerika Syarikat telah mengadakan rundingan dan perbincangan bersama kerajaan negeri terlebih dahulu sebelum membuat sebarang keputusan yang melibatkan kepentingan kedua-duanya. Ini semangat *Federalisme* yang harus ada di Malaysia dan negeri Selangor perlu menerajui semangat ini. Sebagai langkah yang proaktif saya juga ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya menerajui usaha perbincangan dan konsultasi ini dengan mewujudkan satu kokes di kalangan negeri-negeri pakatan rakyat Kelantan, Pulau Pinang, Selangor untuk membuat suatu ketetapan segera berkenaan hal-hal termasuk mendapatkan nasihat pakar dan profesional sebelum mengadakan konsultasi dengan Kerajaan Persekutuan. Di samping itu, kerajaan negeri amat perlu untuk menuntut satu kerusi dalam Jawatankuasa Rundingan Peringkat Pusat. Saya difahamkan kini terdapat 20 kumpulan kerja yang mewakili negara ke meja rundingan 8 daripada MITI dan 12 daripada kementerian dan agensi lain tidak ada wakil negeri yang dilantik bagi bersama-sama membincangkan perkara yang penting ini.

Saya ingin beralih kepada topik yang lain Y.B. Tuan Speaker, kerajaan negeri akan sekali lagi mengemukakan Perbelanjaan Perbekalan Tambahan berjumlah RM761 juta dalam mesyuarat kali ini. Alasan yang diberikan adalah untuk beberapa perbelanjaan kerajaan negeri bagi maksud-maksud yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan secukupnya termasuk keperluan RM165 juta untuk menampung bayaran program air percuma pemberian pinjaman berjumlah RM413 juta untuk KDEB,

bagi tujuan pengambilalihan Kumpulan Hartanah Selangor Berhad. RM24 juta sebagai pinjaman kepada MPSJ bagi pelaksanaan projek-projek dan RM76 juta untuk perbelanjaan bagi menampung kekurangan bagi projek pembangunan yang sedang dilaksanakan.

Y.B. Tuan Speaker, saya pernah menegur dalam Dewan Yang Mulia ini bahawa pengurusan kewangan yang baik adalah pengurusan yang berasaskan disiplin fiskal. Perancangan Kewangan dengan unjuran dan angka yang tepat serta perbelanjaan yang mampu menjana pertumbuhan ekonomi negeri. Perbekalan tambahan dengan jumlah yang besar tidak seharusnya dibentangkan selain daripada berlakunya krisis ekonomi

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, Peraturan Tetap. Tuan Speaker, saya ingin merujuk kepada Peraturan Tetap 35, 36 iaitu seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan dan tidak mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan. Jadi sekarang Yang Berhormat, Bukit Antarabangsa sebenarnya sedang mengemukakan usul untuk menjunjung kasih Titah Ucapan Tuanku dan apa yang disebutkan tadi bukan dengan perbekalan tambahan belum lagi dibentangkan jadi terlalu awal untuk Yang Berhormat membahaskan perkara ini. Belum dibawa lagi. Saya berharap Yang Berhormat dapat mungkin menanggungkan ucapan tersebut. Apabila kerajaan membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan. Sebab kemungkinan kerajaan boleh tarik balik jadi terlalu awal kalau dibangkitkan. Belum ada lagi penjelasan daripada Dato' Menteri Besar.

TUAN SPEAKER : Saya berharap dapat tunggu bersama sampai dibentangkan dahulu ya. Rang Undang-undang tersebut.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Terima kasih Tuan-tuan Speaker, Ketawa... Ada dua perkara yang saya nak hujah balik dengan Tuan-tuan Speaker, sefahaman sayalah perbahasan Titah Diraja ini merangkumi semua aspek yang boleh memberikan rahmat dan kebaikan kepada rakyat negara atau negeri yang berkenaan. Persoalan sama ada kerajaan negeri akan tarik balik Rang Undang-undang ini itu hak kerajaan negeri mungkin setelah mendengar hujah saya kerajaan negeri meneliti semula keperluan untuk membentangkan atau sebaliknya tetapi Yang Berhormat Tuan-tuan Speaker,

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Bukit Antarabangsa mungkin boleh sentuh secara dasar sahaja tetapi secara mendalam saya minta Yang Berhormat sentuh ketika perbahasan Rang Undang-undang tersebut.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Terima kasih Tuan Speaker, Saya juga saya seolah-olah boleh baca bantahan ini akan berlaku. Bawa Teks Titah Ucapan Diraja, apa Tuanku titah. "Beta menekankan kepentingan dasar prinsip tadbir urus yang baik, *good governance* dalam semua pelaksanaan tugas dan proses membuat keputusan bagi Negeri Selangor" Inilah yang nak saya bahaskan. Di mana apabila Tuanku titah dan menekankan kepentingan dasar prinsip *Good Governance* dalam

semua pelaksanaan tugas dan proses membuat keputusan pastinya Tuanku juga amat arif bahawa ianya juga proses membuat keputusan sama ada nak bawa belanjawan tambahan atau sebaliknya. Saya tidak akan memperincikan butiran-butiran perbelanjaan tambahan. Saya akan meneruskan dalam konteks Prinsip dan Proses Keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk membawa usul ini dan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan maka izinkan saya Tuan Speaker, untuk membahaskan Titah Diraja kerana saya merasakan Titah Tuanku itu penting bagi menjamin langsung pentadbiran yang baik di Negeri Selangor ini.

Boleh saya terus Tuan Speaker, Terima kasih. Baik. Saya nyatakan tadi bahawa pada prinsipnya perbekalan tambahan dengan jumlah yang besar, tidak seharusnya dibentangkan selain daripada berlakunya krisis ekonomi yang mendesak ataupun malapetaka besar seperti Tsunami, ataupun gempa yang menyebabkan unjuran asal tersasar dan menuntut kerajaan mengadakan perbelanjaan luar jangka. Jika disemak rekod selama 5 tahun pakatan Rakyat mentadbir Negeri Selangor mulai 2008 sehingga 2012 peruntukan perbekalan tambahan yang diminta pastinya dibentangkan lebih daripada 1 kali setiap penggal. Malah pada mesyuarat penggal ketiga 2010 peruntukan perbekalan tambahan dibentangkan sehingga 3 kali. Teguran saya ini adalah untuk mengelakkan daripada rakyat membina persepsi dan pandangan bahawa Kerajaan Negeri tidak dapat merancang penggunaan wang negeri dengan bertanggungjawab dan pengurusan kewangan yang jujur. Apatah lagi ini adalah mesyuarat pertama penggal pertama Persidangan Dewan Negeri apakah peruntukan yang telah kami luluskan dalam belanjawan yang lalu hanya 6 bulan yang lalu. Apakah hari ini Kerajaan ingin berhujah bahawa Belanjawan yang telah diluluskan dalam Belanjawan yang lalu telah habis dibelanjakan sepenuhnya dalam tempoh 6 bulan pertama tahun ini. Apabila Dewan bersidang untuk meluluskan Belanjawan Negeri pada setiap tahun, ianya adalah bertujuan secara prinsipnya untuk mendapatkan kelulusan rakyat. Dewan ini mewakili rakyat maka kita mahu mendapat kelulusan rakyat melalui Dewan bagi tujuan pembangunan yang telah dirancang. Adalah amat malang sekali sekiranya dalam setiap sidang dewan, Ahli Dewan Negeri diminta untuk memberikan kelulusan terhadap perbelanjaan perbekalan tambahan atas alasan perbelanjaan luar jangka. Ianya membayangkan bahawa kerajaan negeri telah memesongkan ataupun *mislead* Dewan yang mulia ini dengan membentangkan belanjawan yang berimbang tetapi 3 atau 4 bulan berikutnya tampil sekali lagi di Dewan yang mulia ini dengan mengemukakan sejumlah perbelanjaan perbekalan tambahan yang akhirnya akan menjadikan belanjawan defisit bagi negeri Selangor. Banyak perkara perbelanjaan bagi tujuan kebajikan rakyat boleh dirancang dan dibelanjakan setiap tahun tanpa perlu dikemukakan dalam Dewan ini untuk kelulusan perbelanjaan bekalan tambahan yang terlalu kerap. Saya sedia maklum KDEB telah lama merancang untuk melakukan penstrukturan korporat melalui Pengambilan Hartanah Selangor Berhad. Persoalannya mengapa hari ini mengapa dalam masa yang singkat dan di luar tempoh sesi belanjawan negeri yang mengikut amalnya diadakan pada suku tahun keempat setiap tahun, KDEB memberikan notis yang singkat dan tergesa-gesa untuk mendapatkan pinjaman daripada kerajaan negeri sehingga berlakunya keperluan untuk perbekalan tambahan dalam mesyuarat kali ini. Sekiranya penstrukturan korporat ini saya tidak menafikan ada kebaikan penstrukturan korporat tetapi persoalan saya sekiranya penstrukturan korporat ke atas KHSB ini mempunyai nilai yang tinggi dan

menjamin pulangan yang cukup baik, saya percaya KDEB boleh mendapat pembiayaan dana dan kemudahan pinjaman daripada sektor kewangan. Mengapa KDEB mengambil jalan mudah dengan membebankan Kerajaan Negeri melalui pinjaman yang sebenarnya merupakan wang rakyat negeri Selangor. Keupayaan pengurusan ini juga disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku berhubung soal pengurusan. Keupayaan pengurusan sesebuah GLC diukur berdasarkan pengurusan yang cekap, berhemah dan tidak bergantung kepada dana kerajaan. Sebaliknya peranan GLC adalah untuk menjana keuntungan dan mengembalikannya kepada rakyat melalui kerajaan negeri. Sebagai contoh PETRONAS untuk makluman dewan PETRONAS hanya menerima modal berbayar berjumlah RM10 juta pada tahun 1974 dan pada tahun-tahun yang berikutnya PETRONAS mendapat pembiayaan bukan daripada kerajaan pusat tapi dari sektor swasta dan sektor kewangan atas dasar pengurusan korporat yang berwibawa khususnya di bawah kepimpinan Tan Sri Hassan Marican. PETRONAS telah menjana keuntungan melalui pembiayaan swasta dan kemudiannya mengembalikan semula keuntungan ini kepada rakyat melalui pembayaran dividen dan cukai kepada kerajaan persekutuan. Berhubung dengan keperluan perbelanjaan perbekalan tambahan untuk program air percuma. Saya juga ingin berhujah bahawa peruntukan sepatutnya telah di bajetkan dalam belanjawan negeri 2013 yang telah dibentangkan pada tahun.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ini dah masuk butir-butir Yang Berhormat.

Y.B. TUAN MOHAMEDD AZMIN BIN ALI : O.K. saya tak masuk butirlah sekarang.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : O.K.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Program air percuma ini telah dilaksanakan hampir lima tahun yang lalu, bukan program yang baru. Maksud saya ialah sewajarnya kerajaan negeri dapat membuat unjuran yang tepat berhubung kos program ini bagi setiap tahun. Tidak ada keperluan untuk perbelanjaan perbekalan tambahan dalam maksud ini. Hujah saya ialah sekiranya kerajaan negeri berjaya menyelesaikan isu penstrukturan industri air dengan kerajaan persekutuan lebih awal dari jadual yang disasarkan maka lebihan peruntukan tersebut boleh dimasukkan semula dalam akaun yang disatukan kerajaan negeri bagi keperluan perbelanjaan di masa yang akan datang. Saya berhujah kerajaan negeri boleh mengelakkan dari membentangkan perbekalan tambahan sekiranya unjuran dan perbelanjaan di buat dengan bertanggungjawab. Maka akhirnya saya merayu bukan marah kepada kerajaan negeri untuk teliti semula keperluan pembentangan belanjawan perbekalan, perbelanjaan perbekalan tambahan ini dan saya menggesa supaya kita lebih cermat mengimbangi di antara keperluan penstrukturan korporat dengan kepentingan rakyat melalui unjuran dan perancangan yang menyeluruh dalam sidang belanjawan negeri yang tidak berapa lama lagi pun. Insya-Allah mungkin dalam dua bulan lagi kita akan bertemu semula dalam sesi belanjawan negeri supaya usaha ini dapat mengelakkan kekerapan perbelanjaan perbekalan tambahan dalam dewan yang mulia ini.

Tuanku Sultan Selangor juga telah bertitah supaya perbelanjaan untuk infrastruktur diberikan keutamaan secara berterusan demi kesejahteraan rakyat. Pelaburan di dalam teknologi jalur lebar dan kemudahan internet berkelajuan tinggi perlu di perluas

ke kawasan desa dan luar bandar. Hanya dengan teknologi maklumat kita dapat membina modal insan yang berilmu dan menolak kezaliman dan kemungkaran ekonomi dan politik. Sebab itu kita saksikan semua kawasan bandar yang ada akses dengan internet rakyat menolak UMNO dan Barisan Nasional. Jadi saya mencadangkan supaya teknologi maklumat ini melalui industri teknologi jalur lebar dan kemudahan internet dapat di perluaskan di kawasan bandar mungkin di Sungai Burung, di Jeram, insya-Allah bila rakyat dapat maklumat mereka bangkit, bila mereka bangkit pastinya kita lihat penuh lima puluh enam akan dikuasai oleh Pakatan Rakyat dalam pilihan raya yang akan datang. Perbincangan dua hala antara saya dengan Yang Terhormat Bapak Ir. Jokowi, Gabenor Daerah Keistimewaan Jakarta baru-baru ini. Telah memperlihatkan bagaimana keupayaan beliau yang baru sahaja di pilih sebagai Gabenor Jakarta pada bulan Oktober 2012 telah berjaya memberikan tumpuan dan perhatian kepada pembangunan perumahan rakyat dalam skala yang besar dan juga menyelesaikan masalah pengangkutan awam melalui MRT yang dilancarkan pada bulan Mei 2013. Tak sampai sembilan bulan di angkat menjadi Gabenor dia telah lancarkan program perumahan rakyat dan juga sistem pengangkutan awam yang cukup canggih. Hari ini Bapak Jokowi dilihat dalam semua analisa calon yang paling popular sebagai Presiden Indonesia. Pengalaman mengurus *Megacity* Jakarta, yang mempunyai penduduk siang. Jakarta ini pelik sikit, dia ada penduduk siang dan penduduk malam ya. Penduduk malam ini termasuk beberapa ketua cawangan UMNOlah. Pengalaman mengurus *Megacity* Jakarta yang mempunyai penduduk siang seramai sebelas juta orang dan lima juga berulang alik dari kota Jakarta ke kota satelit di pinggir Jakarta amat mencabar pentadbiran negeri Selangor supaya mengurangkan birokrasi dan menumpukan persoalan menyelesaikan masalah rakyat.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Selangor ke Jakarta.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Selangor ke Jakarta Yang Berhormat.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Pengalaman di Jakarta ada manfaatnya untuk Selangor. Ini saya bercakap soal saya, bukan orang lain. Ya saya belajar pengalaman Bapak Jokowi dalam pertemuan dengan Bapak Azmin Ali. Bapak Jokowi ini, Bapak Jokowi ini dia dikenali sebagai pemimpin yang bersih dan melancarkan jihad rasuah. Dia ini peminat *rock music*. Bila dia jadi Gabenor *rockers* ini dia hadiahkan gitar pada Bapak Jokowi, tapi Bapak Jokowi yang bersih, amanah dan bertanggungjawab dia terima gitar, terima kasih dia serah kepada SPRM Indonesia itu bezanya. Kita jangan kata dapat gitar, minta jam, minta cincin pergi Disneyland. Ini dapat dipulangkan, itu hebatnya Gabenor Jakarta hari ini sehingga menjadi paparan dalam majalah *The Economist* tentang kewibawaan dan ketokohan Bapak Jokowi yang telah melancarkan jihad rasuah. Dan beliau juga dengan tegas dan berani telah memecat Wali kota atau Datuk Bandar, ha... dengar elok-elok. Datuk Bandar Jakarta Selatan. Bukan Datuk Bandar di Selangor, Datuk Bandar Jakarta Selatan yang dilihat tidak cocok dengan prinsip dan amanah amalan pentadbiran yang telus dan bersih. Ada Wali kota Datuk Bandar, dia ada empat Wali kota di bawah Gabenor Jakarta. Jakarta Utara, Jakarta Selatan, Jakarta Timur, Jakarta Barat, yang di pecat Jakarta

Selatan. Dihantar menjadi Ketua Perpustakaan. Ha.... Ini menjadi peringatan kepada semualah. Dan apabila Bapak Jokowi melantik Datuk Bandar yang baru dia tak lantik Datuk Bandar ini di hotel. Dia tidak lantik di gedung-gedung yang mewah. Di arahkan dibuat *canopy* di kawasan perumahan yang usang dan penuh dengan sampah sarap, jadi tetamu-tetamu yang hadir, ketua-ketua jabatan yang hadir terkejut dengan bau busuknya dengan sampahnya dengan keadaan yang amat menjelekkkan tetapi kepetahan Bapak Jokowi selaku Gabenor Jakarta ketika menyerahkan watahah pelantikan Wali kota Jakarta Selatan, apa katanya. Peranan Wali kota atau Datuk Bandar adalah menggalas amanah rakyat supaya segera menangani masalah perumahan, dia tunjuk perumahan rakyat yang usang dan menjadikan Jakarta sebuah perbandaran yang bersih dan selamat. Dia minta Wali kota yang baru kutip sampah segera bagi kepentingan rakyat di Jakarta Selatan. Saya tidak mencadangkan supaya Gabenor Selangor bertindak kepada Wali kota di Selangor tetapi ini pengajaran sebenarnya. Apabila amanah diberikan tanggungjawab yang memikul amanah itu untuk memastikan ianya dapat dijalankan dengan baik dan bertanggung jawab.

Tuanku Sultan telah bertitah supaya Pihak Berkuasa Tempatan dapat mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan, penyediaan perkhidmatan bandar infrastruktur dan utiliti yang berkualiti, perumahan mampu milik dan pengangkutan awam yang efisien perlu disediakan secocok dengan Bapak Jokowi untuk mengujudkan persekitaran kehidupan bandar yang sejahtera dan beridentiti. Tuanku Sultan turut menegaskan PBT perlu pantas mengambil tindakan terhadap aduan-aduan rakyat. Dan sentiasa bersikap proaktif dan inovatif dalam melaksanakan sebarang perubahan dan penambahbaikan dalam penyampaian perkhidmatannya. Sudah tentulah aduan-aduan ini sampai ke pengetahuan Tuanku Sultan apabila PBT dinasihatkan untuk terus diberikan tumpuan kepada tanggungjawab asanya iaitu menyediakan kemudahan jalan dan longkang, pengurusan sampah yang cekap, pemotongan rumput dijalankan secara berjadual serta lampu-lampu jalan yang sentiasa berfungsi. Cuma bagi pandangan saya sementara kita boleh menegur prestasi PBT kerajaan negeri juga bertanggungjawab untuk membantu PBT bagi mempertingkatkan kualiti kehidupan setiap rakyat di semua daerah melalui peruntukan yang lebih besar untuk semua PBT yang menjayakan program pembangunan dan yang dinyatakan tadi. Kesemua peruntukan ini tidak perlu dibuat dalam belanjawan tambahan, tapi perlu perancangan dengan menyeluruh dengan unjuran yang bertanggungjawab. Sementara PBT digalakkan untuk meningkatkan kutipan hasil, saya merasakan kerajaan negeri juga mempunyai peranan besar bagi membantu PBT. Geran MARRIS wajib disalurkan terus kepada semua PBT dengan adil dan telus supaya dapat meringankan beban kewangan PBT untuk menjalankan kerja penurapan dan pembaikan jalan. Saya juga ingin menggesa kerajaan negeri untuk menyegerakan peruntukan pembangunan bagi Ahli-Ahli Dewan Negeri di kalangan Pembangkang di negeri Selangor.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Pembangkang parti mana.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Pembangkang di Selangor.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Pembangkang di Selangor pasti di sebelah kanan saya, bukan yang dua ini Kota Anggerik tidak, setengah-setengah. Atau pun Sri Andalas dah lompat tak tahu, tapi saya ingat tidak ya. Ya dia masih, setengah-setengah daripada sebelah kanan saya ya. Saya ingin menggesa kerajaan negeri untuk menyegerakan peruntukan pembangunan bagi Ahli-ahli Dewan Negeri di kalangan Pembangkang di negeri Selangor bersyarat, sebaik sahaja kerajaan persekutuan bersetuju untuk mengamalkan dasar yang sama dengan mengembalikan peruntukan Ahli-ahli Parlimen Pakatan Rakyat. Mereka juga berhak mendapatkan peruntukan ini.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat, jam sudah menunjukkan jam satu tengah hari, jadi.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Saya petang di Parlimen.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Satu minit lagi tak boleh.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya. Satu minit ya.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Satu minit saya habiskan semua.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : O.K.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Mereka juga berhak mendapatkan peruntukan ini kerana mereka juga mewakili rakyat negeri Selangor. Marilah kita tunjukkan contoh tauladan dan kepimpinan yang baik dan berharap kerajaan persekutuan juga mengikuti langkah yang di ambil oleh kerajaan negeri Selangor termasuk memberi balik kepada negeri Selangor sejumlah peruntukan yang setimpal dengan sumbangan negeri Selangor dengan KDNK. Perbincangan saya dengan Bapak Jokowi mengesahkan kerajaan Republik Indonesia membayar balik kepada Badan Pemerintahan DKR Jakarta sejumlah enam puluh enam peratus daripada sumbangan yang dibuat oleh rakyat Jakarta. Akhirnya Yang Berhormat Speaker, saya ingin mengetahui tentang daripada kerajaan negeri berhubung status pembinaan Masjid Zakaria di Gombak Utara. Saya berharap kerajaan negeri dan JAIS dapat menyegerakan pembinaan masjid ini dalam masa yang terdekat kerana peruntukkan sejumlah RM6 juta telah pun diluluskan hampir 4 tahun yang lalu, pembayaran pampasan kepada pemilik tanah juga telah diselesaikan namun tidak ada maklum balas tentang status pembangunan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya berdoa ke hadrat Allah SWT semoga semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang dipilih dapat menjalankan dan mengalaskan amanah ini dengan baik dan bertanggungjawab demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri Selangor selaras dengan tuntutan Allah SWT marilah kita membina sebuah negara yang makmur dan mendapat pengampunan daripada Allah SWT. *Baldatun toibatun warabbur ghafur*. Yang Berhormat Tuan Speaker saya mencadangkan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam satu tengah hari dengan itu saya menangguhkan dewan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Mesyuarat disambung semula. Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua jabatan dan kakitangan kerajaan serta pemerhati yang saya muliakan, salam sejahtera salam ubah untuk semua, Tuan Timbalan Speaker. Sekinchan memohon izin untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Usul menjunjung, ha menyokong titah ucapan, menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sempena pembukaan Dewan Negeri Selangor Yang ke-13 tahun 2013 sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Bukit Antarabangsa.

Tuan Timbalan Speaker, terlebih dahulu Sekinchan ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim kerana di bawah kepimpinannya telah berjaya menarik sokongan dan dorongan majoriti rakyat berbagai kaum sama ada Melayu, Cina dan India di negeri Selangor bagi mengekalkan kerajaan negeri Pakatan Rakyat dengan kemenangan yang cukup kuat dan bergaya pada PRU 13 5hb. Mei, 2013 yang lalu, di mana PKR telah berjaya mendapat 14 kerusi, PAS 15 kerusi, DAP 15 kerusi, jumlah seluruhnya 44 kerusi daripada 56 kerusi di Dewan Negeri Selangor. Penguasaan ini bukan sahaja 2/3 majoriti malah adalah ¾ oleh itu kemenangan ini bukan sahaja kemenangan Pakatan Rakyat, tetapi adalah kemenangan bagi seluruh rakyat negeri Selangor yang bijaksana dan cintakan keadilan serta benci kepada kezaliman.

Maknanya harapan Barisan Nasional yang diketuai oleh Pengerusinya Dato' Seri Najib untuk merampas negeri Selangor dengan slogan sayangi Selangor yakini BN telah menjadi sayangi Selangor tolak BN. (Dewan riuh...ketawa). Sekinchan juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada seluruh rakyat negeri Selangor yang memberi sokongan padu kepada Pakatan Rakyat, tetapi pada masa yang sama tidak lupa juga kepada rakyat DUN Sekinchan yang telah memberi sokongan dan dokongan kepada saya buat kali yang ke-3 berturut-turut mewakili suara petani dan nelayan untuk diperdebatkan di dewan yang mulia ini.

Dalam kesempatan ini jua Sekinchan ingin merakamkan tahniah dan syabas kepada semula Ahli-ahli Dewan yang telah berjaya mengekalkan ataupun memenangi kerusi masing-masing termasuk teman-teman seluruhnya daripada pihak pembangkang. Pembangkang ini UMNO bukan Barisan Nasional, saya sebagai pembangkang sekarang ini UMNO, sebab kalau Barisan Nasional dia ada MCA, MIC, GERAKAN yang tak bergerak. Tapi sekarang ini 12 semua UMNO, maknanya pembangkang tu UMNO.

Tuan Timbalan Speaker, ramai pemerhati dan penganalisis politik yang sering meramalkan bahawa negeri Selangor akan jatuh ke tangan Barisan Nasional telah terkejut, dengan keputusan ini mereka masih *mumet endasei* [pening kepala] terkial-kial

mencari jawapan, kenapa Pakatan Rakyat dapat mempertahankan kemenangan dengan selesa, jawapannya *enteng* sahaja iaitu rakyat yakin dan percaya serta nampak keikhlasan, ketelusan, amanah dan bersih kepimpinannya kerajaan Pakatan Rakyat.

Selama 5 tahun yang lalu sebagai contoh walaupun Barisan Nasional di dalam kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib sebagai Perdana Menteri satu ketika dulu cuba dengan medianya dan sebagainya cuba mengaitkan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Negeri Selangor dengan tuduhan yang tidak berasas iaitu kononnya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita terlibat dengan lembu dan sebagainya. Lembu korban daging korban dan sebagainya, tetapi akhir, akhirnya keadilan tetap berada dipihak kita di mana SPRM telah membersihkan nama Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, ha ini fitnah yang dibuat oleh pihak lawan tetapi tidak menjadi, manusia bisa merancang, tetapi Tuhanlah yang menentukan.

Dalam masa yang sama juga saya ingin meminjam slogan daripada Yang Berhormat EXCO daripada Sungai Pinang, di mana sangat menarik ya, slogan Pilihan raya Yang Berhormat Sungai Pinang ini memang menarik, slogannya begini, terlalu sinonim dengan perkembangan politik semasa, [Kerajaan Bersih Rakyat Kasih] ha inilah Pakatan Rakyat kerajaan bersih rakyat kasih, kita menang 44 kerusi. Selain daripada faktor ketelusan, amanah dan bersih faktor berbelanja secara berhemah tidak boros dan konsep *value for money* serta kecekapan dalam pengurusan kewangan telah menarik perhatian dan kepercayaan rakyat terhadap kewibawaan dan kepimpinan Pakatan Rakyat.

Saya yakin bahawa Barisan Nasional, UMNO lah tidak dapat memperlekehkan kemenangan kita kali ini seperti apa yang pernah mereka lakukan pada penggal yang lepas selepas berlakunya tsunami politik 2008 saya masih ingat pimpinan UMNO ketika itu mantan Menteri Besar Yang Berhormat mantan daripada Sungai Panjang Dr. Khir Toyo telah memperlekehkan kemenangan kita bersama teman-temannya Seri Serdang dan sebagainya. Pada ketika itu mereka kata Pakatan Rakyat menang 2008 kerana rakyat terpukau, rakyat terpukau persoalannya bagaimana pula kemenangan mutlak PRU 13 ini, adakah rakyat masih terpukau lagi, harus ingat Pakatan Rakyat Negeri Selangor dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Seri Khalid Ibrahim, walaupun terpaksa berdepan dengan seluruh serangan media arus perdana di bawah kawalan Barisan Nasional yang bertubi-tubi dengan cerita fitnah yang tidak berasas di samping berlakunya, ha ini satu perkara penting, berlakunya pembelian undi secara terang-terangan tanpa segan silu oleh UMNO Barisan Nasional, harga setiap undi, harga setiap undi di antara RM 300.00 hingga RM 1,000.00, belum cukup dengan perkara tersebut.

Walaupun kita sedia maklum PRU ke-13 ini penuh dengan penipuan, dan kecurangan termasuk apa yang ditegaskan oleh teman saya iaitu Yang Berhormat Bukit Antarabangsa pagi tadi dakwat kekal yang tidak kekal dan dulu katanya tidak kekal alasannya kerana ada bahan kimia membahayakan kesihatan, ha membahayakan kesihatan dan jawapan daripada Menteri lain pula, bukan bahan kimia pewarna makanan, pewarna makanan ha, ini antara dalih yang dikemukakan oleh pihak SPR dan yang saya sampai hari ini saya tak boleh terima dan rakyat tak boleh terima,

belanja untuk dakwat kekal ini yang tak kekal RM7 juta dan syarikatnya *orak keneng ngomong* maksudnya dengan izin tak boleh cakap, tak boleh diberitahu

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Speaker tak faham bahasa jawa....

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : *maksudnya tak boleh* cakap, tak boleh cakap, nak beritahu syarikat, tak boleh, tak boleh kebal, mungkin yang membekalkan dakwat ini Syarikat Ayah Pin lah. Jadi, Tuan Timbalan Speaker, ujudnya selain dakwat kekal yang tak kekal pengundi ragu dalam daftar pemilih yang kita kenal pasti tetapi sehingga hari ini tak terjawab, oleh yang demikian saya menyokong penuh keputusan kerajaan negeri yang akan mengumumkan untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya siasatan terhadap penipuan dan salah laku PRU 13 selaras dengan kuasa yang diberikan kepada kerajaan negeri di bawah Seksyen 2 (3) (D) Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 yang bakal diketuai oleh Yang Berhormat Timbalan Speaker dari Seri Setia ini.

Melalui siasatan ini pasti akan membuka ruang untuk rakyat untuk mengemukakan bukti-bukti keterangan penipuan dan salah laku semasa PRU 13 ini kepada Jawatankuasa atau Suruhanjaya ini untuk diteliti dan akhirnya saya yakin kisah benar di antara penipuan dan sebagainya ini akan kita ketahui bagaimana berlaku dan sebagainya. Inilah caranya kerajaan negeri Selangor demi keadilan untuk mempraktikkan semangat demokrasi pendemokrasian rakyat kita tubuhkan suruhanjaya.

Walaupun ada suara daripada Ketua Pembangkang Sungai Burong, yang mengatakan ha tidak perlu suruhanjayalah, membazirlah, tidak perlu kerajaan sudah menang, kalau dah menang kenapa perlu lagi ni, ini bukan persoalan menang saya yakin Tuan Timbalan Speaker, sekiranya Pilihan raya ke13 ini bersih, adil daftar pemilihnya, pengendaliannya telus, Pakatan Rakyat di Negeri Selangor kita menang paling kurang hanya tinggal 5 kerusi pembangkang saya yakin dan kita sudah berada di Putrajaya kalau tanpa pengundi ragu, tanpa penipuan dan sebagainya. Oleh sebab itu, ...

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : minta penjelasan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Boleh..

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Tadi, Sekinchan ada membangkitkan bahawa saya sebagai Ketua Pembangkang tidak bersetuju dengan pandangan Suruhanjaya, Saya ada alasan-alasan tersendiri tetapi untuk mengatakan bahawa Suruhanjaya itu tidak adil saya nak beritahu nak bertanya dengan Sekinchan, adakah? Sekinchan tahu bahawa dalam pilihan raya di kawasan Parlimen Tanjong Karang dan DUN Sungai Burong kita tidak ada kompelin pun kepada Mahkamah untuk orang kata ha, ke tidak puas hatian tentang kesalahan-kesalahan dalam pelaksanaan pilihan raya.

Jadi adakah? Sekinchan setuju bahawa di situ berlaku keadilan dan saya yakin percaya ketidakpuasan ini berlaku kepada pihak yang kalah, yang kalah dia tidak puas hati kerana itu dia kata tidak adil dan untuk itu mengambil tindakan sama ada mereka memfailkan saman ke Mahkamah sebagaimana dibuat oleh Pembangkang pada hari ini Pakatan Rakyat pada hari ini yang memfailkan lebih kurang 30 saman ke Mahkamah. Jadi..ini menunjukkan....

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Boleh simpulkan, celahan Yang Berhormat, sebab lepas ini kita bagi masa kalau nak jawab lebih lanjutlah...

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Okey, mohon penjelasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Yang Berhormat, teman saya daripada Sungai Burong, Ketua Pembangkang kita, saya ucapkan tahniah kepada Ketua Pembangkang yang baru dilantik, Sungai Burong ni terkenal dengan melahirkan kawasan Ketua Pembangkang, ha saya ingat, seingat saya tahun 1999 Sungai Burong juga pembangkang ha sekarang 2013 juga pembangkang, saya doakanlah Sungai Burong terus lahirkan Ketua Pembangkang untuk menjalankan tugas dengan baik, walau bagaimanapun *respons* yang saya nak bagi kepada Ketua Pembangkang berkenaan dengan Tanjong Karang, Tanjong Karang soal pembelian undi tetap ada, saya boleh bagi tahu undi RM300.00 dijanjikan ya, isi borang kalau menang Barisan Nasional ataupun UMNO di janjikan RM300.00 ha di Sekinchan pun begitu ha itu satu, di Tanjong Karang dan ha teruskan tak apa.....

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Ini pertama sekali sangkaan jahatlah, saya minta kalau betul ada orang janjikan RM300.00 ini sila buktikan, sila buktikan jangan menuduh, inilah kerja Sekinchan menabur fitnah untuk meraih undi di kawasan Parlimen Tanjong Karang, di kawasan Sungai Burong, ha buat tuduhan macam-macam ambil duit dan sebagainya, kalau sekadar tuduhan kita pun boleh buat tuduhan yang mengatakan bahawa mereka pun bayar RM300.00 isi borang dan sebagainya, tapi jangan bercakap sahaja dalam Dewan sila di luar Dewan buktikan bahawa ada pembelian undi rasuah semasa pilihan raya di Sungai Burong dan bawa ke Mahkamah saya cabar. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Sabar, sabar Sungai Burong, baru saya puji sebagai Ketua Pembangkang dah tak sabar, kejam ya, sabar,

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker, sebab dia buat tuduhan [*dewan riuh*]

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Bagi peluang kepada Yang Berhormat Sekinchan untuk menjawab.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Yang Berhormat Timbalan Speaker, masalahnya begini saya pun dah buat laporan polis di Sekinchan dan di Tanjong Karang kita ada bukti-bukti tetapi sabar, sebab ada suruhanjaya, suruhanjaya yang bakal ditubuhkan nanti akan kita kemukakan sabar tunggu dan lihat. Ha walau bagaimana pun saya nak

respons balik apa yang dikatakan di seluruh Malaysia, bukan sahaja Pakatan Rakyat tidak puas hati dengan pengendalian SPR dalam pilihan raya, UMNO sendiri Barisan mereka mengemukakan kalau tidak silap saya 20 lebih petisyen, kalaulah sebelah Pakatan Rakyat sahaja yang mengemukakan bolehlah dikatakan pihak Pakatan Rakyat ini *bias* lah macam-macam tetapi UMNO sendiri, UMNO sendiri pun.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Yang Berhormat I minta laluan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Kalau Batang Kali dulu jual durian, ini boleh saya bagi.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan. Saya nak mencelah sikit fasal petisyen ni. Kalau fasal petisyen ni kami tidak sedikit pun mempertikaikan sistem SPR. Bagi kami, kami cukup yakin dengan SPR. Sistem-sistem yang dibuat adalah dibincang dan diperhalusi bersama-sama di peringkat Dewan Rakyat. Jadi yang dipertikaikan oleh kami ini ialah salah laku pembangkang ketika itu. Itu yang kami pertikaikan. Itu yang kami hendak-hendak persoalkan. Kenapa pembangkang buat salah ketika pilihan raya. Itu petisyen kami. Sekian.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Yang Berhormat daripada Batang Kali. Itu terpulanglah kepada cara tafsiran masing-masing tentang SPR ini. Tapi bagi kami Pakatan Rakyat, kita dah nampak kecurangan, penipuan dan sebagainya berlaku. Contoh yang paling nyata sahaja yang kita telah bahas pagi tadi oleh Yang Berhormat Bukit Antarabangsa dakwat kekal yang tak kekal. Ini satu dah cukup untuk memberi seribu jawapan pertanyaan kepada Yang Berhormat sekalian. Maka dengan itu persoalan SPR ini saya mintalah kena adakan satu urus tadbir yang lebih telus dan

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Mencelah Tuan Speaker.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Pengerusi dan Timbalan Pengerusi SPR ini perlu letak jawatan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Boleh bagi laluan?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya rasa cukuplah. Nak lagi?

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Sikit sahaja. Bagus, Sekinchan ni cukup baik. Ini saya nak mencelah sikit fasal dakwat kekal ni. Dakwat kekal ni sebenarnya kami terpengaruh dengan pembangkang. Pembangkang yang buat usul untuk mengadakan dakwat kekal yang *very back dated*.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ini soalan ke pertanyaan?

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Saya nak tanya Yang Berhormat Sekinchan kenapakah benda ini dibawa dan diwar-warkan sebagai sangat penting pada ketika itu? Sila

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Batang Kali. Memang bagi sekali dia nak sekali lagi Batang Kali. Tapi tak apa. Memang saya tertunggu-tunggu pertanyaan ini. Di mana pihak Pakatan Rakyat, NGO dan sebagainya kita meminta bahawa SPR melakukan perubahan untuk mengadakan dakwat kekal. Kerana apa? Kerana untuk mengelakkan, mencegah pengundian dua kali. Di mana kalau pengundian awal seorang polis dan tentera, contoh dia undi 5 hari atau 4 hari awal dan kemudiannya dia tak ada apa yang boleh ada tanda pada badan atau jarinya, orang ini boleh dibuat IC dan sebagainya boleh diundi untuk kali kedua. Oleh itu, untuk ketelusan, untuk pengendalian pilihan raya yang adil dan telus, maka kita minta kita praktikkan seperti di India, di Indonesia dan negara-negara yang lain untuk kita calit dakwat kekal supaya kita boleh cam orang ini sudah undi atau belum termasuk rakyat asing dan sebagainya. Ini satu anjakan yang baik untuk kita mencegah

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat

Y.B. TUAN MOHD. KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Sungai Panjang.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Paya Jaras hendak bertanya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya bagi Paya dulu ya. Yang Berhormat Paya Jaras dulu.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI : Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan. Penjelasan. Adakah kenyataan berhubung kait dengan pemberian RM300.00 ini, Y.B. Sekinchan mempunyai bukti yang sah sebagaimana bukti terhadap pembelian rumah bekas Menteri Besar dahulu? Ini yang pertama. Yang kedua, pada fikiran Yang Berhormat Sekinchan, kalau UMNO Barisan Nasional mempunyai keyakinan terhadap SPR, mengapa mereka menamakan SPR sebagai salah seorang defendan dalam petisyen pilihan raya mereka?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Yang Berhormat daripada Paya Jaras, memang dari soal SPR ini UMNO lah mereka juga tahu bahawa ada masalah tentang ketelusan, pengendalian dan kecurangan tetapi dalam mahkamah besok, akan kita nampak bagaimana mereka keluarkan hujah. Itu saya tidak mahu komen setakat ini. Yang pentingnya soal RM300.00 pemberian undi, saya sendiri di DUN Sekinchan, saya dah buah laporan polis. Laporan polis ada dan sebagainya pada ketika kempen pilihan raya. Itu akan kita sampaikan kepada Suruhanjaya besok. Inilah antara kelemahan, kecurangan yang berlaku.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI: Mohon mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Nampaknya teman

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Y.B. Sekinchan, ada celahan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Berminat sangat teman-teman saya yang sebelah-sebelah utara ni. Ok, Sungai Panjang. Ini ok, ok.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHD: Ini fasal kecurangan-kecurangan ni. Adakah Yang Berhormat Sekinchan bersetuju bahawa daripada segi dakwat kekal ini dalam pilihan raya yang lepas telah menidakkan undi dua kali pada fikiran yang Berhormat Sekinchan? Silakan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Yang Berhormat daripada Sungai Panjang. Sekurang-kurangnya kalau ada dakwat kekal orang nak buat penipuan akan takut sedikit. Tetapi kalau tak ada dakwat kekal mereka akan buat sewenang-wenangnya. Tetapi oleh kerana dakwat kekal ini dah jadi tak kekal, lepas undi ramai *complain*, lepas undi balik cuci tangan, *lah kok hilang?* Kak tak kekal. Ini yang jadi masalahnya. Jadi hasrat kita, kerajaan belanja RM7 juta wang rakyat untuk tambah baik sistem pilihan raya. Tapi kalau dakwat kekal itu tak kekal, baik jangan buat. Ini yang jadi masalah. Ok, saya akan teruskan.

Tuan Timbalan Speaker, Sekinchan ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini dengan inti pati titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sempena majlis perasmian pembukaan Persidangan Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Yang Ke-13, 28hb. lalu, terutamanya berhubung dengan kutipan hasil cukai yang secukupnya bagi memastikan simpanan rizab kerajaan negeri sentiasa berada dalam keadaan memuaskan dan terus bertambah kukuh bagi menghadapi sebarang kemungkinan dan kecemasan di luar jangkaan. Simpanan rizab dalam tempoh 5 tahun sehingga bulan April, Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor adalah RM2.5 bilion. Jumlah ini bukan satu lagi rekod sejarah baru bagi Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor dan menurut jawapan daripada soalan pertanyaan mulut pagi tadi, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bagi lagi satu angka yang baru sehingga akhir Mei 2013 telah bertambah rizab RM2.5 kepada RM2.8 bilion untuk rizab Negeri Selangor ini. Maka lonjakan ini bermakna ketelusan, penjimatan dan juga tadbir urus yang berhemah telah menyebabkan kutipan hasil negeri Selangor semakin hari semakin bertambah dan dalam konteks ini saya mengucapkan terima kasih kepada setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, barisan EXCO dan juga tidak kurang juga kakitangan kerajaan, Pejabat Daerah dan sebagainya yang bertungkus-lumus membantu kerajaan memperkasakan sistem kutipan hasil sebagai hasil Negeri Selangor dapat ditingkatkan.

Seterusnya Tuan Timbalan Speaker, pada masa yang sama Sekinchan juga sangat tertarik dengan titah ucapan Duli yang Maha Mulia Sultan Selangor yang begitu prihatin dengan kebajikan rakyat, kualiti hidup dan pembangunan desa di Negeri Selangor. Ekonomi Negeri Selangor terus berkembang maju dan stabil. Telah banyak memberi manfaat kepada rakyat apabila Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) dilancarkan sehingga hari ini. Sebanyak RM850 juta telah dibelanjakan untuk menjayakan 29 program Merakyatkan Ekonomi MES ini. Sebagai contoh, saya bagi contoh Skim Mesra Usia Emas, Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), hadiah anak

masuk universiti, tuisyen rakyat dan lain-lain lagi termasuk yang terbaru, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mengumumkan mana-mana remaja belia-belia kita yang baru hendak mendirikan rumah tangga, umur bawah 35, Meru tak bolehlah, Meru tak bolehlah tak layak ya dan Batu Caves pun tak boleh. 35, yang baru pertama kali, buat pertama kalinya hendak mendirikan rumah tangga boleh memohon isi borang untuk insentif. Rawang boleh. Insentif perkahwinan yang akan diberikan. Insentif tu. Ini satu kerajaan yang prihatin. Kita jaga seluruhnya. Daripada anak kecil kita jaga. Anak kecil kita bagi TAWAS, Tabung Warisan Anak Selangor. Dan kemudiannya, apabila dewasa sedikit kita bagi hadiah masuk universiti dan sebelum dewasa dia tuisyen kita bagi tuisyen percuma dan kemudiannya sampai ke warga tua apabila kita laksanakan Jom *Shopping*. Warga tua kita raikan jasa mereka, kita bagi RM100.00 untuk *shopping* bersama ADUN. Dan kemudian, apabila takdir Ilahi apabila sampai mereka meninggal dunia kita bagi khairat kematian kita bagi RM2,500.00. Walaupun kita kata dalam Islam *Innalillah ya?* RM2,500.00 untuk bayar khairat kematian. Pembangkang tak faham kata duit tak dapat sebab belum mati. Mana dapat. Ini yang jadi masalah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Minta mencelah ya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Sungai Panjang nak lagi?

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI: Boleh?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Boleh, tak ada masalah. Sungai Panjang dia panjang sampai terus.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI: Yang besar ada, yang panjang ada. Yang Berhormat Sekinchan sebut soal rizab tunai. Boleh tak buat perbandingan dengan aset-aset kerajaan negeri yang sedia ada sebagai perbandingan supaya kita melihat bagaimana perbandingan ini sebenarnya memberi kebaikan kepada rakyat secara keseluruhannya. Terima kasih

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih. Soal nak bandingkan aset banyak lagi. Saya hanya ambil rizab ya sebab ini ucapan dasar menyokong usul. Yang lain saya bagi kepada pihak EXCO lah untuk boleh dibuat pertanyaan. Besok ada, lusa lagi. Pertanyaan yang secara *detail* bagi pihak EXCO. Sekinchan belum sampai taraf itu lagi. Walau bagaimana pun

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Mohon mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ada lagi Batang Kali. Ha, hebat.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Bagi laluan ya? Ok, terima kasih. Ini mengenai rizab juga ni. Tadi dimaklumkan bahawasanya RM2.5 bilion dan meningkat kepada RM2.8 bilion dan pagi Yang Berhormat Antarabangsa ada menyebutkan fasal bijaksana pengurusan. Apakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya katakan dengan rizab yang terlalu banyak, terlalu tinggi, dengan permintaan

perbekalan tambahan lagi RM700 juta yang hendak di *propose* ataupun dicadangkan pada petang ini. Apakah ini merupakan satu tindakan yang pengurusan yang bijak bagi pendapat Yang Berhormat?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Yang Berhormat Batang Kali. Berkenaan dengan rizab, kita dah sampai kerajaan negeri Selangor RM2.8 kemudian kita akan buat perbekalan tambahan. Oleh kerana perbekalan tambahan ini akan dibentangkan, belum dibentangkan oleh pihak kerajaan, akan dibentangkan selepas sehari dua ini. Apabila sampai sesinya kita berdebatlah tentang isu itu. Maka saya menghormati Dewan, perkara ini saya tidak sentuh dulu ya. Walau bagaimanapun cabaran kita seterusnya adalah bagaimana untuk memastikan pendapatan dan pembangunan

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Mohon laluan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Taman Templer. Dulu Taman Templer ketua jurulatih, bola sepak. Tak apa ini yang baru. Saya ucapkan tahniah dulu ya.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Ini kerajaan, Templer kerajaan. Saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada kerajaan negeri kerana telah pun berjaya mengurus tadbir kerajaan negeri Selangor sehingga berjaya mencapai RM2.8 bilion hasil daripada pengurusan yang baik. Dan mohon pandangan daripada Sekinchan dalam kempen pilihan raya baru-baru ini, rata-rata di kalangan pihak-pihak pembangkang mengatakan RM2.8 bilion bukan daripada mengurus tadbir negeri yang baik tetapi hasil daripada menjual aset-aset kerajaan negeri itu sendiri. Itu omongan ataupun percakapan pihak pembangkang. Mohon respons daripada ataupun tindak balas daripada Sekinchan, terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Yang Berhormat Taman Templer. Saya hendak bagi tahu memang kita dah banyak kali berikan penjelasan di Dewan penggal yang lepas termasuk Ketua Pembangkang dulu telah bertanya mempersoalkan tujuan harta dan sebagainya. Akhirnya, kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah menjawab dan rakyat faham. Rakyat di luar faham, yang tak faham pembangkang UMNO sahaja. Dan zahirnya apa? Keputusan pilihan raya Pakatan Rakyat menambah kerusi daripada 36 ke 44. ini maknanya rakyat faham cara tadbir urus ketelusan Pakatan Rakyat. Ini jawapan kepada Yang Berhormat Taman Templer. Dan seterusnya

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF: Mohon mencelah

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya nak bagi tahu cabaran kita cukup besar. Kerajaan negeri sedang berusaha keras bagi memastikan

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan cukup popular petang ini. Jadi ada lagi satu

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF: Dengkil, Dengkil mohon mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ada lagi? Ini dari mana ni? Dari mana? Dengkil?

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF: Dengkil

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Oh Dengkil. Ok

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF: Boleh Yang Berhormat? Terima kasih. Yang Berhormat Sekinchan tadi bercakap berkenaan dengan Merakyatkan Ekonomi Selangor. Banyak program-program yang telah dijalankan oleh kerajaan negeri. Seperti mana Yang Berhormat sebutkan tadi, seperti di program daripada kecil sampailah ke dewasa, sampailah ke tua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Sekinchan. Program, contoh program anak masuk universiti. Ada di kawasan-kawasan, ada dipilih-pilih anaknya masuk universiti. Kemudian Program Jom *Shopping*, Program Jom *Shopping* pun ada di kalangan warga emas di kawasan terutama di kawasan DUN Dengkil juga dipilih-pilih untuk menyertainya. Mohon penjelasan Yang Berhormat Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Yang Berhormat Dengkil. Sebab perkara ini tidak pernah, tidak pernah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya?

Y.B. TUAN TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, saya ingin membangkitkan satu isu Peraturan Tetap. Saya ucap tahniah kepada Y.B. Sekinchan kerana ucapannya menarik perhatian daripada ADUN Pembangkang dan juga ADUN kerajaan. Tapi saya perhatikan mereka tidak mematuhi Peraturan Tetap 35 Sub 1 di mana apabila seseorang ahli itu hendak bercakap hendaklah bangun dahulu, bila dipanggil baru dia cakap. Kena beritahu Tuan Speaker. Tak pernah pun saya dengar mereka menyebut Tuan Speaker, Tuan Timbalan Speaker. Tidak, itu cara yang tidak betul. Dana apabila mereka berucap, mereka hendaklah mengarahkan ucapannya ke arah Speaker bukan ke arah, ini bukan dialog. Jadi saya minta perintah daripada Tuan Timbalan Speaker.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF: Tuan Speaker.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Tuan Speaker, ini nampak-nampaknya

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Tak, dia kena Peraturan Tetap Yang Berhormat Sri Andalas. Kalau tak bangkit Peraturan Tetap tak boleh bercakap waktu ini. Dia sememangnya kalau hendak berucap dalam Dewan semua ucapan. Sekejap, perhatian kepada semua ya. Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Mungkin kita semua baru di sini termasuk Timbalan Speaker sendiri. Jadi, memang adab di dalam Dewan ikut Peraturan Tetap, semua ucapan harus ditujukan kepada Speaker. Ya, bukan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang sedang berucap. Jadi itu peringatan untuk kita semua dan saya berharap dapat diamalkan oleh semua Yang Berhormat dalam Dewan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya nak respons ya, respons soalan daripada Yang Berhormat Dengkil. Masalahnya tentang ada yang dipilih-pilih dan sebagainya daripada DUN Dengkil, masalah yang berlaku apa? Saya nak bagi tahu Timbalan Speaker, masalahnya ADUN, Ahli Dewan Negeri yang dulu Dengkil tak pernah bersuara dalam Dewan mengatakan kawasan dia bermasalah, Skim Mesra Usia Emas, hadiah masuk universiti tak dapat. Tak pernah suara, maka kita tak tahu betul tak? Kalau dia suarakan Dengkil yang dulu, Dengkil sekarang mungkin ok lah. Buat pertama kali dah suara saya ucapkan tahniah. Tapi Dengkil yang dulu tak bersuara. Kerajaan macam mana nak tahu. Kerajaan ni besar nak jaga 56 DUN. Kalau ADUN sendiri tak berperanan tak menyatakan, memperjuangkan hak rakyat di dalam kawasan dalam Dewan ini, mereka *mingkam*, diam saja macam mana kerajaan nak tahu. Ha, ini kita nak kena ambil maklum ya Yang Berhormat Dengkil. Saya teruskan. Walau bagaimanapun cabaran kita seterusnya adalah bagaimana untuk memastikan jurang pendapatan dan pembangunan di antara bandar dan desa tidak terlalu jauh. Cabaran ini cukup besar kerana kerajaan negeri sedang berusaha keras bagi memastikan tempas pembangunan juga dinikmati bersama oleh rakyat di luar bandar dan desa. Pada masa yang sama berusaha untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan tetap dan sampingan untuk rakyat di desa dan kampung. Saya menyokong penuh inisiatif Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mewujudkan portfolio baru Jawatankuasa Tetap Pembangunan Desa yang sekarang ini disandang oleh EXCO dari Daerah Sabak Bernam iaitu Yang Berhormat Sabak. Pelantikan ini memang tepat pada masa kerana kita sedia maklum bahawa Daerah Sabak Bernam termasuk DUN Sekinchan merupakan daerah yang paling ramai orang miskin. Paling ramai di kalangan 9 daerah di Negeri Selangor. Aktiviti utama rakyat di kawasan ini Daerah Sabak Bernam adalah petani dan nelayan. Walaupun kawasan ini terkenal dengan jelapang padi Negeri Selangor tetapi mereka menghadapi masalah. Walaupun padi yang dikeluarkan kualitinya paling baik, kuantitinya, hasil pengeluaran yang terbaik di Malaysia, yang tertinggi di Malaysia tetapi mereka masih berada dalam tahap kemiskinan. Maka dengan itu saya hendak menyatakan dalam Dewan yang mulia ini Tuan Timbalan Speaker bahawa petani-petani ini menghadapi berbagai-bagai masalah di desa dan kampung ini kerana beberapa punca dan faktor yang berlaku termasuk dasar kerajaan persekutuan, Kementerian Pertanian yang mengamalkan dasar yang monopoli. Saya sifatkan di sini, menyatakan yang sering belunggu. Saya gariskan beberapa faktor permasalahan yang sering dihadapi oleh petani di Daerah Sabak Bernam.

1. Harga padi yang tidak menentu, harga padi yang tidak menentu angkara kerajaan persekutuan yang membenarkan hanya satu syarikat yang memonopoli pasaran import beras daripada luar negeri. Ini satu perkara monopoli. Apabila pasaran dimonopoli oleh satu syarikat, maknanya tak ada persaingan berlaku. Tak ada persaingan berlaku, maknanya petani yang menjualkan padi dan sebagainya hak mereka akan terjejas. Ini faktor pertama.
2. Bantuan yang diberikan kepada petani seperti baja dan racun sering kali berlaku ketirisan dan kebocoran serta kualiti yang bermasalah. Kita sedia

maklum, saya tidak menafikan kerajaan persekutuan, Kementerian Pertanian sering memberi bantuan subsidi input pertanian, baja dan racun tetapi permasalahan yang berlaku ialah kualiti yang dibekalkan sering kali dipertikaikan. Kualiti itu yang jadi masalah.

3. Pembayaran insentif peningkatan hasil padi iaitu setiap tan RM650.00 kalau mereka berjaya meningkatkan hasil tidak telus. Ada petani merungut, rintihan daripada mereka mengatakan ada yang 3 tahun tidak dibayar walaupun hasil mereka meningkat. Ini antara program wang rakyat disalurkan tetapi sasarannya tidak kena pada sasaran dan tercicir, ada wujud kebocoran.
4. Wujud elemen monopoli dan pengagihan tender benih padi sah yang telah menyebabkan kualiti benih padi sah yang terjejas. Saya pernah bangkit dalam Dewan melalui usul di mana wujudnya monopoli dalam pengagihan tender benih padi sah. Benih padi sah apabila setiap tahun 80 ribu tan diagihkan oleh Kementerian Pertanian. Ada 2 syarikat, saya pernah beritahu Dewan ada 2 syarikat, mereka boleh dapat 42 ribu tan. Syarikat lain dapat 5 ribu, 8 ribu tapi 2 syarikat inilah saya sebarkan kroni UMNO yang saya nyatakan dalam di Dewan ini. Dan ini telah menyebabkan kualiti yang dibekalkan kepada petani benih padi sah ini bermasalah dan akhirnya menjejaskan hasil pengeluaran mereka. Ini tidak dapat dinafikan lagi perkara ini menjadi buah mulut di kampung, di desa. Petani tidak puas hati tentang perkara ini.
5. Faktor Menteri Pertanian sebelum ini iaitu Datuk Seri Noh Omar yang cukup kontroversi, bersifat pilih kasih dalam menangani isu petani. Ini juga satu isu. Mujurlah sekarang beliau tidak dilantik sebagai Menteri Pertanian lagi kerana cara pengendalian beliau dalam petani yang wujudnya pilih kasih dan juga mesra kepada syarikat-syarikat dan petani daripada sebelah pihak pembangkang dicop dan sebagainya macam-macam berlakulah.

Ini antaranya faktor-faktor, 5 faktor saya gariskan. Oleh sebab itu, Tuan Timbalan Speaker saya amat berharap dengan adanya Jawatankuasa Pembangunan Desa dapat memainkan peranan sebagaimana untuk menambah peluang-peluang pekerjaan di kampung dan di desa dengan berbagai-bagai kaedah termasuk menerokai bidang IKS iaitu industri.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Sekinchan, Yang Berhormat Sungai Burong minta mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ha, Sungai Burong dia Ketua Pembangkang, kita beri laluan.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Kalau bukan Ketua Pembangkang bagi laluan juga? Terima kasih Tuan Speaker. Saya hendak bertanyalah 2 perkara.

Yang pertama itu tentang isu harga padi. Isu harga padi ini setakat musim padi ini akan berlaku masalah yang dikatakan tidak puas hati walaupun kenaikan harga padi ada masanya menaik, ada masanya menurun dalam musim yang lepas baru ini di kawasan Sungai Burung dan di kawasan sawah sempadan harga naik tetapi bila sampai ke kawasan utara itu, harga itu menurun sedikit. Ini mungkin disebabkan oleh faktor permintaan dan penawaran. Tapi pertanyaan saya, benda ni takkan selesai. Apa gunanya kita berdemonstrasi. Saya pun agak hairan juga semasa demonstrasi hari itu bawa juga EXCO Pertanian turun. Jadi apa, apa yang EXCO Pertanian boleh buat kalau hanya berdemonstrasi sahaja? Saya ingin bertanya kepada Sekinchan, boleh tak kita minta EXCO Pertanian ini menyelesaikan harga padi melalui skim-skim dan program yang boleh membantu meningkatkan pendapatan petani? Sebab yang pentingnya kepada petani ialah pendapatan bukannya harga itu. Sekiranya harga itu tidak cukup tinggi. Kalau kerajaan negeri.....

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Ini, ini pertanyaan

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Simpulkan ya. Pendekkan.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Soalannya ialah bila harga, walaupun harga itu tak naik, kerajaan negeri boleh membuat mekanisme untuk memberikan bantuan untuk subsidi untuk meningkatkan pendapatan petani pertanyaan saya daripada mengajak membawa demonstrasi.

Soalan yang kedua ini saya ingat kata boleh bagi soalan jadi kita bagilah soalan. Kalau tak boleh, tak bolehlah cakap. Bagi? Ok terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 2 ni, saya ingin mencadangkan sebab di dalam Dewan ini juga ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang merupakan Ahli Parlimen. Kita ada Menteri Pertanian di Parlimen. Saya ingat isu padi, isu pembahagian input, isu benih ini elok disalurkan kepada Parlimen ini dan kita tunggu apa jawapan Kementerian itu untuk membolehkan supaya tindakan diambil. Kalau kat sini kita bercakap pun, saya ingat tak dapat menyelesaikan masalah. Nak cakap menteri yang dah lepas itu pun benda pun tak boleh menyelesaikan masalah. Yang kita hendak supaya petani dapat yang terbaik. Kalau Yang Amat Menteri Besar kata *value for money* dapat meningkatkannya, kita mintalah Wakil Parlimen, bersetuju tak kita minta Wakil Parlimen membawa perkara ini di Parlimen? Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Sungai Burung yang panjang lebar mencelah tadi. Berkaitan dengan isu harga padi ini, soal demonstrasi dan sebagainya, ini amalan demokrasi. Bukan sahaja Sekinchan buat demonstrasi. Sekarang, UMNO pun buat demonstrasi. Dulu dia marah dekat kita, mana boleh demonstrasi, ini budaya luar, budaya negara barat. Tapi dia bawa ibu tunggal, bawa mak-makcik.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, Tuan Speaker

Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Ketua Pembangkang minta mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Mencelah, celahlah.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya, pertanyaan saya tu, demonstrasi ini, buat apa bawa EXCO Pertanian berdemonstrasi? Mengapa tidak bawa EXCO Pertanian bagi menyelesaikan masalah bagaimana kita nak meningkatkan pendapatan petani oleh sebab harga itu telah turun? Itu pertanyaan saya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Burung. Saya hendak bagi tahu EXCO Pertanian kita yang baru ini dia baru dilantik, maka dia prihatin nak mendengar rintihan, denyutan jantung suara rakyat petani. Dia turun dengar nak dulu. Dia tak macam Menteri UMNO sombong, angkuh, dengar pun tidak maki hamun lagi. Ini cara UMNO dan Pakatan Rakyat berbeza. Inilah budaya kita kena tukar. Ha, kena UMNO itu semakin berkurangan? Itu sebabnya. Mereka tak ubah anjakan paradigma. Ini penting. Ini sahajalah, saya tak mahu panjang lebar soal dengan Ketua Pembangkang kita. Ok, saya teruskan dengan soal di kampung dan desa. Kita perlu menerokai bidang IKS, Industri Kecil dan Sederhana untuk mencungkil lebih ramai penduduk kampung khususnya anak-anak muda, belia-belia kita yang berbakat menceburi dalam berbagai-bagai bidang perniagaan dan diberi pendedahan yang secukupnya seluasnya asuhan, latihan, kemahiran daripada masa ke semasa. Akhirnya saya yakin dengan usaha-usaha sedemikian dan usaha-usahawan yang kecil di kampung-kampung IKS ini akan dapat kita tampilkan, akan dapat kita tonjolkan khususnya kaum-kaum Melayu Bumiputera di kampung-kampung. Ini yang cukup saya prihatin. Saya minta Yang Amat Berhormat kena prihatin terhadap pembangunan desa, kena buat betul-betul supaya kita capai kejayaan. Memandangkan untuk mengorak langkah ke hadapan bagi menjayakan rencana memperkasakan pembangunan desa, maka saya suka mengesyorkan kepada kerajaan agar dapat menubuhkan satu tabung. Satu tabung khas usahawan muda, usahawan muda dan memberi suntikan dana permulaan, permulaannya sebanyak RM30 juta bagi memastikan usahawan usaha murni ini usahawan-usahawan yang kecil ini kalau mereka ketandusan dana, kita bagi asuhan, bagi latihan dan boleh kita suntikkan dana. Kita jangan, kita kena ambil iktibar daripada apa yang dipraktikkan oleh kerajaan pusat melalui TEKUN. Dia walaupun tekun tapi tak tekun. Ini yang menjadi masalah, kita kena buat tabung ini seeloknya dengan ketelusannya. Saya yakin Kerajaan Pakatan Rakyat mampu melakukan.

Seterusnya Tuan Timbalan Speaker, isu penstrukturan semula bekalan air Negeri Selangor yang sering menjadi perdebatan sejak hangat sama ada di Dewan yang mulia ini ataupun di mana sahaja. Sejak 5 tahun yang lalu Selangor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Tan Sri Khalid Ibrahim telah mengenal pasti kelemahan dan kepincangan penswastan bekalan air yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang lalu. Di bawah dasar penswastan tersebut rakyat Negeri Selangor dibelenggu dengan kenaikan tarif air yang melampau tinggi dan akan berlaku

kenaikan setiap 3 tahun selama 30 tahun. Sekiranya tidak berlaku tsunami politik pada 2008, sudah pasti tarif air di Negeri Selangor akan dinaikkan mengikut perjanjian kerana rakyat sesungguhnya, sesungguhnya mengenali siapakah wajah sebenar Barisan Nasional yang terkenal dengan tradisi menindas rakyat dan mempertahankan kepentingan syarikat kroni dulu, kini dan selamanya. Dengan itu, mereka akan tunduk, mereka tidak akan perjuangkan hak rakyat. Mereka akan tunduk kepada kehendak / kerakusan dan kehendak syarikat kroni ini iaitu Syarikat SYABAS untuk naikkan harga (kalau tak tukar kerajaan dulu). Ini yang berlaku. Apabila tukar, kerajaan kita lawan, air tak naik (tarif air tak naik). Ini bahagiannya rakyat di negeri Selangor. Akan tetapi di bawah Pakatan Rakyat, segalanya berubahlah. Kita lawan dan kita semak semula perjanjian kerana kuasa yang diberikan oleh rakyat adalah kita memastikan pimpinannya bertanggungjawab kepada rakyat dan pada masa yang sama kerajaan Pakatan Rakyat telah mencipta lagi satu sejarah baru (rekod baru) dibuat oleh kerajaan di mana satu reformasi yang baru melaksanakan pemberian air percuma 20 meter padu. Ini tidak pernah terfikir. Walaupun UMNO kononnya hebat 50 tahun (saya di negeri Selangor dah lama dah) tak pernah terfikir mereka nak buat pemberian air percuma. Baru 2008 berkat tukar kerajaan baru kita dapat 20 meter padu dan air ini adalah satu hak yang penting kepada rakyat.

Kerajaan negeri telah membelanjakan sejak 5 tahun yang lalu subsidi untuk air ini lebih daripada RM600 juta dalam konteks air percuma kepada rakyat. Setiap keluarga yang punya meter individu, kita bekalkan air percuma 20 meter padu. Maknanya, sebelum 2008 kerajaan mampu melakukan tapi mereka tak terfikir melakukan ini untuk kebajikan rakyat. Dan apa yang saya nampak di sini saya merasa hairan dan pelik walaupun kerajaan persekutuan, wakil-wakil pembangkang di Dewan yang mulia ini mereka cuba menghalang (mereka memberi sindiran air percuma ini tak membantulah, kalau kerajaan laksanakan air percuma saya yakin kerajaan Pakatan Rakyat bankrap '*bankrupt*' dengan izin, bankrap). Tapi, hari ini dah masuk penggal kedua Y.B. Meru (ingat lagi penggal kedua ni), kita tak bankrap lagi, malahan rizab kita bertambah dan saya cukup hairan dalam PRU 13, dia sindir kita program ini tak bagus, macam-macam. Dalam PRU 13, kempen pilihan raya saya renung kembali manifesto / aku janji UMNO / Barisan Nasional. Mereka juga menawarkan pemberian air percuma 20 meter padu. Saya hairan betul. Kalau program ini tak bagus, takkan mereka ciplak? Dan saya nampak satu kain rentang di Seksyen 28 (UMNO ni tak faham, dia nak tiru pun tak pandai), dia tulis "Pembelian Air Percuma 20 Liter Untuk Rakyat". Kain rentang tu 20 liter. Saya difahamkan kalau 20 liter lebih kurang air *mineral water* 20 botol sahaja. Macam mana? Rakyat patutlah tak sokong. Adoi UMNO ni saya pun pening nak cakap.

Walau bagaimanapun, tak apa. Kita sama-sama belajar daripada kesilapan ini. Maknanya program air percuma ini cukup memberi manfaat kepada rakyat, dan rakyat terima, rakyat suka dan saya minta kerajaan negeri mesti pastikan program ini boleh diteruskan supaya rakyat negeri Selangor terus memperoleh kemudahan seperti ini.

Walau bagaimanapun, demi untuk menyelesaikan permasalahan penswastan industri air yang berlanjutan dan jelas membebaskan rakyat maka Y.A.B. Dato' Menteri Besar telah menawarkan supaya industri air dibuat penstrukturan semula bagi menyelesaikan

masalah tersebut secara jangka masa panjang. Kerajaan negeri sanggup menawarkan pengambilalihan konsesi air daripada dengan harga RM9.65 bilion, namun cadangan kerajaan negeri sebelum ini dihalang oleh kerajaan persekutuan yang mempunyai kuasa mutlak (mereka ada *golden share*) dengan izin, mereka tak setuju. Kerana apa? Kerana nak pilihan raya, kepentingan politik. Kononnya nak rampas negeri Selangor, mereka tak setuju. Walaupun ini demi kebaikan, tapi mereka tak setuju.

Walau bagaimanapun, memandangkan pilihan raya yang berlalu secara jelas dan mutlak rakyat telah memberi mandat penuh kepada kerajaan Pakatan Rakyat untuk meneruskan kesinambungan pentadbiran Pakatan Rakyat dan rakyat faham dan rakyat terus tolak politik perkauman sempit dan politik hipokrit UMNO / Barisan Nasional, maka sekarang inilah masanya kita mengetepikan semua kepentingan politik dengan memberi kerjasama sepenuhnya kepada kerajaan negeri untuk menjayakan penstrukturan industri air dengan kadar secepat mungkin.

Semua ahli yang berhormat mesti menghayati titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang meminta kita ketepikan perbezaan ideologi politik masing-masing dan memberi perkhidmatan yang terbaik demi kebajikan rakyat. Kita harus ambil maklum.

Tuan Timbalan Speaker, saya sedang menanti berita baik daripada kerajaan negeri yang berjanji (kerajaan negeri sebelum ni berjanji) sekiranya apabila kita menyelesaikan pengambilan semula air dan sebagainya dalam tempoh 5 tahun ini, kerajaan negeri menawarkan kita akan bagi saham air kepada rakyat. Ini janji kerajaan Pakatan Rakyat dan saya yakin ramai rakyat di luar cukup gembira dan mereka ternanti-nanti berita baik. Dan saya yakin program ini pasti akan berjaya tetapi tak tahulah pihak ketua pembangkang dan pembangkang mungkin mereka rasakan saham air ini tidak masuk akal. Mana mungkin rakyat diberi saham untuk berada sebagai *share holder* dalam syarikat air. Tetapi saya yakin berkat kepimpinan, kebijaksanaan Y.A.B. Dato' Menteri Besar sebagai seorang tokoh korporat yang bukan keparat, beliau punya pengalaman yang cukup luas (saya yakin), beliau dapat melakukan dengan baik dan rakyat akan akhirnya menerima saham air dalam masa 5 tahun ini.

Dan seterusnya Tuan Timbalan Speaker, kita sedia maklum negeri Selangor merupakan peneraju ekonomi negara. Setiap tahun begitu banyak peluang pekerjaan dapat diwujudkan kerana para pelabur dalam dan luar begitu yakin terhadap keupayaan kerajaan negeri yang mengamalkan pengurusan dan pentadbiran yang berlandaskan ketelusan, keupayaan dan kebertanggungjawaban. Oleh kerana peluang pekerjaan yang banyak, telah menarik minat ramai rakyat dari seluruh pelosok negara datang ke negeri Selangor mencari nafkah hidup. Susulan daripada itu, permintaan rakyat terhadap keperluan rumah khususnya rumah kos sederhana rendah adalah sangat terdesak.

Sebagai sebuah kerajaan yang prihatin terhadap denyutan jantung dan keluhan serta rintihan rakyat, maka telah membuat rancangan membina kos sederhana rendah melalui projek rumah mampu milik yang dikendalikan (sekarang ini banyak dikendalikan) oleh anak syarikat seperti PKNS, PNSB dan GLC yang berkaitan. Dan

harga yang ditawarkan adalah dalam lingkungan RM100,000.00 – RM150,000.00. Kita maklum mutakhir ini ada dua projek sedang dijalankan (ada projek lain juga termasuk di Bangi Seksyen 3, Bandar Baru Bangi dan U12 Shah Alam). Saya dimaklumkan setiap projek ini kerajaan terpaksa menampung jutaan ringgit (puluh juta) untuk menjayakan projek ini demi untuk membekalkan rumah mampu milik kepada rakyat.

Walau bagaimanapun, saya nampak memandangkan permintaan rumah khususnya rakyat terhadap rumah ini terdesak saya minta Y.A.B. Dato' Menteri Besar pertimbangkan. Kalau guna sahaja kemampuan syarikat GLC ataupun PKNS sahaja, saya rasa terlalu lambat. Dalam 5 tahun ini, kita kena sediakan banyak rumah untuk memenuhi permintaan rakyat di negeri Selangor ini. Maka dengan itu, saya ada cadangan supaya kerajaan boleh membekalkan tanah kepada syarikat-syarikat pemaju yang reputasinya baik, yang cemerlang, syarikat pemaju yang berpengalaman. Kita tawarkan, jemput mereka untuk sama-sama lakukan *join venture*. Kerajaan bekalkan tanah dengan kadar nominal bayaran premium yang nominal supaya lebih banyak lagi projek-projek besar pembinaan rumah mampu milik dapat dilakukan pada masa yang sama. Saya yakin kalau kerajaan negeri dapat mempertimbangkan

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Y.B. Sekinchan, Y.B. Sungai Air Tawar ingin mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Oh Sungai Air Tawar. Air tawar.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : Apa yang saya lihat, saya melalui pekan Sekinchan banyak rumah telah terbina. Saya ingin tahu berapakah harga rumah yang dibina tersebut? Saya ingin tahu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Y.B. Sungai Air Tawar, walaupun tawar tapi dia cukup prihatin (namun tawar tapi prihatin). Ya, di Sekinchan sekarang ada dua projek. Saya nak bagi tahu untuk makluman Sungai Air Tawar, satu projek oleh PKNS sebelum ini di mana Sekinchan ini menghadapi satu masalah. Masalah permintaan rumah (satu), yang kedua masalah tanah. Tanah-tanah di Sekinchan sudah habis tanah-tanah kerajaan. Sudah habis. Saya dah cek semua dah, bukan nak ambil tanah. Nak cek mana ada tanah tapi dah habis. Yang tinggal satu saja sebab tanah-tanah ini sudah disapu oleh kumpulan-kumpulan sapu tanah Satu Malaysia yang pernah saya nyatakan.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : Tuan Speaker,

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Skandal sapu tanah satu Malaysia.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Y.B. Sekinchan,

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : Saya berharap Yang Berhormat menjawab soalan saya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Y.B. Sungai Air Tawar. Sila duduk semua Yang Berhormat. Y.B. Sungai Air Tawar, sekiranya hendak berucap sila minta izin daripada Speaker dan sekiranya diizinkan oleh Yang Berhormat yang sedang berucap baru boleh Yang Berhormat mencelah. Jadi, Y.B. Sekinchan

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : Tuan Speaker, biar saya mohon.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya. Y.B. Sekinchan hendak beri laluan atau tidak pada Y.B. Sungai Air Tawar?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ya.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : Ok Y.B. Sekinchan, seperti yang saya nyatakan tadi di Pekan Sekinchan banyak rumah telah terbina. Saya cuma tanya soalan berapa harga satu unit rumah di Sekinchan? Itu sahaja, bukan meleret-leret. Terima kasih Tuan Speaker.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Soalan ini saya akan jawab. Sabar, sabar itu sebahagian daripada iman. Kita kena sabar. Saya akan jawab. Soal Sekinchan ini harga rumah di Sekinchan satu akan saya jawab. Soal masalah tanah kita kena fikir tanah di Sekinchan. Tanah di Sekinchan saja (tengok tanah kerajaannya habis hilang), tengok rekod, 'sapu'. Disapu oleh siapa? Bekas-bekas ADUN daripada MCA di Sekinchan dan termasuk ada satu tanah disapu oleh siapa? Oleh UMNO. UMNO Sungai Besar di Sekinchan. Tanah disapu oleh UMNO Sungai Besar dengan kadar premium yang murah. Saya pernah bangkitkan 24 keping tanah disapu antaranya satu di Sekinchan.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Y.B. Sekinchan, Y.B. Sungai Panjang ingin mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ha.. nanti saya akan juga, saya akan sentuh.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Saya fikir kenyataan-kenyataan macam ini kan dia patut *direct* terus kepada persoalan bukan dengan membuat beberapa pertuduhan-pertuduhan baru. Kerana di pihak kita pun, kita minta fakta. Kalau betul sapu, lot mana?

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat, nanti bila Yang Berhormat berucap nanti, Yang Berhormat pun boleh juga bangkit. Ya, semua ada peluang. Kita bagi peluang yang adil kepada semua untuk berucap. Sekarang giliran Sekinchan, kalau nak celah boleh celah dengan izin Sekinchan. Tetapi kalau ada apa-apa isu nak

dibangkitkan dalam ucapan Yang Berhormat nanti boleh dibangkitkan bila sampai giliran Yang Berhormat nanti ya. Jangan risau.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Sungai Panjang. Sungai Panjang dia baru, jadi dia tak sabar. Tapi tak apa, nanti ada bagi peluang. Saya nak bagi tahu bukan sahaja di Sekinchan satu tanah disapu oleh UMNO, di Sungai Besar (Pekan Sungai Besar sebelah Pejabat Majlis Daerah Sabak Bernam) sebelah dia besar tanah itu (tanah itu tak besar tapi bangunan didirikan besar). Tanah itu asalnya tanah kerajaan. Siapa sapu? Tepuk dada, tanya selera. Sungai Panjang yang sapu. Tapi bukan Sungai Panjang ini. Ha, Sungai Panjang jambatan Sungai Panjang yang sapu. Ha, ini masalahnya.

Jadi, soal di Sekinchan. Saya nak bagi tahu oleh sebab ketandusan tanah, jadi tanah-tanah di Sekinchan cukup mahal. Dia setaraf dengan Shah Alam, maka harga-harga di Sekinchan kalau ada pembinaan pun tanah-tanah yang mahal, maknanya kosnya mahal. Di Sekinchan, kondominium ataupun apartmen kos sederhana RM200,000.00 lebih dan kedai-kedai yang dibina oleh swasta RM800,000.00 lebih kurang Shah Alam. Ini Sekinchan dah maju sampai ke situ. Ha... Sekinchan maju, Sekinchan *shine*. Selangor *shine*, Sekinchan *also shine*. Ini dia. Jadi, saya setakat itu sajalah.

Saya nak terus dengan rumah mampu milik. Saya berharap kerajaan ambil maklum kita jemput ramai syarikat-syarikat yang berwibawa (bukan syarikat yang RM2), syarikat yang berwibawa yang punya rekod yang baik, kita jemput dan kita kenal pasti mana-mana tanah-tanah termasuk di Sabak Bernam pun tak apa. Di Sungai Panjang pun tak apa. Kita cari yang sesuai dan kita adakan *join venture*. Buatlah rumah mampu milik supaya permintaan rakyat ini kita dapat penuhi.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ini yang saya minta. Seterusnya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Y.B. Sungai Burong. Ya.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Nak tanya ni. Yang pertama sekali tadi (saya nak tanya Sekinchan), tadi tak jawab soalan harga tu. Yang kedua, saya nak tanya ni

TUAN TIMBALAN SPEAKER : dah jawab tadi Y.B. Sungai Burong, dia kata RM200,000.00.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : RM200,000.00? Ha..ok. Ok, RM200,000.00 ya. Saya salah dengar lah tadi. Yang kedua, saya nak tanya ni dari segi pembangunan tanah di Sekinchan ini, kita nak tahu siapa yang dapat projek ini? Dan boleh tahu tak kedudukan kewangannya? Ok.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Sungai Burong. Sungai Burong ni saya nak bagi tahu kita bukan macam UMNO dulu ya. Sapu tanah, tak malu dengan sapu

tanah. Ingat Sekinchan macam sapu tanah ke? Tidak. Boleh tanya PKNS. Y.B. Sungai Burong boleh tanya PKNS, projek PKNS tu siapa yang dapat. Sekinchan tak ada masuk campur tangan pun. Jadi, saya tak tahu ya. Cuba cek dengan PKNS. Boleh tulis surat dan boleh jumpa dengan GM dia. Tak ada masalah. Kita terbuka, *open*. Ini cara pendekatan Pakatan Rakyat, tak macam dulu, simpan-simpan, sorok-sorok fail, akhirnya buka fail UMNO yang sapu tanah. Ini memalukan dulu, kini dan selamanya. Tuan Timbalan Speaker. Di dalam dewan yang mulia ini, Sekinchan ingin membangkitkan satu lagi isu yang cukup penting yang melibatkan kegunaan wang awam dan wang rakyat yang tidak berhemah. Perancangan projek Kompleks dan jeti pendaratan ikan LKIM, Pasir Penambang telah bermula pada tahun 2010 ya, tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Daerah Kuala Selangor dan juga jabatan yang berkaitan. Pada masa yang sama, saya telah teliti kronologi projek tersebut dan mengenal pasti permohonan hanya dikemukakan kepada Pusat Setempat ataupun OSC, Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) pada 12 Januari 2011. Keputusan mesyuarat OSC menangguh permohonan tersebut kerana pembangunan projek kompleks tidak menyediakan jalan seperti apa yang disyaratkan. Masalahnya, jeti pendaratan ikan, kompleks LKIM (Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia) di Pasir Penambang, kita tak ada masalah kerajaan negeri Selangor dengan pembangunan, kita sokong pembangunan tapi caranya kenalah *proper* dengan izin. Kenalah cara betul, jangan diteroka, di masuk dan kemudian baru buat permohonan, 2010 dah buat, 2011 baru masuk OSC. Ini macam tak ada Kerajaan, ini satu teladan, satu contoh yang cukup buruk yang dilakukan oleh pihak Kementerian Pertanian. LKIM ini di bawah Kementerian Pertanian dan saya nak bagi tahu, saya nak nyatakan perkara ini dan sekarang saya pantau sehingga hari ini projek ini masih belum siap, walaupun siap tapi masih belum sepenuhnya dan saya nampak kos jeti kompleks pendaratan ikan LKIM ini kosnya sudah berapa? RM22,000,000.00. Ahli-ahli Yang Berhormat, boleh tengok sendiri, bagaimana satu jeti di tepi sungai itu kosnya RM22,000,000.00. Saya nak nyatakan di dalam dewan yang mulia ini, wang rakyat harus di belanja dengan berhemah, kita jangan kerana kita Menteri waktu itu, ghairah kononnya kita hebat membawa pembangunan di kawasan tersebut, bawa pembangunan akhirnya pembangunan itu tak sampai mencapai sasaran. Kita kena ambil iktibar, di mana mantan Menteri Besar Sungai Panjang dulu, waktu beliau sebagai Menteri Besar ghairah nak buat pembangunan, buat di mana, buat di Sungai Haji Dorani, chalet peranginan di Sungai Haji Dorani, RM29,000,000.00. Tapi sampai hari ini, kita kira-kira kalau ikut matematik sifirnya Y.A.B. Tan Seri, minta izin sifirnya rugi. Tak berbaloi, tidak ekonomik. Tidak *value for money* yang kita tegaskan *value for money* dan saya nyatakan projek ini saya kluatir projek pendaratan ikan kompleks ini satu akan menjadi seperti chalet di Sungai Haji Dorani, dulu saya sifatkan sebagai apa projek gajah putih, *white elephant project* dengan izin. Satu lagi projek gajah putih oleh Barisan Nasional. Saya kluatir. Walau bagaimanapun, saya harap Pihak Berkuasa khususnya pihak Y.A.B. Dato' Menteri Besar kita kena keluarkan garis panduan, mana-mana projek kerajaan pusat dan sebagainya kena lakukan dengan baik, sebaik mungkin mengikut peraturan, jangan langgar. Kita sebagai Kerajaan, sama ada kerajaan negeri, kerajaan pusat kita kena tunjuk contoh yang baik jangan langgar bagaimana rakyat di bawah nak tengok dengan kita. Sebagai Kerajaan Pusat, Kementerian, Jabatan pun langgar. Rakyat lagi langgar la. Inilah masalah yang berlaku. Seterusnya, Puan Speaker saya ingin tegaskan sehingga ini kompleks itu masih belum siap dan saya kluatir kompleks

ini satu hari nanti akan jadi gajah putih. Kita sedia maklum, kerajaan negeri Pakatan Rakyat di bawah pimpinan Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor amat komited dalam melakukan reformasi dan pembaharuan khususnya dalam konteks memperkasakan Dewan Negeri Selangor sebagai sebuah institusi penggubal undang-undang dan forum rakyat yang tertinggi. Tidak terlambat untuk saya mengambil kesempatan di dalam dewan yang mulia ini, saya juga seperti Bukit Antarabangsa untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Y.B. Puan Speaker Dewan Negeri Selangor telah dilantik ya dari Subang jaya sebagai wanita yang pertama menjawat jawatan. Tuan Speaker sebagai Puan Speaker, dan juga Timbalannya Seri Setia sebagai Timbalan. Puan Speaker, dan pada masa yang sama kerajaan negeri telah mencipta rekod dalam pelantikan dua ini. Tidak pernah di dewan-dewan yang lain, ada wanita dilantik sebagai Tuan Speaker. Inilah Selangor, Selangor dah pegang rekod kita boleh kumpul dalam galeri, besok rekod-rekod yang kita catit dalam 5 tahun, dalam 10 tahun rekod-rekod Pakatan Rakyat yang tidak pernah dibuat oleh Barisan Nasional. Puan Speaker, apabila kita bicara soal *reform*, soal pembangunan taraf Dewan Negeri Selangor tidak boleh kita lupakan peranan mantan Tuan Speaker Dewan Negeri Selangor iaitu Y.B. Sungai Pinang melalui usaha dan juga inisiatif beliau dan juga disokong penuh Y.A.B. Dato' Menteri Besar telah meningkatkan reputasi Dewan Negeri Selangor, bukan sahaja terkenal di kalangan Dewan Negeri yang lain termasuk Parlimen, tetapi telah mengukir nama Negeri Selangor hingga ke peringkat antarabangsa, termasuk di Persatuan Negara Komanwel (CPA). Dalam tempoh masa 5 tahun yang lalu, kita nampak berbagai-bagai bentuk *reform* telah berjaya dilaksanakan. Saya kemukakan contoh-contoh kejayaan *reform* dalam Dewan Negeri Selangor ini. Satu, masa persidangan dewan bertambah lebih daripada 25 hari setahun jika dibandingkan zaman yang disebutkan oleh Bukit Antarabangsa, jahiliah. Iaitu zaman Barisan Nasional hanya lebih kurang 7 hari sahaja. 7 hari dulu, kerana saya tahu saya pernah jadi pembangkang. 2004 saya pembangkang seperti Sungai Panjang di belakang itu. Saya tahu, 7 hari sahaja waktu itu dan seterusnya sesi soal jawab pertanyaan soalan mulut telah dilanjutkan dulu 1 jam sekarang 90 minit, 1 jam setengah setiap persidangan. Ini antara *reform* yang kita lakukan. Tiga, tiada had masa untuk Ketua Penyokong Kerajaan (PPC) dan juga Ketua Pembangkang seperti Sungai Burong nanti akan mengambil bahagian. Kita tiada had masa, kalau nak cakap pun tak apalah perbahasan kita berikan. Ini keterbukaan Dewan Negeri Selangor. Kalau dulu, saya pernah jadi pembangkang dan juga satu ketika memangku Ketua Pembangkang, bangku sendiri 15 minit, lebih-lebih setengah jam. Itu pun dicelah, masa dicelah tak ditambah balik. Masa celah 5 orang kita jawab habis dia kata masa dah habis. Gunakan taktik celah-mencelah masa habis. Kita tunggu 3 bulan untuk bawa masalah untuk diperdebatkan, dinafikan hak sesungguhnya. Inilah zaman dulu. Tapi tak apalah, sekarang segala dah cerah cuaca pun dah cerah, jerebu pun dah pergi. Insyallah ini kita dapat di sinilah, lain daripada yang lain. Puan Speaker....

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Puan Speaker.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : ... dan yang keempatnya, peluang mengambil bahagian di dalam perbahasan boleh...

TUAN SPEAKER : Sekinchan, minta tunggu sekejap. Ya Dengkil. Apa Dengkil nak.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ok.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Mohon mencelah. Saya ingin Y.B. Sekinchan untuk menerangkan saya ini, budak baru belajar ini perbezaan antara *reform* dengan *transform*. Saya nampak tadi macam Puan Speaker bagi tahu tadi banyak *transform*, transformasi. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih, Y.B. daripada Dengkil, saya bukan pakar bahasa untuk nak membezakan *transform* atau *reform* ya. Yang dulu, Bangi yang dulu dia boleh jawablah, tapi tak apa yang itu dah bersara tak apa. Jadi soalan ini kalau boleh besok kita cari mana perpustakaan. Y.B. Sijangkang kita carilah seorang profesor untuk menjawab soalan daripada Dengkil. Tak apa, ini kita ambil maklum, daripada sekecil-kecil ini pun kita ambil maklum. Boleh. Terima Kasih. Yang Keempat peluang mengambil bahagian dalam perbahasan oleh Ahli-ahli Dewan sama ada Kerajaan dan Pembangkang terbuka luas tanpa halangan, sekarang ini bukan sahaja Pihak Kerajaan boleh bahas, Pihak Pembangkang nanti kalau 12 yang ambil bahagian pun ambillah. Seluruhnya boleh ambil. Kalau dulu, mana boleh jauh beza. Ini dia, yang kelima Persidangan Dewan Negeri Selangor merupakan dewan yang pertama membenarkan siaran langsung secara terbuka di media-media termasuk TV Selangor dan sebagainya. Boleh secara langsung, boleh masuk TV Selangor dan boleh tengok sendiri. Tak ada dikawal dan sebagainya. Parlimen, sampai sekarang Parlimen sejam. Kadang-kadang nak tengok muka pembangkang di tengok pun takut, satu kelip 2 minit habis, muka pembangkang pun hilang. Tak apalah kita besok bagi Sungai Burong 1 jam pun tak apa. Sampai nampak Sungai Burong terang-terang dengan perbahasannya, bagi rakyat tahu tak apa ini keterbukaan Dewan Negeri Selangor. Yang Keenam, tiada sekatan terhadap mana-mana media untuk mengadakan liputan. Kita tak ada, kata media ini tak boleh datang, tak ada. Semua boleh. Yang Ketujuh, memperkenalkan sistem *Traffic Light*, nampak tak itu *traffic light*. Pergi Sekinchan, di depan Balai Polis ada *traffic light*, di dewan pun ada *traffic light*. Ini dia, *traffic light* ini tujuannya adalah untuk kawalan masa dan juga keberkesanan persidangan dewan. Ini tak pernah, saya pergi ke Parlimen, ke DUN-DUN yang lain tak ada. Selangor saja, ini lain daripada Selangor dan seterusnya kelapan, menerbitkan jurnal negeri yang pertama di kalangan Dewan Negeri di negara kita. Kita ada jurnal, saya pun pernah terima jurnal-jurnal kita, muka Sekinchan pun ada kat dalam. Ini jurnal ini untuk dijadikan rujukan untuk Ahli-ahli Dewan akan datang anak cucu kita, kita berdebat di sini bagaimana Dengkil, bagaimana Sungai Burong ini cara dia. Selangor, ini keterbukaan kita kena *recognize Selangor number one* dan seterusnya. Puan Speaker, tambahan pula selain daripada Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam yang sedia ada yang mana terkenal yang memang terkenal dengan selama ini untuk memeriksa peruntukan kewangan dan penyata-penyata kewangan khususnya di dalam laporan Ketua Audit Negara, sementara itu pembaharuan yang paling penting yang sering menjadi panduan Dewan Negeri yang lain ialah penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai keupayaan, keberanggungjawaban dan ketelusan. Iaitu, SELCAT yang juga jawatankuasa lain juga ada, Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah dan Tanah (PADAT), Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jawatankuasa Pilihan Agensi Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS), semua jawatankuasa ini

berperanan untuk membantu Kerajaan mengawal selia dan membantu jabatan-jabatan kerajaan agar segala perjalanan menepati amalan, prinsip ketelusan, serta mengenal pasti kelemahan-kelemahan dan mengesyorkan cadangan penambahbaikan supaya pentadbiran pengurusan kerajaan negeri sentiasa berada di landasan yang berteraskan prinsip ketelusan dan amanah.

Puan Speaker, seperkara yang ingin saya bangkitkan adalah berkaitan dengan peranan Jawatankuasa Pilihan Khas SELCAT di mana melalui Jawatankuasa SELCAT ini telah berjaya melakar nama, sejarah baru Dewan Negeri Selangor dengan mengadakan sesi pendengaran awam iaitu *public hearing* secara terbuka yang belum pernah dilakukan oleh mana-mana dewan hatta sekali di Parlimen pun belum pernah. SELCAT ini berkuasa untuk memanggil mana-mana individu, kakitangan termasuk EXCO pun dipanggil untuk diberi keterangan mengenai beberapa isu dan mencari permasalahan yang berlaku dan juga disyorkan di Dewan yang mulia ini, ini cara Selangor lakukan ini Selangor *style*. Cara, gaya Selangor, dia bukan macam Parlimen. Bukan UMNO *style*. Dia Selangor *style*. Oleh yang demikian, Dewan Negeri Selangor bukan sahaja mendahului Dewan Rakyat tetapi sudah setaraf Badan Perundangan Negara-negara Komanwel yang sudah lama mempraktikkan Sistem pemantauan sedemikian. Puan Speaker, Sekinchan ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini tentang cadangan Rang Undang-undang, Enakmen Perkhidmatan Dewan Negeri Selangor, SELESA 2009 yang sudah banyak diperbahaskan di dalam dewan yang mulia ini pada penggal yang lalu. Sekinchan juga pernah, saya juga pernah sendiri membawa usul mengikut Peraturan Tetap 26, Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor supaya kerajaan segera membentangkan rang undang-undang yang SELESA 2009 untuk diluluskan oleh dewan yang mulia ini. Pada persidangan belanjawan 2010 dan diluluskan oleh dewan. Usul itu sudah di lulus, akan tetapi sehingga setakat ini rang undang-undang ini masih belum berjaya diluluskan kerana terdapat kekangan dan permasalahan yang berlaku serta krisis keyakinan di kalangan penjawat awam dan juga satu ketika di kalangan EXCO sendiri juga kurang selesa dengan SELESA. Dia rang-rang undang SELESA, tapi EXCO tak selesa. Cadangan SELESA ini pada ketika itu tak berjaya sebab apa, keadaan belum kondusif lagi. Walau bagaimanapun, Puan Speaker, saya pernah nyatakan pada dewan yang mulia ini bahawa jangan takut. Dewan yang mulia ini kalau laksanakan rang undang-undang SELESA bukan untuk menghakis kuasa eksekutif atau kuasa E^{xco} atau Menteri Besar tidak kita hanya untuk menambah baik menjadikan Dewan di Negeri Selangor ini untuk memenuhi agenda reformasi dan pembaharuan. Kita tahu, kita sedia maklum bahawa untuk mengepalai agenda reformasi ini bukan mudah, bukan mudah ada rintangan halangan ya dan juga berbagai-bagai cubaan walaupun pahit tetapi kita kena ada keberanian untuk melangkah ke depan bak kata pepatah 'kalau hendak seribu daya kalau tak nak seribu dalih'. Tuan Speaker mana Rang Undang-undang satu salah satu tonggak utama Sistem Demokrasi Berparlimen ala *westminster* yang kita amalkan sejak merdeka hingga ke hari ini. Oleh itu selepas Pilihanraya yang menentukan mendapati siapakah parti yang diberi mandat majoriti diberi oleh rakyat akan menubuhkan kerajaan mengikut perkara 53 (5) Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959. Secara jelas menyatakan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri hendaklah secara kulitinya bertanggungjawab kepada kerajaan negeri. Sehubungan dengan itu, Badan Perundangan Negeri tidak boleh dilucutkan secara politik dan dijadikan dobel setem

atau cap sahaja cap getah yang hanya berperanan yang meluluskan Rang Undang-undang tanpa berlandaskan peranan timbang tara *atau check and balance* . Saya masih ingat masa pemerintah Barisan Nasional Dewan hanya sekadar dijadikan sebagai *rubber stamp* saja mesyuarat 7 hari untuk meluluskan usul untuk meluluskan bajet dan sebagainya sahaja. Tanpa diperbincangkan didebatkan tanpa ada pun sedikit sahaja ruangan itu yang dibuat. Tuan speaker maka untuk menjadikan memperkasakan Dewan Negeri Selangor sebagai sebuah Dewan *aggresif* yang tertinggi yang memperdebatkan masalah rakyat maka kita harus berani melangkah ke depan mengamalkan prinsip *sucession of power* (iaitu dengan izin) pengasingan kuasa di antara Eksekutif, Kehakiman dan Perundangan dapat diimplikasikan. Saya mahu dalam tempoh 5 tahun ini dilakukan, ini kena catat kita kena keberanian kalau bukan kita siapa lagi yang buat *reform*, kalau bukan kita siapa lagi yang buat *reform* tunggu orang akan datang itu reformasi kita menerajui *reform* Pakatan Rakyat. Jadi saya harap YAB Menteri Besar dapat catat dan mengambil maklum perkara ini. Tuan Speaker memandangkan usaha kita ke arah mempraktikkan semangat demokrasi dan apabila Rang Undang-undang ini diluluskan jangan takut jangan khuatir. Tuan Speaker akan mengadakan satu Jawatankuasa pilihan dalam menguruskan Dewan ini dan juga Ketua Pembangkang sebagai *ex-officio* atau sebagai ahli yang duduk dalam jawatankuasa tersebut. YAB Dato' Menteri Besar dalam situ untuk menguruskan Dewan sama-sama dengan Tuan Speaker. Ini satu ketulusan 3 cabang Speakernya, Ketua Pembangkangnya, YAB Dato' Menteri Besarnya memastikan setiap sen yang dibelanjakan *value of money* ini yang saya minta harus dilaksanakan perkara ini cukup penting. Satu lagi yang saya ingin memberitahu

TUAN SPEAKER : Y.B. Sekinchan saya bagi 10 minit lagi.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS : Tuan Speaker

TUAN SPEAKER : Ya Sg. Burong

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS : Ingin membuat pertanyaan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Cepat-cepat masa-masa

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS : Bagi ya, terima kasih. Ini konsep untuk memberi kuasa kepada Dewan yang lebih dari segi pengurusan sedangkan dalam *of sucession power* itu kita ada *executive*, *Judiciary* menguruskan pentadbiran dan pengurusan. *Judiciary* ini hal-hal dasar dan perundangan tetapi kalau *lady* pun terlibat juga dalam pengurusan dan pentadbiran akan berlaku *complete* kepentingan dengan segi integriti jadi bagaimana kita hendak memisahkan antara eksekutif peranan yang dimainkan oleh Dewan sebagai Badan *Regulative* dengan yang sepatutnya ada sekarang yang *effective system* pembahagian kuasa yang sempurna. Sila jelaskan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Y.B. Ketua Pembangkang Sg. Burong jangan khuatir Sg. Burong kita akan masukkan Sg. Burong dalam Jawatankuasa tersebut. Kenapa perkara tidak dapat dilaksanakan sehingga sekarang kerana di peringkat Parlimen pun tidak berani dilakukan maknanya dilakukan sesuatu yang baru

perlu ada keberanian mana ada satu kekangan tapi kita boleh lakukan saya yakin di bawah Pakatan Rakyat ketulusan ada *sucession of power* tiada masalah di negara-negara seperti di United Kingdom dan sebagainya boleh dilakukan kenapa Malaysia yang dikatakan Malaysia Boleh tapi tidak boleh patutlah tidak kekal jadi tidak kekal. Ini yang menjadi masalah. Pada yang sama Tuan Speaker oleh sebab masa mencemburui saya, saya juga hendak menyatakan sudah masa Dewan yang mulia ini kita kena ambil maklum bahawa setaraf dengan memperkasakan Dewan Negeri Selangor dan saya nampak sudah sampai masanya taraf Tuan Speaker jawatan Tuan Speaker ini kena setaraf dinaikkan taraf dengan di bawah Menteri Besar. Lebih tinggi daripada EXCO ini kita perlu *reform* ini bukan setakat ini sahaja saya sudah baca taraf sekarang Tuan Speaker, Tuan Speaker ini hanya setaraf dengan EXCO sahaja dengan kemudahannya. Patut di Selangor kita menerajui Dewan di negara kita, kita kena anjakkan ke atas selepas Menteri Besar ini mengikut protokol yang kita ada. Termasuk elaun dan sebagainya kita kena buat *reform* ini juga satu *reform*. Yang keduanya sudah sampai masanya kita melangkah ke depan lagi iaitu kita beri pengiktirafan yang secukupnya kepada pembangkang. Ketua Pembangkang juga harus diberi taraf setaraf dengan EXCO diberi kereta rasmi, elaunnya setaraf dengan Exco saya tiada masalah Sekinchan sokong. Ini cara Sekinchan berpolitik bukan macam dulu Barisan Nasional kiris Sg. Panjang, kiris Sg. Panjang macam kita mahu Sg. Burong berperanan proaktif

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS : Tuan Speaker minta penjelasan.

TUAN SPEAKER : Sekinchan 7 minit lagi.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Berapa 5 minit...

TUAN SPEAKER : 7 minit

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : ok..ok 7 minit. Jadi sudah sampai masanya Ketua Pembangkang pun kita iktirafkan, pengiktirafan ini cukup penting bukan sahaja kita cakap kita bagi elaun kepada Pembangkang sedikit tidak cukup, belum cukup dengan elaun sahaja setaraf dengan EXCO kereta rasmi dengan pemandu termasuk dengan 2 pegawai penyelidik kena membekalkan kepada pembangkang, Ketua pembangkang yang lain tiada ketua ya dan bilik pejabat yang besar dan saya harap dengan kemudahan sebegitu Ketua Pembangkang kena berperanan jangan PAC pun tidak ada kita bagi pengerusi PAC tanah kalau macam itu tidak layak kita kena bagi wang ke bagi Batang Kali ke..tetapi tidak apa ini cuma andaian ya..tapi yang penting taraf itu. Kita kena buat anjakan setaraf ini adalah *reform* dalam 5 tahun ini ya kita dapat lakukan dalam Dewan yang mulia ini. Dan seterusnya setaraf dengan kenaikan-kenaikan ini saya juga ingin mengesyorkan Kerajaan Negeri agar menaiktarafkan Setiausaha Dewan kita saya nampak Setiausaha Dewan bukan Dewan Selangor nombor 1 Malaysia tetapi Setiausaha Dewan Gred dia M52 lebih rendah daripada Pegawai Daerah sebagainya kita kena angkat lagi kurang-kurang 54 ini baru setaraf dengan Dewan Negeri Selangor. Saya harap YAB Dato' Menteri Besar boleh maklum dengan cadangan-cadangan saya ini penting kalau kita boleh lakukan sebegini semua ini Selangor *insya-Allah* Pakatan Rakyat 5 penggal lagi tiada masalah. Rakyat yakin kepada kita rakyat 44 kepada kita kalau kita *reform* sampai kapan, kapan lagi sampai

kapen lagi sampai bila lagi ini masanya inilah kalilah kita kena buat ubah untuk kebaikan ketua Pembangkang taraf Tuan Speaker dan sebagainya. Ini yang saya minta.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ya.. Tuan Speaker saya minta penjelasan

TUAN SPEAKER : Ya...Sg. Pinang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Saya tertarik dengan cadangan Y.B. Sekinchan naik taraf Tuan Speaker tapi saya hairan kenapa dulu saya menjadi Tuan Speaker beliau tidak memperjuangkan perkara ini untuk saya.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Penjelasan

TUAN SPEAKER : Tolong jawab, tolong jawab.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Y.B. EXCO Sg Pinang. Dulu bukan kita tak nak buat memandangkan rizab kita tidak sampai ke situ tidak sampai ke rizab Selangor tidak sampai keadaan kondusif ada EXCO tidak selesai Rang Undang-undang SELESA kita lakukan ini dengan pra-syaratnya satu 6 Rang Undang-undang SELESA harus diluluskan Ahli-ahli Yang Berhormat kata setuju kata setuju. Seterusnya saya juga minta Dewan yang mulia ini taraf Setiausaha kena naik dan pada masa yang sama kita jangan lupa kakitangan Dewan, termasuk Bentara yang elauannya lebih masa sudah lama tidak semak Kerajaan kena buat ini kita jangan hanya mengutamakan rakyat ekonomi di luar tetapi di Dewan kita tidak nampak loro (dengan izin) tidak nampak pegawai-pegawai kita kena nampaklah termasuk juga kerani-kerani ADUN kawasan pegawai Exco pegawai Exco kanan semua elauannya kena disemak janganlah ada sampai sekarang masih ada di paras kemiskinan PGK Paras Garis Kemiskinan RM1,500 ke bawah macam mana Selangor Maju. Ini dia di antara saya nampak kita perlu buat *report* dalam pada masa yang masa kita nampak satu masalah denyutan jantung keluhan di mana di Dewan di SUK masih ramai kakitangan berstatus kontrak, kontrak ada kontrak 5 tahun ada kontrak 20 tahun, 25 tahun kontrak bukan tetap tapi status kontrak tak apa kalau tidak boleh diubah jadi tetap kita kena fikirkan bagaimana bantu mereka. Saya dengar-dengar juga banyak rintihan kita sebagai ADUN kita bukan sahaja jaga rakyat di luar kakitangan kita juga untuk menyokong pentadbiran kita, kita kena dengar saya dengar juga oleh sebab mereka ini statusnya kontrak slip gaji mereka tidak laku pergi ke Bank buat pinjaman Bank tolak kalau Bank tolak sampai kapan dia ada rumah, rumah tak ada. Maka saya harap Kerajaan kena prihatin. Kerajaan Pakatan Rakyat prihatin untuk rakyat maka saya minta kita kena tubuhkan satu lagi tabung, tabung apa ' Tabung Khas Pinjaman Rumah Selangorku'. Tabung Khas Pinjaman Perumahan Selangorku' untuk kakitangan yang kontrak. Kerajaan kena bagi pinjaman kita bantu mereka ini permintaan keperluan asas rumah, rumah kerja 20 tahun slip gaji tidak laku sampai bila kita takkan sampai bila nampak pegawai-pegawai kita teraniaya kita mahu kebajikan ini dijaga. Ya Kg. Tungku nak duduk kampung.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya.. bertanya Y.B. Sekinchan apa pendapat Y.B. Sekinchan tentang kenaikan elaun ADUN Di Negeri Sarawak.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ok. Ini perkara ini cukup ini cukup menarik minat. Saya yakin bukan sahaja pihak Kerajaan dan juga pihak Pembangkang ya tentang kebajikan bawah kita kena jaga. Memandangkan ADUN juga terpaksa menghadapi beberapa masalah layanan terhadap kawasan sebagainya komitmen tinggi saya tahu Y.B. sudah menyesal sudah kira-kira dan sekarang ini sudah ramai ADUN lagi saya nampak Paya Jaras baru, Kuala Kubu baru. Saya minta ADUN-ADUN kena tunjuk komitmen kawasan kerja dahulu kerja kuat sikit tunjukkan kepada rakyat *component* prestasi baru. YAB Dato' Menteri Besar nampak prestasi kita bagus *insya-Allah* kita akan buat di luar jangkauan kita. Kita menanti tunggu dan lihat ini yang kita nampak dan seterusnya untuk sebagai akhir 'Bunga Selasih Si Bunga Melur Di Tanah Orang Di Dalam Hutan, Terima Kasih Rakyat Selangor Masih Percaya Kepada Pakatan' Tuan Speaker dengan kata-kata ini Sekinchan dengan ini memohon menyokong usul menjunjung kasih Titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tunku, Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah disokong. Sekarang saya bukannya untuk perbahasan. Sg. Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS : Terima kasih Tuan Speaker. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*. Salam sejahtera dan salam perpaduan. Saya bagi pihak Ketua Pembangkang mengambil kesempatan ini ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang.

TUAN SPEAKER : Sg. Burong. Kg. Tungku nak...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ingin bertanya Y.B. Sg, Burong sudah lupa Salam 1 Malaysia.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: *Aaa, ok. Salam Satu Malaysia.* (Ahli-ahli Dewan ketawa). Ok, tak apa, saya boleh ulang balik ya. Kalau nak bagi.. terima kasih kerana bagi peringatan kepada kita, salam perpaduan, salam sejahtera dan *Salam Satu Malaysia!* (Ahli-ahli Dewan ketawa). Ya lah, oleh sebab kita tak ramai, dia bila tepuk tu tak dengar lah. (Ahli-ahli Dewan ketawa). Terima kasih kepada Puan Speaker kerana bagi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan menyokong titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di persidangan Dewan yang mulia ini. Bagi pihak Ahli-ahli Dewan negeri Selangor, Barisan Nasional, saya ingin mengambil kesempatan ini pertama sekali menjunjung kasih ke atas Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang begitu prihatin kepada masalah, kesejahteraan dan keselamatan semua lapisan rakyat di negeri Selangor. Malahan dalam beberapa hal, Duli Yang Maha Mulia Tuanku lebih rasional dan prihatin daripada pemimpin-pemimpin kerajaan terutamanya yang melibatkan hal ehwal agama Islam, kebajikan rakyat, golongan yang berpendapatan rendah dan perpaduan rakyat berbilang kaum. Bagi kami rakyat negeri Selangor, Duli Yang Maha Mulia Tuanku adalah payung kepada kami, dan merupakan kuasa serta pelindung terakhir kepada kami mengadu apabila kerajaan gagal mengatasi pelbagai penyelesaian, masalah

rakyat kerana perbezaan ideologi. Keutamaan dan kepentingan parti-parti yang menganggotai kerajaan Pakatan Rakyat.

Sebagai sebuah parti yang mendukung keluhuran Perlembagaan Persekutuan, Demokrasi Berparlimen, Raja Berperlembagaan dan Sistem Pilihan raya Bebas, yang telah diamalkan oleh Malaysia sejak kita merdeka. Barisan Nasional menghormati keputusan Pilihan raya Umum yang ke-13 yang telah dibuat oleh rakyat khususnya pengundi-pengundi pada 5 Mei 2013. Pilihan raya Umum ke-13 telah memberi kemenangan kepada Barisan Nasional dengan majoriti 133 kerusi, walaupun Pakatan pembangkang, Pakatan Rakyat khususnya, Ketua Pembangkang merangkap Penasihat Ekonomi Selangor dan Ahli Parlimen Permatang Pauh yang begitu taksud dan yakin bahawa Pakatan pembangkang dapat mengambil alih Putrajaya. Pilihan raya Umum yang ke-13 juga telah memberikan kemenangan 2/3 majoriti kepada Pakatan pembangkang di Kelantan, Pulau Pinang dan Selangor. Walaupun mereka sentiasa mempersoalkan ketelusan serta kewibawaan Suruhanjaya Pilihan raya sejak dahulu lagi melalui 3 demonstrasi Bersih. Barisan Nasional Selangor menghormati keputusan-keputusan di atas walaupun kami kecewa apa yang telah berlaku di Selangor. Nampaknya, kita kena terima hakikat bahawa rakyat Selangor masih mahukan Pakatan pembangkang memerintah Selangor walaupun banyak terbukti kerajaan Pakatan telah gagal melaksanakan..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Puan Speaker.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: sepenuhnya..janji-janji..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: mencelah sedikit..

TUAN SPEAKER: Sg. Burong, Sekinchan minta mencelah

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: manifesto PRU ke-12

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ya, saya habiskan ayat tu tadi

TUAN SPEAKER: Tak beri ya? Nak beri ke tak nak?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Boleh.

TUAN SPEAKER: Boleh ya?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih rakan saya yang bijaksana daripada Sg. Burong. Saya cuma nampak, kalau Yang Berhormat Sg. Burong dah mengaku, dah terima bahawa kerajaan negeri Selangor sudah dimenangi oleh Pakatan Rakyat, jangan lah sebut Pakatan pembangkang, kerajaan lah. Ini pun tak boleh terima dalam konteks ini macam mana nak ubah. Ini kali lah nak ubah. Terima kasih. (Ahli-ahli Dewan ketawa).

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih Puan Speaker. Saya tadi cakap dari segi keseluruhan. Jadi bila keseluruhan, di peringkat Parlimen, Pakatan Rakyat masih menjadi pembangkang. Bila nanti saya merujuk di negeri Selangor, baru lah sampai ketika masa itu saya rujuk kita ni jadi pembangkang, dan saya jadi ketua pembangkang. Itu dah betulkan. Jangan lah Sekinchan ni, Sekinchan ni dia selalu suka, orang kata, prasangka. Tapi jangan sampai sangka jahatlah, ya. Sebagai parti yang bertanggungjawab dan mendukung demokrasi dan ketulusan Suruhanjaya, saya, bagi pihak ADUN-ADUN Barisan Nasional mengucapkan tahniah kepada, haa, ini kita nak sebut ya, haa..Pakatan Rakyat telah mendapat dua (2) kali, kali kedua mendapat mandat kali kedua oleh rakyat Selangor untuk meneruskan pemerintahannya. Kami berikrar kepada rakyat Selangor bahawa kami akan menjadi pembangkang yang bertanggungjawab semasa di dalam dewan atau di luar dewan. Puan Speaker, Duli Yang Maha Mulia dalam titah ucapannya menyeru semua pihak menghormati sepenuhnya Perlembagaan Persekutuan. Undang-undang tubuh negeri kerajaan Selangor dan setiap peruntukan undang-undang berkenaan. Dalam sistem demokrasi berperlembagaan..

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat, peraturan tetap.

TUAN SPEAKER: Ya, Seri Setia.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Peraturan tetap 36 (7), nama Duli Yang Maha Mulia, Seri Paduka, nama Duli Yang Maha Mulia Sultan tidak boleh digunakan untuk mempengaruhi dewan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Puan Speaker, saya bukan nak mempengaruhi dewan, kita kena sebut titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sebab saya nak rujuk kepada buku *pink* ini jugalah. Ya, lembaran *pink* yang dah ditunjukkan tadi oleh..apa ni.. Bukit Antarabangsa mengandungi titah-titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang perlu kita jadikan usul untuk disokong, jadi apa salahnya saya *quote* ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku? Saya bukan menyebut nama Tuanku.

TUAN SPEAKER: Seri Setia boleh duduk. Saya setuju dengan Sg. Burong. Sg. Burong, teruskan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ok. Dalam sistem demokrasi berperlembagaan yang diamalkan di negara ini, dan, pilihan raya yang telah dijalankan telah dilaksanakan sepenuhnya mengikut lunas undang-undang yang berkenaan. Pilihan raya di negara ini ditentukan melalui pembahagian kerusi mengikut kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri masing-masing. Dan kemenangan di peringkat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri ditentukan melalui kelebihan jumlah kerusi yang diperoleh. Kemenangan bagi setiap kerusi di dalam Dewan Undangan Negeri dan juga di Parlimen ditentukan mengikut jumlah kelebihan majoriti undi yang dipungut dalam pilihan raya yang tersebut. Hatta, walaupun undi lebih satu (1) sahaja. Ini lah amalan sistem demokrasi yang telah dilaksanakan. Sebelum kita turun bermain di padang, kita telah menentukan peraturan-peraturan bagaimana permainan itu harus dilaksanakan.

Dan apabila permainan telah ditamatkan, kita harus menghormati segala keputusan-keputusan dalam perlawanan tersebut. Sekiranya ada ke tidak puas hati dalam masa perlawanan dilaksanakan, yang dijalankan oleh pegawai-pegawai yang melaksanakan perlawanan tersebut, kita ada ruang dan tempat di mana perkara itu dirujuk. Begitu jugalah kedudukan dalam pilihan raya kita. Bila ada keputusan-keputusan itu dipertikaikan dalam pilihan raya oleh sebab-sebab yang tertentu, maka kita boleh merujuk kepada pihak mahkamah untuk menentukan keputusan. Ini lah sistem '*separation of power*' yang telah diletakkan di negara ini sebagai asas-asas peraturan undang-undang permainan yang kita perlu laksanakan dan patuhi. Walau bagaimanapun, saya ingin membangkitkan satu isu penting dalam dewan yang mulia ini, yang melibatkan keputusan rakyat dalam pilihan raya yang ke-13. Demi kesejahteraan rakyat dan ketenteraman awam, iaitu perhimpunan *Blackout 505*, terutama perhimpunan haram *Blackout 505* pada 22 Jun 2013 di Padang Merbok Kuala Lumpur. Perhimpunan haram ini dan perhimpunan-perhimpunan sebelumnya dipelopori oleh seorang pakar demonstrasi jalanan sejak zaman pelajar dahulu iaitu Penasihat Ekonomi Selangor merangkap Ketua Pembangkang dan Ahli Parlimen Permatang Pauh. Yang bercita-cita tinggi untuk menjadi Perdana Menteri Malaysia sejak dahulu lagi.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Puan Speaker. Peraturan mesyuarat Seksyen 36 (9). Mana-mana perbahasan tidak boleh disebutkan, dikeluarkan atau sifat mana-mana Ahli Parlimen atau Dewan Negeri atau mana-mana pegawai dan sebagainya dalam ucapan ini. Hanya kalau dalam kapasiti urusannya sebagai Ahli Parlimen.

TUAN SPEAKER: Lanjan, Sg. Burong minta akur.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ya, ok.

TUAN SPEAKER: Teruskan Sg. Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Puan Speaker, demonstrasi jalanan ini yang dipelopori oleh pemimpin Ketua Pembangkang Parlimen, berangan-angan untuk mengangkat sumpah pada hari Isnin 26 Mei 2013 berjaya meyakinkan penyokong-penyokong termasuk dari luar negara dan bahawa ini kalilah peluang beliau untuk menjadi Perdana Menteri Malaysia dan juga telah merancang lebih awal sebelum PRU 13, siri-siri demonstrasi dan perhimpunan jalanan di seluruh negara dan di luar negara jika cita-cita dan nafsu besarnya gagal dalam PRU 13. Tetapi tuhan yang maha adil, tidak mengizinkan cita-cita dan nafsu besarnya sebagaimana juga tuhan tidak mengizinkan janji¹⁶ September 2008 dan cita-citanya menggunakan pengikut-pengikutnya dalam Barisan Nasional dahulu untuk menjadi Perdana Menteri. Malahan beliau berjanji untuk meninggalkan arena politik dan menjadi pensyarah di luar negara jika gagal mengambil Putrajaya dalam PRU 13. Kita sebenarnya tidak terperanjat dengan kekecewaan beliau dan tindakan beliau ketika memelopori beberapa demonstrasi jalanan dan perhimpunan haram terutamanya demonstrasi 22 Jun 2013. Beliau mendakwa bahawa demonstrasi ini adalah anjuran dan dukungan semua parti-parti dalam pakatan pembangkang. Tetapi jelas ini adalah satu pembohongan besar.

Pengerusi DAP sendiri sentiasa menekan rakyat bahawa DAP tidak terlibat, itu hanya anjuran Parti Keadilan Rakyat yang dipelopori oleh Ketua Pembangkang. PAS juga berpendirian sama, walaupun salah seorang Naib Presidennya iaitu Ahli Dewan Undangan Negeri N17 salur Kelantan yang pro Ketua Pembangkang dan gagal merampas kerusi Parlimen Putrajaya membuat fatwa bahawa sesiapa yang gugur dalam demonstrasi.. *'Blackout'*

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Puan Speaker....Puan Speaker, saya ingin rujuk kepada peraturan mesyuarat..

TUAN SPEAKER: Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Saya rasa ini dah berpanjangan, Seksyen 36 (9), Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negeri dari negeri-negeri lain dan sebagainya kalau ada perlu disebut dalam Dewan ini, perlu merujuk kepada urusan rasmi mereka sebagai Ahli Parlimen dan juga Dewan Negeri.

TUAN SPEAKER: Sg. Burong, minta kaitkan teks ucapan Sg. Burong dengan titah menjunjung kasih

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Memang, memang

TUAN SPEAKER: Usul menjunjung kasih titah ucapan Tuanku.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Puan Speaker, terima kasih. Memang ucapan saya ini ada kaitannya dengan titah supaya kita menjunjung perlembagaan dan undang-undang tubuh. Apa yang berlaku sekarang, terdapat pemimpin-pemimpin yang tidak menerima hakikat bahawa selepas keputusan pilihan raya dibuat mengikut saluran perlembagaan dan undang-undang, masih membawa ya, unsur-unsur melalui proses demonstrasi jalan yang ... telah menimbulkan kekacauan dan ini saya percaya salah satu perkara yang perlu kita fikirkan bersama untuk pastikan supaya kita menerima apa-apa juga keputusan yang telah dilaksanakan dan kemudian kita *move forward*. Saya ingin menghujahkan bahawa apa yang mereka lakukan ini adalah bertentangan dengan prinsip-prinsip perlembagaan dan juga perundangan, terutamanya undang-undang tubuh sebagaimana dinasihatkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Tapi Dato' Seri Anwar Ibrahim bukan seorang Ahli Dewan Negeri jadi saya minta kalau Sg. Burong boleh.....

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: Sama juga perdana menteri pun bukan Ahli Dewan Undang Negeri tetapi dikaitkan juga dalam berapa isu, malah tuduhan-tuduhan. Dewan ini membenarkan jadi soalnya, saya berhujah atas dasar usul titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Kalau ini tidak dibenarkan, apa maknanya. Saya ada prinsip dan pandangan sendiri, kita dalam Dewan ini boleh berbeza pandangan, tidak mengapa dan saya melakukan berdasarkan dasar-dasar yang kita percaya bahawa kalau kita terima pandangan ini, kita boleh bawa negeri Selangor ini lebih aman dan makmur. Itulah tujuan saya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Mohon penjelasan Puan Speaker.

TUAN SPEAKER : mereka nak minta penjelasan Sg. Burong, boleh benarkan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: boleh.....

TUAN SPEAKER : Kg. Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya, ya... Terima kasih Puan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Sebenarnya saya kira tidak ada masalahnya dengan perhimpunan-perhimpunan ini dan pada masa yang sama kita telah pun dimaklumkan bahawa perhimpunan *black out*, *black out* 505 yang terakhir telah pun berlangsung pada kali yang terakhir dan sekarang ini ia dilakukan pada melalui cara yang aman, jadi saya lihat tidak ada masalahnya. Sekarang petisyen sudah pun difailkan di Mahkamah Tinggi. Suruhanjaya pun ditubuhkan. Masing-masing sudah pun mengangkat sumpah, saya rasa, tidak ada masalah dengan mengadakan satu perhimpunan untuk menunjukkan perasaan mereka melainkan menimbulkan kacau bilau, tapi apa yang kita lihat tidak ada masalah berlaku. Jadi saya minta pendapat daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: Puan Speaker, ini ulasan ke atau pun penjelasan. Kalau penjelasan saya boleh bagi ...tetapi ini macam ulasan benda itu kata dah selesai. Pada saya isunya kita perlu perbahaskan dan kita perlu bicarakan bagi memastikan kita mendapat *solution*. Cuma sebelum itu saya ingin bertanya pada Puan Pengerusi adakah saya ini diberi peluang untuk berucap, kalau sekiranya hari ini masa tak cukup, menyambung ucapan saya, sebab teks ucapan saya ini masih panjang lagi.

TUAN SPEAKER: Boleh, Sg Burong saya benarkan kerana Sg. Burong Ketua Pembangkang.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: O.K. Terima kasih Puan Speaker.....

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Mohon penjelasan.

TUAN SPEAKER: Paya Jaras minta mencelah, benarkan.....

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: Saya benarkan.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Terima kasih Puan Speaker. Terhadap kenyataan Ketua Pembangkang sebentar tadi yang menyatakan bahawa perhimpunan itu adalah bersalahan dengan peruntukan undang-undang perlembagaan. Boleh Ketua Pembangkang nyatakan fasa mana yang bersalahan dengan perhimpunan itu.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: Saya cakap prinsip ya, terima kasih, pada ialah dari segi prinsipnya apa tindakan dalam proses pilihanraya yang perlu kita dalam sistem yang dilaksanakan dalam Negara berasaskan sistem perlembagaan dan sistem demokrasi berparlimen. Peraturan-peraturan ditetapkan dalam pilihanraya tersebut dan pelan juga pelan yang sudah dilaksanakan...jadi apabila dalam proses perlaksanaan diterima, apa yang nak kita terima dan apa yang saya nak cakapkan ialah kita kena patuh dengan keputusan tersebut dan kita tidak mahu orang-orang ada pemimpin-pemimpin yang dia tidak puas hati dan bawa melalui proses jalanan yang akan menimbulkan ketidaktenteraman, dan juga akhirnya boleh menimbulkan huru-hara di tempat ini.

TUAN SPEAKER: Sg. Burong, Seri Setia minta mencelah, benarkan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: Ok. saya, ok. saya bagi.

Y.B. TUAN NIK NAZI BIN NIK AHMAD : Ok. Yang Berhormat. Terima kasih kerana memberikan saya izin untuk saya mencelah. Saya cuma ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar bahawa Perkara 10 Perlembagaan Negara kita membenarkan ataupun melindungi hak untuk rakyat bersuara dan kedua, adakah wujud beza kita berhimpun secara aman seperti Black 505 dan juga berhimpun secara provokasi sepertimana perhimpunan kepala lembu yang diadakan di SUK beberapa tahun yang lepas.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: Ok. terima kasih. Saya pun ingin juga nak bertanya nanti saya akan sampai ke situ, saya akan bertanya dengan Seri Setia, dia juga melakukan demonstrasi jalanan secara haram dan tidak menggunakan Akta Perhimpunan Aman. Saya akan teruskan ye, Puan Speaker.

Beliau juga telah merancang lebih awal pada sebelum pilihanraya umum yang ke-11 siri demonstrasi dan perhimpunan jalanan di seluruh Negara dan

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik minta mencelah.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Puan Speaker, satu sangkaan buruk menyatakan bahawa merancang perhimpunan sebelum pilihanraya. Ini kena tarik balik.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: memang berlaku.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: tidak ada

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: sudah, sudah.... Saya. Saya tidak benarkan lagi

TUAN SPEAKER : Sg. Burong tidak benarkan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: O.K. duduk dulu.

TUAN SPEAKER: Sg. Burong benarkan atau tidak.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: Saya tidak benarkan.....

TUAN SPEAKER: Sg. Burong tidak benarkan, Kota Anggerik duduk. Sg. Burong teruskan ucapan. Benarkan atau tidak Sg. Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: Benarkan.

TUAN SPEAKER: Benarkan, ok.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Sg. Burong ini satu sangkaan buruk menyatakan bahawa perhimpunan-perhimpunan ini dibuat sebelum pilihanraya. Sedangkan tidak ada mana-mana perancangan untuk mengadakan perhimpunan sebelum pilihanraya. Saya minta balik kenyataan ini.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: memang ada....demonstrasi jalanan ini sebelum pilihanraya lagi sejak BERSIH dan kemudian itu demonstrasi-demonstrasi yang dilaksanakanlah sehinggalah yang akhirnya selepas pilihanraya juga dijalankan demonstrasi-demonstrasi jalanan, ya. Ok saya teruskan, kita sebenarnya tidak terperanjat dan kekecewaan beliau dan tindakan beliau dalam demonstrasi jalanan dan perhimpunan haram terutama demonstrasi 22 Jun 2013. Beliau mendakwa ini adalah anjuran dan sokongan parti-parti pembangkang, tetapi sepertimana yang saya sebutkan tadi ya. ini telah ... orang katadiberikan kenyataan-kenyataan oleh pemimpin DAP dan juga PAS yang menyatakan mereka juga tidak terlibat dengan demonstrasi berkenaan.

Demonstrasi Black Out 505 terutama Penasihat PKR menuntut 3 perkara penting, iaitu yang pertama;

Y.B. : Puan Speaker, Peraturan Tetap. Peraturan Tetap 36 (1). Seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang tidak dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan itu. Saya berasa Perhimpunan *Black Out* ini tidak ada berkaitan dengan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

PUAN SPEAKER: Sg. Burong.

Y.B. : Puan Speaker, nak mencelah.

TUAN SPEAKER: Berapa orang nak mencelah. Sg. Burong benarkan ke tidak.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: kalau boleh benarkan saya teruskan.

TUAN SPEAKER: Boleh, Sg. Burong boleh teruskan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: jadi tidak ada masalah ya. Demonstrasi terutamanya Penasihat PKR menuntut 3 perkara yang penting iaitu yang pertama:

- i) Semua Ahli SPR hendaklah meletakkan jawatan serta merta; mengadakan pilihanraya semula bagi 13 kerusi parlimen yang telah dikenal pasti dan ketiga menanggungkan kajian persempadanan semula kawasan pilihanraya sehingga ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya meletakkan jawatan dan diganti oleh ahli-ahli baru.

Mereka tidak menerima keputusan pilihanraya ke -13 yang anehnya kita tahu hari ini walaupun mereka pada awalnya mahu memboikot upacara angkat sumpah, akhirnya telah mengangkat sumpah dan menubuhkan kerajaan di negeri-negeri termasuklah di negeri Selangor bukan ini kita lihat satu sikap *double standard* dengan izin Puan Speaker yang telah ditunjukkan oleh Ketua Pembangkang tersebut dalam sejarah pilihanraya di Malaysia ini. Ketua Pembangkang juga gagal untuk meraih ahli-ahli pembangkang supaya memulakan majlis angkat sumpah

TUAN SPEAKER: Sg. Burong, Kg. Tunku minta mencelah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS:kalau tidak keputusan pilihanraya yang ke13, mengapa perlu mengangkat sumpah.

TUAN SPEAKER: Sg. Burong benarkan Kg. Tunku mencelah.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Yang Berhormat Sg. Burong. Saya saja nak bertanyakan Yang Berhormat Sg. Burong, kalau kita menang ataupun kalah dengan yang tak adil, kalau kita kalah taka pa, tapi dakwat kekal tu yang dikatakan akan kekal 7 hari boleh dibersihkan pada masa yang sama, bukankah ini satu penipuan yang begitu besar terhadap rakyat Malaysia. Ini yang menjadi isunya kita menuntut SPR letak jawatan Yang Berhormat Sg. Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: Saya, sebenarnya bersetuju kalau isu dakwat kekal itu ya, dakwat kekal itu sepatutnya kalau kita kata kekal, itu mesti kekal ya, tetapi soalnya dalam pelaksanaan pilihanraya adakah pelaksanaan dakwat kekal ini telah menyebabkan kegagalan perjalanan pilihanraya. Kita ada dua ratus dua puluh dua (222).....

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Minta laluan

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: kita ada 222 agen pakatan rakyat yang telah mengesahkan ya,

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Minta laluan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: telah mengesahkan keputusan pilihan raya. Kalau kita tak terima ini kita, saya cabarlah buat laporan polis, katakan bahawa agen-agen itu

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Minta laluan Sg. Burong...

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: telah tidak....orang kita... tidak mengesahkan dengan betul.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sg. Burong, Seri Setia. ...sila teruskan.....

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Terima kasih, Sg. Burong dan Puan Speaker. Saya ingin bertanya, jadi kalau tak penting dakwat kekal itu, apa guna, dua kali pilihanraya pihak SPR sendiri komited untuk menggunakan dakwat kekal. Tahun 2008 mereka berjanji untuk pakai tetapi tidak pakai pada tiga (3) terakhir tiba-tiba atas kononnya sebab keselamatan dan kali ini bila digunakan pula rupa-rupanya pewarna makanan, jadi saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Sg. Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: Ini sebenarnya penambahbaikan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Penambahbaikan telah ditubuhkan dan salah satu daripada cadangannya ialah untuk menggunakan dakwat kekal dan perlaksanaannya telah dibuat. Jadi isunya, maknanya oleh kerana ada cadangan yang telah diputuskan maka SPR telah melaksanakan penggunaan dakwat kekal tersebut. Soalnya apabila dakwat kekal itu tidak dapat dilaksanakan mengikut sebagaimana *standard* yang ditetapkan, kalau ini 7 hari dakwat itu kekal kalau, kata kenyataan, 7 hari mesti kekal, tetapi dia walaupun dakwat telah dicalit dengan dakwat hitam ya, ia telah digunakan, adakah ia menimbulkan keraguan masa dalam pilihanraya itu sehingga menjejaskan pengundian tersebut.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Puan Speaker,

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS:ok sekiranya ini berlaku ia boleh dicabar, maksud saya kita ada *avenue* untuk kita mempertikaikan perkara ini di mahkamah. Tidak perlu kita membawa ke jalanan. Itu pandangan saya ok. Boleh saya teruskan.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sg. Burong, Rawang minta mencelah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: Rawang, Ok. sila.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Sg. Burong, dikatakan bahawa ini adalah soal *standard* yang ditetapkan tetapi bukankah Yang Berhormat fikirkan kalau yang dikatakan dakwat kekal yang sepatutnya kekal itu tiba-tiba tukar jadi pewarna, itu satu penipuan, bukan tentang *standard*, ini penipuan terang-terang.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS: Itu perlu buktikanlah Perlu buktikan bawa ke mahkamah ya, ada tempoh 60 hari untuk membawa kes itu ke mahkamah kes penipuan dan dengan ini mahkamah boleh mengisytiharkan bahawa keputusan pilihanraya itu gagal, okey. ataupun pilihanraya itu perlu disahkan dan wakil rakyat itu kekal sebagai wakil rakyat kawasan yang berkenaan.

Puan Speaker, dalam konteks ini saya ingin mendapatkan penjelasan yang pertama daripada Y.A.B. Menteri Besar selaku menteri besar yang baru yang pertama :

i) Adakah kerajaan negeri Selangor

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sg. Burong, saya minta berhenti sekejap, ya. Jam sudah pukul 4.30 petang. Oleh kerana urusan dewan ini masih panjang, maka dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

"Bahawasanya dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga jam 5.30 petang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Puan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata 'Ya'. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata 'Tidak'. Usul ini dipersetujui.

Sg. Burong boleh sambung.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS : Terima kasih Puan Speaker. Puan Speaker saya ingin mendapatkan jawapan dan penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengenai isu ini. Pertama, adakah Pakatan Rakyat dalam kerajaan negeri Selangor yang baru dilantik ini tidak mengiktiraf keputusan Pilihan raya yang ketiga belas di peringkat nasional dan negeri sedangkan mereka juga mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri. Yang kedua, jika benar seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat Seri Setia bahawa perhimpunan pada Mei di Stadium Majlis Bandar raya Petaling Jaya adalah program penerangan anjuran Kerajaan Selangor yang tidak memerlukan permit polis. Jika benar ia adalah program yang melibatkan kerajaan negeri Selangor berapakah perbelanjaan bagi menjayakan program tersebut. Adakah bayaran sewa stadium yang dikenakan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Jika benar adakah ini satu pengesahan bahawa kerajaan negeri Selangor tidak mengiktiraf pilihan raya yang ketiga belas yang memberikan dua pertiga majoriti kepada pakatan di negeri Selangor. Jika tidak benar, mengapa Ahli

Dewan Negeri Seri Setia mengheret kerajaan negeri dan rakyat Selangor bagi menganjurkan demonstrasi tersebut. Apakah rasionalnya kerajaan negeri hendak menubuhkan Suruhanjaya bagi menyalut dakwaan berlakunya penipuan dan pelanggaran peraturan pilihan raya di Negeri Selangor pada Pilihan raya ketiga belas. Cadangan ini pada pendapat saya merupakan satu publisiti politik kerana jika kita tidak puas hati dengan keputusan-keputusan pilihan raya seharusnya ia hendaklah diikuti saluran undang-undang dengan memfailkan petisyen ke mahkamah. Saya juga ingin mendapatkan pendirian sebenar DAP dan PAS Selangor dalam isu ini terutamanya tentang perhimpunan Black Out 505. Sedangkan kepimpinan utama DAP dan PAS tetap menafikan bahawa DAP dan PAS bukan penganjur bersama. Sekurang-kurangnya ADUN Bukit Antarabangsa pernah membuat kenyataan tidak setuju dengan tindakan mengenai demonstrasi ini. Bagaimanakah pandangan PAS Selangor khususnya pesuruhjaya PAS Selangor mengenai sama ada pendirian PAS Pusat atau ikut arahan Naib Pesuruhjaya PAS Selangor.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong, Meru dan Sekinchan minta mencelah. Meru dulu.

Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN : Terima kasih Puan Speaker. Dan juga terima kasih kepada Ketua Pembangkang. Saya nak tanya pada Ketua Pembangkang, saya telah membaca *Facebook* dan *Twitter* dan sebagainya dan juga dari Harakah sendiri memang telah dikeluarkan dalam Harakah *Daily* pun dah dikeluarkan bahawa PAS Pusat dan juga PAS Selangor memang bersetuju di atas perhimpunan Black Out 505.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya tambah lagi. Bagi pihak saya nak minta izin kepimpinan Negeri Selangor kita menyokong seluruhnya penuh perhimpunan tersebut.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Puan Speaker, seterusnya saya juga ingin bertanyakan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang juga merupakan Ahli Parlimen Malaysia yang terlibat dalam meluluskan akta perhimpunan aman 2011 yang telah diluluskan pada 24 November 2011, mengapa kita tidak menghormati dan mendukung akta yang diluluskan sendiri dan bersetuju dengan proses dan demonstrasi dengan aman yang telah dibenarkan di bawah akta berkenaan. Adakah dengan kita tidak mematuhi undang-undang tersebut maka kita juga mengkhianati kandungan atau spirit ataupun prinsip-prinsip yang terkandung dalam akta perhimpunan aman yang membenarkan demonstrasi dijalankan secara aman di negara ini. Sebagai rakyat yang cintakan keamanan dan keselamatan negara saya mengharapkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan memberikan jawapan kepada isu-isu yang telah dibangkitkan di dewan yang mulia ini. Dalam kesempatan ini juga saya mewakili ADUN-ADUN Barisan di dewan yang mulia ini ingin mengambil kesempatan juga mengucapkan tahniah di atas pelantikan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pelabuhan Klang sebagai Menteri Besar Selangor. Kami berharap Yang Amat Berhormat Menteri Besar dapat melaksanakan sepuluh aku janji bersumpah yang dibuat di hadapan Duli Yang Maha Mulia Sultan semasa Majlis Angkat Sumpah jawatan Menteri Besar Selangor yang juga dilakukan kemudian oleh semua Ahli-ahli Kerajaan Selangor. Malahan saya juga mengharapkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar

menunaikan tanggungjawab utamanya dalam melaksanakan keseluruhan janji-janji manifesto pilihan raya yang kedua belas yang masih belum ditunaikan sepenuhnya, walaupun janji-janji manifesto tersebut bukanlah sebagai aku janji yang mesti ditunaikan. Tapi sebagai seorang Menteri Besar yang bertanggungjawab sebagai seorang Menteri Besar yang prihatin kepada kebajikan rakyat maka janji-janji yang belum ditunaikan tersebut seharusnya kita tunaikan dengan sepenuhnya.

Saya juga ingin membangkitkan tentang episod pelantikan jawatan Menteri Besar Selangor kerana terdapat beberapa isu yang mengelirukan rakyat semasa proses pelantikan tersebut. Dan ini telah menimbulkan banyak spekulasi. Ini kerana Yang Berhormat ADUN Bukit Antarabangsa pernah mempersoalkan kelemahan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dahulu yang katanya dia tidak mahu *lean up* Menteri Besar dengan izin iaitu Menteri Besar yang lemah dan ikut telunjuk orang. Ini kerana perkara-perkara yang timbul dan juga pergolakan sebelum pelantikan Menteri Besar ini seharusnya hari ini pelantikan telah pun dibuat maka saya mengharapkan agar Yang Amat Berhormat Menteri Besar dapat kita mendapatkan hubungan di antara Ahli-ahli Dewan walaupun terdapat tindakan-tindakan yang sebelumnya yang mungkin mengguris hati dan sebagainya tetapi demi kepentingan untuk bergerak sebagai satu pasukan untuk kesejahteraan rakyat di negeri Selangor ini saya menyeru Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita rapatkanlah saf-saf barisan di negeri Selangor ini supaya matlamat dan tujuan untuk memastikan kesejahteraan rakyat ini dapat dilaksanakan sepenuhnya.

Saya juga ingin membangkitkan tentang jawatan Penasihat Ekonomi Selangor. Adakah Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan meletakkan Ketua Pembangkang sebagai Penasihat Ekonomi Selangor. Apakah rasionalnya jawatan ini diwujudkan pada penggal ini. Apakah sumbangan Penasihat Ekonomi Selangor yang lalu kepada pembangunan ekonomi Selangor pada penggal yang lalu. Berapakah perbelanjaan pejabat Penasihat Ekonomi Selangor pada penggal yang lalu yang sekretariatnya diketuai oleh Pengarah Strategi PKR dengan bayaran RM30,000.00 sebulan. Sekarang beliau telah menjadi Ahli Parlimen Pandan. Yang jelas kepada rakyat Selangor jawatan ini ialah merupakan batu loncatan dan tapak bagi Ketua Pembangkang untuk mendapatkan pelbagai kemudahan dalam aktiviti politik di negeri Selangor dan Malaysia. Hanya pembaziran wang rakyat Selangor sebenarnya jawatan ini tidak perlu diwujudkan pada penggal ini. Saya membangkitkan isu-isu ini Puan Speaker kerana isu-isu ini adalah penting dan relevan dalam memastikan kelicinan dan kelancaran serta keberkesanan pentadbiran negeri seperti yang diharapkan dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Kita tidak mahu melihat terlalu banyak kecelaruan dan kekeliruan dalam politik dalam urusan pentadbiran kerajaan negeri Selangor yang boleh menjejaskan kestabilan dan kepentingan rakyat keseluruhannya.

Puan Speaker, salah satu isu yang selalu dimainkan oleh Pakatan Rakyat ialah serangan ke atas integriti Kerajaan pimpinan Barisan Nasional di peringkat nasional dan negeri. Dalam konteks ini Kerajaan Pakatan Rakyat sebenarnya telah diberi mandat buat kali kedua oleh rakyat Selangor tidak terkecuali dari isu integriti dan urus tadbir yang baik termasuklah janji-janji Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga kerajaan negeri Selangor dalam manifesto pilihan raya umum yang kedua belas

sepanjang pemerintahannya selama lima tahun yang lalu. Di antara isu integriti yang belum selesai dan perlu dilunaskan adalah seperti berikut. Pertama, penyalahgunaan kuasa dan juga penyelewengan yang berlaku di PKNS dan juga Yayasan Selangor. Penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan, ketidakcekapan dan pengurusan industri pasir oleh syarikat kerajaan negeri Kumpulan Semesta Sdn Bhd. Masalah pengurusan Universiti Industri Selangor atau UNISEL. Penyelewengan pinjaman Talam Corporation Sdn Bhd dan juga penyelesaian penstrukturan awam industri air. Rakyat Selangor juga masih menunggu janji.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong, Kampung Tunku minta mencelah.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Yang Berhormat Sungai Burong, dalam sesi Dewan yang lepas kita dimaklumkan kerajaan negeri Selangor mengambil balik hutang Talam RM392 juta yang mana pada tahun-tahun sebelum ini Kerajaan Barisan Nasional tidak dapat dan gagal mengutip balik. Dan Yang Berhormat kata tindakan kerajaan negeri Selangor Pakatan Rakyat mengambil balik hutang RM392 juta ini satu penyelewengan. Saya tidak pastilah Yang Berhormat.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Yang ini ialah kerana kita dapati cara untuk menyelesaikan masalah Talam Corporation ini melunaskan hutang-hutang ini terdapat keraguan-keraguan. Ini kita anggap sebagai satu kemungkinan berlaku penyelewengan. Tak apa ini akan dihuraikan oleh teman-teman saya selepas ini secara *detail*.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong, Bukit Gasing minta mencelah.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih Puan Speaker. Isu ini telah banyak dan panjang lebar diperjelaskan bukan saja di dewan tetapi pada rakyat jelata tapi bagaimana pula isu yang dibangkitkan oleh Y.B. Sekinchan pada penggal yang lepas berkenaan tanah-tanah yang Barisan Nasional, UMNO, MCA, Gerakan dan MIC ambil pada harga premium hanya RM1.00 sekaki persegi. Adakah itu akan dipulangkan balik pada kerajaan negeri Selangor.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Itu terpulanglah. Itu boleh dibangkitkan dalam dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat - Yang Berhormat sekalian.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong, Kampung Tunku nak bertanya lagi. Boleh Sungai Burong?.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya dah jawab tadi.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Bukan, bukan. Yang sebelum itu. Talam, Talam.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Itu pun saya dah jawab tadi.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ada lebih banyak persoalan.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Soalan lain..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ada juga persoalan yang pada perkara sama.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Ok.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Jadi Yang Berhormat tadi berkata bahawa yang menjadi masalah bagi Yang Berhormat ialah cara penyelesaiannya. Jadi saya nak tanya adakah cara Barisan Nasional yang dahulu yang tidak melakukan apa-apa pun itu cara yang betul.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Itu kerajaan Barisan Nasional yang lama dah lepaskan. Yang ini kerajaan yang ada sekarang. Isu ini masih ada lagi dan ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan yang ada. Kita nak minta penjelasan dengan kerajaan yang lama dan kerajaan yang lama dah tak ada. Ya, jadi kita kena minta penjelasan kepada kerajaan yang baru. Ok...

TUAN SPEAKER : Teruskan Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Dan rakyat Selangor masih lagi menunggu janji-janji lama Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tentang pelaksanaan Projek Rangsangan Ekonomi Selangor yang berjumlah RM50 bilion iaitu projek utama di Sungai Klang. Isu pembangunan tanah padang PKNS di Kelana Jaya dan Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2. Projek penstrukturan program Penstrukturan Air di Negeri Selangor dan juga cara-cara menyelesaikan masalah krisis air yang perlu penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Puan Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan ini ingin menyentuh tentang peranan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor atau PKNS sebagai agensi utama pembangunan Negeri Selangor yang dalam melaksanakan projek Datum Jelatek di Jalan Jelatek, Taman Keramat telah terpesong daripada matlamat dan tujuan sebenar asalnya projek tersebut itu dilaksanakan.

Projek ini merupakan projek pembangunan semula kawasan kos rendah kepada pembangunan bercampur-campur. Projek mega bernilai RM1 bilion yang mengandungi 4 blok, 674 unit kondominium mewah. PKNS telah merobohkan 4 blok rumah pangsa kos rendah yang didiami 100% oleh orang Melayu pada 26 Oktober 2011 yang telah dibina pada tahun 70-an untuk memberi laluan kepada projek Datum Jelatek. Pampasan sebanyak RM130,000.00 untuk rumah pangsa dan RM155,000.00 untuk kedai 1 bilik. Harga yang paling murah ialah RM700 ribu seunit untuk unit studio berukuran 538 kaki persegi dengan diskaun 7% pada bumiputera. Harga termahal ialah RM11.6 juta bagi unit 4 bilik *penthouse* kondominium dengan keluasan 7,222 kaki persegi. Untuk membeli unit termurah RM700.00 unit bayaran pendahuluan sebanyak RM1000.00, insurans bulanan bank RM4,000.00 sebulan hingga RM5,000.00 sebulan untuk tempoh 20 tahun dan memerlukan gaji sekurang-kurangnya RM20,000.00 sebulan.

Pemaju utama anak syarikat PKNS ialah Datum Corporation International. Pemaju untuk Blok A dan C ialah Wiramas Malaysia Sdn Bhd sebuah syarikat dengan modal di benar RM100,000.00 dan modal dibayar RM2.00. Kuota 70% Melayu di kawasan tersebut dibatalkan. Agensi pemasaran Syarikat Singapura Era Real Estate dipasarkan di Singapura pada 2 hingga 4 November 2012 di Internasional Properties Expo 2012, Marina Bay Sand Convention Centre. Projek ini juga dipromosikan sebagai *Chinese Mainstream District* dalam prospektor pasaran dia sebut seperti berikut *Datum Jelatek is develop by Wiramas Hartanah Malaysia Sdn Bhd, this project is the largest we have in Malaysia so far. We are aiming for those Chinese which willing to invest properties in Malaysia and those homiest tin criteria. Malaysia might second home programmed to live in Malaysia. That is why we defined it has Chinese Mainstream District in the City Center* dengan izin. Pengurus besar PKNS telah mengumumkan bahawa Blok A dan C telah dijual kepada pelabur-pelabur dari negeri Cina sementara 2 blok lagi Blok B dan C ditawarkan kepada pelabur-pelabur dari Singapura dan Indonesia. Barisan bertindak Datum Jelatek yang mewakili penduduk-penduduk rumah pangsa Jalan Jelatek bersama 81 Badan NGO telah menghantar memorandum kepada YAB. Dato' Menteri Besar dan merayu kepada kerajaan negeri supaya membatalkan projek tersebut dan digantikan dengan pembangunan mampu milik kondominium tersebut.

Y.A.B. Menteri Besar telah menyatakan projek tersebut akan menambah nilai harta, nilai harta bumiputera persoalannya berapakah ramai orang-orang Melayu mampu membeli kondominium tersebut. Kalau membeli unit yang paling murah RM700,000.00 itu pun untuk kondominium 1 bilik sahaja lebih kecil dari rumah kos rendah yang asal sedangkan dasar kerajaan untuk semua lapisan masyarakat untuk menikmati rumah pangsa 3 bilik. Y.A.B. Menteri Besar lagi telah menyebutkan bahawa tanah tersebut bukanlah tanah simpanan Melayu. Kerajaan tidak terikat untuk memberi 100% kepada orang Melayu dan ia mestilah dibuka kepada semua bangsa.

Banyak lagi persoalan yang boleh dibangkitkan. Pertama apakah matlamat dan agenda sebenar projek ini. Mengapa di kawasan Dewan Undangan Negeri N20 Lembah Jaya dengan majoriti pengundi Melayu seramai 54.28% dalam kawasan Parlimen Ampang dengan majoriti Melayu sebanyak 55.28%. Satu kawasan perumahan kawasan Melayu 100% yang diduduki oleh orang Melayu yang dibangunkan pada awal tahun 70-an semasa Dato' Harun Idris menjadi Menteri Besar Selangor. Yang kedua mengapa dasar PKNS untuk kuota bumiputera sebanyak 70% di kawasan ini dihapuskan. Malahan dibuka luas kepada pembeli-pembeli daripada luar negara. Ketiga mengapa ada rumah mampu milik dan kedai untuk golongan berpendapatan rendah khususnya untuk pemilik-pemilik dan penyewa asal di kawasan tersebut. Harga termurah RM700,000.00 seunit studio adalah di luar kemampuan golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana. Pampasan sebanyak RM130,000.00 hingga RM200,000.00 tidak mencukupi untuk membeli 1 unit tersebut. Pemilik-pemilik asal adalah 100% Melayu terpaksa keluar daripada kawasan tersebut menjejaskan kompensasi pengundi-pengundi Melayu di kawasan DUN Lembah Jaya Parlimen Ampang.

Zaman kerajaan Barisan Nasional orang-orang Melayu berhijrah ke Ampang dan Taman Keramat zaman kerajaan Y.A.B. Menteri Besar mereka akan terpinggir daripada kawasan-kawasan bandar tersebut. Keempat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor juga tidak mampu membiayai sepenuhnya...

TUAN SPEAKER : Sungai Burong, Lembah Jaya minta mencelah.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Terima kasih kepada Ketua Pembangkang cuma saya nak tanya projek-projek yang dibuat dalam DUN Lembah Jaya menurunkan penerusan daripada apa yang dirancang oleh kerajaan Barisan Nasional dan kita tidak ada perumahan-perumahan baru yang buat di sana yang nak bawa masuk bumiputera ke apa ke yang disebut jadi saya nak tanya kepada Yang Berhormat, wakil-wakil rakyat yang sebelum ini siapa, adakah daripada Barisan Nasional yang merancang atau pun daripada Pakatan Rakyat yang merancang pada hari ini.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Terima kasih Lembah Jaya. Untuk makluman Lembah Jaya, sebab Lembah Jaya pun baru ya di DUN tersebut.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Dah dua penggal dah.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Walau pun dua penggallah maknanya kalau dua penggal sepatutnya dah tahulah dengan perkara ini bahawa projek ini pada asalnya atau pun mungkin tak tahu sebab perkara ini kita tidak dapat maklumat kerana pelaksanaannya adalah tidak telus. Sebenarnya dasar pembangunan yang dibuat oleh kerajaan Barisan Nasional yang lepas ialah untuk memberikan rumah mampu milik kepada pemilik-pemilik yang ada dengan memajukan tanah tersebut dan juga membolehkan mereka memiliki rumah mampu milik yang setara dengannya. Ini nanti akan saya sebutkan dalam hujah-hujah saya tapi saya ingin meneruskan hujah saya ini. Kelima pemasaran ini dibuat di luar negara di Singapura oleh ERA Realty Network Pte Ltd agensi pemasaran hartanah antarabangsa yang berpusat di Singapura. Mengapa mesti dipromosikan sebagai *Chinese Mainstream District*. Matlamatnya jelas penguasaan perniagaan hartanah oleh golongan ini di kawasan yang dulunya didominasi 100% pemilik-pemilik Melayu bumiputera. Di manakah sensitiviti-sensitiviti YAB. Menteri Besar selaku Pengerusi PKNS dan juga kerajaan negeri Selangor terhadap penempatan bumiputera di kawasan tersebut. Seterusnya ialah proses pengambilan tanah oleh kerajaan negeri dan PKNS daripada pembeli atau pun pemilik rumah pangsa didapati tidak telus dan banyak menimbulkan perkara keraguan.

Keluasan keseluruhan tapak daripada Datum Jelatek ialah lebih kurang daripada 58 ekar. Bangunan asal 4 bilik rumah pangsa 4 tingkat, sebuah bazar dan sebuah petrol stesen. Daripada 484 unit rumah pangsa sebanyak 60 unit telah dijual kebanyakannya di Blok 1 dan 2 manakala bakinya disewakan oleh PKNS. Kebanyakannya di Blok 3 dan 4. Cadangan awal yang dibuat oleh kerajaan Barisan Nasional pada bulan Oktober 1997 di bawah Rancangan Pembangunan Semula Rumah Pangsa, Jalan Jelatek Pusat Bandar Keramat. Status hak milik tanah masih dengan nama PKNS. Hak pembeli di bawah perjanjian jual beli dan '*deep off assignment*' dengan izin. PKNS akan menyerahkan balik hak milik Blok kepada kerajaan negeri mewakili pembeli dan

pembeli akan memilikinya semula di bawah Seksyen 197 dan 76 Kanun Tanah Negara. Pada bulan April 2002 PKNS telah menawarkan rumah pangsa 12 tingkat 3 bilik tidur jenis Kenanga Sari di kawasan C Jalan 17/56, Ampang Hulu Kelang sebagai tukaran rumah pangsa asal dengan keluasan 686 kaki persegi dan nilai RM72,000.00 hingga RM75,000.00. Satu lagi ialah rumah jenis Mawar Sari 16 tingkat, 3 bilik tidur dengan keluasan 950 kaki persegi dengan nilai RM250,000.00 dan sekiranya berminat perlu membayar perbezaan di antara RM40,000.00 hingga RM50,000.00. Walau pun perundingan ini sedang berjalan tetapi ia belum selesai sehinggalah pertukaran kerajaan negeri pada pilihan raya umum yang ke-12 pada tahun 2008. Kerajaan Pakatan Rakyat kemudiannya telah membatalkan projek asal PKNS di bawah Barisan Nasional dan telah merancang pembangunan projek mega Datum Jelatek yang bermula pada tahun 2009. Di bawah rancangan baru ini tiada skim pertukaran unit ke unit hanya ditawarkan pampasan rumah kediaman berjumlah RM250,000.00 untuk rumah 2 bilik dan RM300,000.00 untuk rumah 3 bilik dan rumah kedai. Berjumlah RM450,000.00 bagi 1 bilik dan RM500,000.00 bagi 2 bilik.

Puan Speaker, 46 penduduk telah menerima tawaran tersebut manakala 14 orang telah menolak dan rundingan dengan PKNS agar menerima tawaran projek baru unit studio 700 kaki persegi dengan nilai RM390,000.00 dan unit kedai 620 kaki persegi dengan nilai RM500,000.00. PKNS telah membuat keputusan dengan untuk mengambil balik tanah secara paksa melalui Akta Pengambilan Tanah di bawah Seksyen 31 Akta Pengambilan Tanah 1960 ke atas Lot 7623 Blok 1, No. Warta 1578/28.428.420. Perbicaraan telah diadakan pada 18.04.2011 dan keputusan pampasan pada 21.06.2011 dengan nilai rumah kediaman RM130,000.00 untuk 3 bilik, dan RM165,000.00 untuk 3 bilik, kedai RM155,000.00 untuk 1 bilik, dan RM170,000.00 untuk 2 bilik. Dapat nilai pampasan ini jauh lebih rendah daripada tawaran asal daripada yang dibuat sekiranya tidak melalui proses pengambilan balik tanah. 4 persoalan penting yang ingin kita ketengahkan kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar, pertama kerajaan negeri dan PKNS yang selama ini sepatutnya memberikan keutamaan kepada rakyat hari ini telah tidak mempedulikan rakyat dan cara pengambilan balik secara paksaan tersebut menunjukkan bahawa kita tidak mengutamakan rundingan tetapi di sebaliknya kita menindas rakyat yang lemah, membelakangkan kepentingan rakyat yang berpendapatan rendah dan mengutamakan dan mementingkan golongan kaya daripada luar negara di mana perginya dasar untuk merakyatkan ekonomi Selangor, hasil negeri untuk rakyat apa salahnya saya ingin merayu kepada Y.A.B Menteri Besar agar dapat menyediakan 60 unit rumah mampu milik untuk pembeli-pembeli asal yang ada hak secara orang kata secara moral kerana mereka ini terdiri daripada orang-orang yang berpendapatan rendah dengan pendapatan yang dijangkakan melalui projek Mega ini menghasilkan bilion ringgit pulangan maka memberikan *value for money*. kepada pemilik-pemilik rumah tersebut adalah sangat wajar sekali, saya sangat berharap sebagai seorang Menteri Besar yang Y.A.B prihatin kepada rakyat terutama kepada golongan berpendapatan rendah ini janganlah kita menggunakan undang-undang walaupun kita mempunyai kuasa untuk mengambil alih secara pengambilan hak milik tanah tersebut kerana ini akan memberikan ketidakupayaan kepada golongan tersebut untuk memiliki rumah mereka, dan jika ini terus berlaku maka mereka golongan ini akan terus terpinggir daripada memiliki rumah di kawasan yang amat tinggi nilainya. Pihak berkuasa Negeri boleh mengambil mana-

mana tanah yang diperlukan untuk apa maksud awam jadi adakah tujuan projek Mega Datum ini mempunyai maksud tersebut apa lagi untuk kepentingan pelabur-pelabur Negara. Yang jelas projek Mega Datum Jelatek adalah eksklusif untuk golongan kaya dan luar negara. Untuk ini kita ingin mendapatkan senarai kemudahan-kemudahan awam yang akan diberikan untuk kemudahan orang ramai di kawasan tersebut walau pun 60 orang pembeli tersebut belum mempunyai hak milik berdaftar atas nama mereka, sebenarnya mereka mempunyai hak dari segi undang-undang melalui perjanjian jual beli yang telah ditandatangani di antara PKNS dan juga pembeli kerajaan negeri dan PKNS mempunyai tanggungjawab dari segi undang-undang dan juga yang lebih-lebih lagi dari segi moral untuk merunding dan mengambil kira pandangan-pandangan rayuan dan masalah yang dihadapi oleh pembeli-pembeli berkenaan. Mereka pun telah mengemukakan rayuan-rayuan dan menghantar memorandum untuk mendapatkan jasa baik dan pertimbangan yang Y.A.B Menteri Besar bagi mengambil perhatian tentang masalah-masalah ekonomi yang mereka timbulkan. Saya sangat mengharapkan kita tidaklah menggunakan kuasa sewenang-wenangnya untuk kita mencapainya matlamat yang tertentu tapi akan mengorbankan terutamanya golongan yang sangat memerlukan ini lah salah satu daripada perkara-perkara yang telah ditimbulkan dalam titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang mahu supaya kita memberikan keadilan dan kesaksamaan kepada mereka golongan terutamanya rakyat yang berpendapatan rendah. Nilai pampasan rumah oleh pentadbir tanah biasanya lebih rendah dari nilai pasaran RM130,000.00 untuk dua bilik berbanding RM230,000.00 harga pampasan tanpa pengambilan balik tanah perbezaannya adalah RM120,000.00 dan ini kita lihat adalah satu penganiayaan kepada pembeli-pembeli berkenaan. Sebaik saja notis pampasan diberikan pada 21.06.2011 rumah-rumah tersebut telah dirobuhkan pada 26.10.2011 pembeli-pembeli rumah telah berkeliaran PKNS ada menawarkan rumah sementara di Ampang Permai tetapi hendaklah membayar sewa sendiri sementara pembeli rumah kedai langsung tidak diberikan tawaran. Sepatutnya PKNS sebagai sebuah agensi yang juga mempunyai tanggungjawab sosial mampu dan boleh memberikan bayaran sewa sementara kepada pembeli-pembeli tersebut seterusnya proses pengeluaran perancangan pembangunan atau *development order* oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya juga tetapi didapati tidak telus dan meragukan mengikut nota pemberitahuan oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya PKNS hanya mohon kebenaran merancang bagi pembangunan semula pusat bandar Keramat untuk LOT 7677 di Blok 3, Lot 7678 di Blok 4, Lot 4681 dan Lot 4870 yang melibatkan pembinaan 318 unit pangsapuri 44 kedai mampu milik dan unit bazar Lot 7675 Blok 1 dan Lot 7676 Blok 2 tidak dimasukkan. Bantahan bermula 26.04.2011 dan berakhir pada 10.05.2011. 4 persoalan penting yang pertama sudahkah proses perundangan dan perbicaraan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1906, akta 122 Seksyen 218 dijalankan sepenuhnya mengikut garis panduan dan peruntukan di dalam akta tersebut. Apakah keputusan Majlis Perbandaran Ampang Jaya mengenai perbicaraan tersebut. Kedua mengapakah Majlis Perbandaran Ampang Jaya begitu merahsiakan dan tidak melayan permohonan dan tuntutan-tuntutan daripada pemilik-pemilik asal dan barisan bertindak Datum Jelatek untuk mendapatkan butir-butir terperinci permohonan perancangan, daripada PKNS yang mahu dirahsiakan. Apabila mereka merujuk hal rakyat di bawah "*freedom of information*" *state of Selangor* 2010 pihak MPAJ tidak bersedia untuk memberikan maklumat tersebut dan telah meminta supaya ini dirujuk kepada Y.A.B. Menteri Besar. Apakah kedudukan sebenarnya

development order oleh PKNS sudah lulus atau belum tetapi PKNS telah mempromosi dan memasarkan projek tersebut di Singapura. Pengurus Besar PKNS telah membuat pengesahan kepada media bahawa dua blok kondominium, Blok A dan Blok C telah dijual kepada pelabur-pelabur dari China kalau belum diluluskan oleh MPAJ mengapa PKNS telah memasarkan projek tersebut di Singapura dan mengesahkan penjualan Blok A dan C. Adakah kerajaan negeri PKNS dan MPAJ bersedia untuk memberi maklumat-maklumat yang dipohon pemilik-pemilik asal rumah pangsapuri tersebut? Atau juga Pengerusi Barisan Bertindak bukannya enakmen tersebut telah menjadikan salah satu daripada proses untuk pendemokrasian dan membolehkan kita mendapatkan ketelusan daripada pentadbiran kerajaan negeri. Demi ketelusan pentadbiran kerajaan negeri saya mohon penjelasan kepada persoalan-persoalan yang di atas. Saya juga ingin mengambil perhatian kepada surat Pengurus Besar PKNS bil(22)PKNS/PA/PEN/110JL02 bertarikh 21.02.2013 kepada tiga orang pemilik yang terlibat sebagai jawapan dan penjelasan kepada surat mereka bertarikh 21.02.2013 ada empat isi penting yang dijelaskan oleh Pengurus Besar PKNS dalam mempertahankan beberapa isu yang telah ditimbulkan oleh pemilik-pemilik di kawasan tersebut. Pertama projek Datum Jelatek sebenarnya perkongsian bijak di antara PKNS, kerajaan negeri Selangor dan penduduk sekitar bagi memperbaiki mutu hidup di kawasan Jelatik dan sekitarnya dan projek ini akan meningkatkan nilai hartanah di kawasan tersebut mampu memperbaharui bangunan yang usang di kawasan bandar selaras dengan projek rangsangan ekonomi, justeru itu PKNS dapat melaksanakan misi sepenuhnya iaitu pembangunan ekonomi demi kebaikan rakyat. Kenyataan ini agak mengelirukan kalau ia merupakan perkongsian bijak mengapa pandangan dan bantahan rakyat melalui memorandum tersebut tidak dilayan malah digunakan kuasa di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960, bina rumah di luar kawasan di luar kemampuan rakyat setempat dipasarkan khusus untuk pembeli luar Negara di Singapura memang benar nilai hartanah naik tetapi untuk kepentingan saya, saya minta Pengurus Besar memberikan senarai bumiputera yang telah membuat permohonan pembelian rumah projek Datum Jelatek tersebut terbukti melalui projek Datum Jelatek PKNS bukan untuk kebaikan rakyat tempatan tetapi untuk kepentingan rakyat luar Negara dan memaksimumkan keuntungan di atas kesengsaraan pemilik-pemilik asal rumah tersebut. Kedua PKNS mengesahkan bahawa tidak ada satu pun projek Datum Jelatek dijual kepada mana-mana pelabur asing termasuk dari Singapura mahupun dari China kerana PKNS belum memperoleh lesen pemaju dan permit, Exco Hartanah Singapura hanyalah satu usaha mempromosikan penjenamaan PKNS sebagai pemaju yang kompetitif kenyataan ini juga mengelirukan kerana projek ini telah pun dipromosikan di Singapura pada 2 hingga 4 November 2012 sebagai "*Chinese Man Stream District*" untuk warganegara China yang ingin melabur di Malaysia melalui program *Malaysia "My Second Home"*, malahan Pengurus Besar PKNS seperti laporan majalah "*Malaysia Business*" bertarikh 1 September 2012 dengan bangganya mengumumkan bahawa dua blok kondominium Datum Jelatek telah dibeli oleh pelabur-pelabur cina. Sementara dua lagi blok sedang ditawarkan kepada pelabur-pelabur dari Singapura dan Indonesia. Mereka bersedia membayar RM1300.00 hingga RM1600.00 bagi setiap kaki persegi. Ini merupakan kenyataan menunjukkan Pengurus Besar PKNS dan saya harap YAB Menteri Besar dapat memberikan penjelasan sepenuhnya. Jika PKNS belum mendapat lesen pemaju dan permit iklan, mengapa agen pemasaran ERA Reality membuat promosi pemasaran yang begitu agresif. Memberi jaminan dan

meyakinkan kepada para pelabur luar negara sehingga mereka telah mengesahkan untuk membeli dua blok tersebut. Bukankah ini juga merupakan satu*presentation* (dengan izin). Di manakah integriti kerajaan negeri dan PKNS. Ketiga PKNS memberi jaminan bahawa kepentingan pegangan bumiputera akan dipertahankan selaras dengan hasrat kerajaan negeri. PKNS juga memberi jaminan 50% kuota jualan kepada bumiputera dan 10% diskaun kepada bukan bumiputera dipatuhi. Kenyataan ini juga meragukan kerana janji ini sukar direalisasikan oleh PKNS. Berapa ramaikan bumiputera yang mampu dan mahu membeli rumah studio? Satu unit bernilai RM700 atau pun lebih RM2juta untuk lain-lain kategori. Kalau mampu pun hendak membeli kondominium 3 bilik, mungkin lebih baik membeli kawasan-kawasan lain di dalam kawasan Kuala Lumpur yang lebih mampu milik kepada mereka. Jika 50% kuota bumiputera tidak diambil berapa lama PKNS akan memegang kuota tersebut. Adakah 6 bulan atau 12 bulan atau kah ada jaminan daripada kerajaan negeri untuk membeli dan mempertahankan kuota itu bagi pihak bumiputera. Inilah yang saya katakan bahawa janji yang sukar direalisasikan dan akan menyebabkan tidak mencapai matlamat memberikan pemilikan kepada bumiputera. Saya beranggapan bahawa surat Pengurus Besar ini hanya bertujuan untuk mengaburi mata rakyat, khususnya masyarakat di Taman Keramat. Berdasarkan kepada faktor-faktor di atas, adalah jelas bahawa agenda tersurat dan tersirat dalam perancangan pembangunan projek mega Datum Jelatek yang dimajukan oleh PKNS yang merupakan sebuah agensi kerajaan negeri yang dulu terkenal sebagai peneraju utama agensi pelaksana dasar ekonomi kerajaan Barisan Nasional khususnya untuk pembangunan sosioekonomi. Yang tersurat projek ini telah melencong daripada matlamat penstrukturan semula masyarakat di bawah DEB, meminggirkan atau lebih kasar menghalau masyarakat Melayu daripada kawasan bandar yang dulunya didiami oleh bumiputera. Yang tersirat, projek ini boleh mengubah geopolitik setempat serta untuk memecahkan dan mengurangkan majoriti pengundi-pengundi Melayu di kawasan tersebut. YAB Menteri Besar dan Pengurus Besar PKNS telah membuat kenyataan, bahawa selain daripada projek Datum Jelatek terdapat lagi 8 projek-projek mega siri Datum di kawasan berikut: Datum Regalia Seksyen 7 Shah Alam, Datum Incity di PJ West, Datum PJ Sentral Petaling Jaya, Datum Sport City, Datum SACC Pusat Bandar Shah Alam, Datum Bangi, Datum I-city Seksyen U5 Subang Bestari, Datum PJ Sentral Garden City. Semua projek-projek tersebut, dianggarkan bernilai hampir 10billion ringgit. Memang tidak dinafikan semua projek-projek mega siri Datum ini menambah nilai harta tanah PKNS daripada statusnya sekarang yang masih dalam perancangan. Kejayaannya masih belum terbukti, banyak masalah dan implikasi, sosioekonomi, proses perancangan yang tidak telus dan juga isu politik. PKNS memang tidak berkemampuan dengan begitu banyak hendak membuat sendiri, terpaksa membuat pinjaman bank ataupun menswastakan bersama atau menjalankan usaha sama dengan syarikat-syarikat ada, lain-lain. Ada yang secara runding terus dan bukan tawaran terbuka. Dahulu YAB Menteri Besar pernah berkata PKNS hendak membuat sendiri projek-projek tersebut dan tidak mahu melaksanakan usaha sama. Tidak mahu merunding terus, dan melaksanakan usaha sama dengan syarikat luar negara walaupun syarikat-syarikat tempatan juga mampu untuk melaksanakan projek tersebut.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang.

Y.B. DATO MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Ya boleh.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Puan Speaker. Tadi Sungai Burong menyatakan ada rundingan terus. Boleh buktikan di mana PKNS ada buat rundingan terus dengan mana-mana syarikat. Yang ini kita minta penjelasan Menteri Besar sebab Menteri Besar dia janji, dia kata tidak melaksanakan apa ni secara rundingan terus. Jadi kita nak pastikan bahawa tidak ada rundingan terus. Berdasarkan kepada apa yang berlaku pada projek Datum Jelatek, banyak persepsi dan spekulasi yang boleh dibuat oleh kat luar mengikut kepentingan masing-masing. Faktor perniagaan, pelaburan, sosioekonomi, geopolitik, termasuklah kepentingan peribadi. Begitulah yang akan berlaku juga dalam projek-projek dalam siri mega Datum. Sama ada dalam pembinaan ataupun dalam perancangan. Di dalam dan tangan-tangan ghaib sama ada di dalam PKNS, juga yang berada di belakang tabir di atas mengambil kesempatan di atas projek ini. Bagi rakyat negeri Selangor terutamanya bumiputera, projek ini akan terus meminggirkan penyertaan mereka dalam pemilikan harta dan penyertaan dalam aktiviti-aktiviti perniagaan. Saya sendiri telah pernah bertanya dalam projek Datum Jelatik Keramat ini, kepada YAB Menteri Besar untuk memastikan bagaimana peniaga-peniaga asal yang ada di situ dapat dipastikan bahawa mereka bukan sahaja tidak mengalami kerugian tetapi kita boleh membantu meningkatkan ekonomi mereka tapi sehingga hari ini berdasarkan projek yang dilaksanakan yang tidak dapat, mampu dimiliki oleh syarikat anak syarikat peniaga-peniaga bumiputera ini, saya berkeyakinan bahawa matlamat ini akan tidak tercapai. Justeru matlamat penyusunan struktur ekonomi Dalam konteks dasar ekonomi baru yang dahulunya dipelopori oleh PKNS akan menjadi orang kata hancur binasa.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Puan Speaker.

Y.B. DATO MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Yang membimbangkan kita..

TUAN SPEAKER : Sg. Burong, Sekinchan minta mencelah.

Y.B. DATO MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Ok.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Puan Speaker. YB Ketua Pembangkang Sg. Burong, tadi saya dengar ada wujud tangan-tangan ghaib di dalam PKNS. Bolehkah YB Sg. Burong sebagai Ketua Pembangkang yang bertanggungjawab, yang kompeten ini boleh nyatakan siapakah tangan-tangan ghaib itu, bagi bukti.

Y.B. DATO MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Dalamnya pun ghaib, boleh cari sendiri. Projek ini asalnya bukan projek untuk apa, tujuan projek mega tapi cara pelaksanaannya kita lihat ia projek ini telah sedemikian rupa, sehingga pemilikan asal tanah itu terpinggir dan kemudian kita lihat projek ini didapati dibangunkan dengan begitu hebat bernilai berbilion-bilion ringgit. Dan kita tahu ini tentulah ada yang tersurat dan tersirat.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Puan Speaker, mana bukti, bukti.

Y.B. DATO MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Ini yang saya maksudkan bahawa perancangan ghaib sebab

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tangan ghaib tu mana..

Y.B. DATO MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Ya..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Bukti tangan ghaib tu mana..

Y.B. DATO MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : lalah..sebab dia

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : lalah sebab harga dia tinggi tangan ghaib. Perancangan dia harga tinggi..jadi dia tangan ghaib.

Y.B. DATO MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Perancangan dia adalah perancangan ghaib. Tiba-tiba ya, maknanya dia tahu-tahu,

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : (ketawa)

Y.B. DATO MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : orang di, apa yang saya maksudkan di sini ialah orang di kawasan itu sendiri, pemilik-pemilik itu sendiri ya, tidak menyedari sebab pada mereka sebagai orang biasa ye, dia ingat penyerahan dan pemilikan, ya, semula apa, tanah oleh PKNS bagi pihak mereka kepada mereka ialah untuk membolehkan mereka mendapat apa orang kata rumah mampu milik yang dan mereka mengharapkan apa orang kata jaminan yang lebih baik. Kalau dulu mereka duduk rumah 1bilik, melalui pendekatan yang diharapkan oleh PKNS ini mereka akan dapat rumah 3 bilik. Tapi di luar pengetahuan mereka, ini, dengan adanya perancangan yang disebut perancangan yang ghaib ini, kita lihat bahawa mereka itu akhirnya tidak diberikan apa yang telah diperlukan oleh mereka sebaliknya tanah yang mereka duduki yang mempunyai potensi yang amat tinggi ini mempunyai nilai yang lebih tinggi akan hilang lenyap selama-lamanya daripada milik mereka.

TUAN SPEAKER : Sg. Burong, Sekinchan minta untuk mencelah.

Y.B. DATO MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya nak teruskan lah..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tak boleh. Sebab saya nampak Sg. Burong juga ghaib juga lah sebab banyak yang disebutkan ghaib, tangan ghaib tak ada bukti.

Y.B. DATO MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Puan Speaker saya membangkitkan isu PKNS di mana ini adalah untuk pertama sekali memberikan kesedaran kepada YAB Menteri Besar ya dan pengurus besar tentang pentingnya ya, kita memberikan orang kata perhatian yang berat terutama kepada golongan masyarakat yang terpinggir. Kita tahu sebenarnya kalau kita lihat sejarahnya mereka yang tinggal di situ adalah orang-orang yang daif dan orang-orang yang berpendapatan rendah. Yang kemudiannya

melalui program yang dilaksanakan oleh kerajaan pada masa itu membolehkan mereka memiliki sekeping harta, yang mungkin nilainya tidak besar, satu bilik, dua bilik ye, tetapi harta ini akan berkekalan hingga anak cucu kita dan warisan mereka. Sekiranya kita begitu prihatin tentang nasib mereka, sepatutnya kita boleh memberikan perhatian yang begitu besar tentang nasib dan masa depan mereka. Tapi hari ini apabila nasib mereka dipertaruhkan kepada projek-projek yang telah, yang sedang dilaksanakan di bawah program PKNS ini, maka mereka sebenarnya menaruh harapan yang amat besar agar YAB Menteri Besar memberikan perhatian kepada mereka. Tetapi malangnya, ini yang sedih ya, sepatutnya kita janganlah zalim sangat ya, saya nak kata pasal apa, kalau kita bagi tawaran asal 300 ribu, 400 ribu, mereka tak akan menolak, mereka menolak kerana mereka tak nampak lagi apakah yang akan mereka perolehi kedudukan mereka hari itu tetapi apabila kita menggunakan pengambilan balik tanah ye melalui paksaan berdasarkan nilai yang dibuat oleh penilaian kerajaan, sudah tentulah mereka akan dapat nilai yang lebih rendah daripada nilai yang sebenarnya mereka perlukan. Sepatutnya kita pada mereka itu satu-satunya tanah yang mereka ada, satu-satunya harta yang pada mereka, kepada Y.A.B. Menteri Besar, kepada kerajaan negeri Selangor, kepada PKNS, mereka ada peluang pelaburan yang besar ye, kalau kita boleh mengerjakan projek yang berbilion-bilion ringgit, boleh mendapatkan keuntungan yang besar kepada PKNS apalah salahnya, inilah rayuan saya kepada Y.A.B. Menteri Besar, terimalah ya, rayuan yang dikemukakan, oleh berapa yang bakinya tu, yang belum dapat lagi rumah ni. Saya percaya mereka tak mampu untuk beli rumah studio, rumah studio RM700,000. Kalau dulu dia 2 bilik sekarang hanya, tak ada bilik. Kalau orang Islam ni, tanya pendapat, Meru, sepatutnya kita hari ini ya, kalau nak bagi rumah yang lebih baik, rumah yang islamik, kita mesti bagi rumah yang boleh memelihara...keluarga kita.

TUAN SPEAKER : YB Berhormat Sg. Burong, saya minta sambung esok, boleh.

Y.B. DATO MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Ya.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli YB sekalian, jam sudah pun 5.30 petang, maka dewan ditangguhkan sehingga ke hari esok, 2 Julai jam 10 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan jam 5.30 petang)